


FGV HOLDINGS BERHAD
200701042133 (800165-P)

PENYATA KEWANGAN DIAUDIT 2021

FGV



MEMANFAATKAN SINERGI.

MENYAMPAIKAN NILAI.



MEMANFAATKAN SINERGI. MENYAMPAIKAN NILAI.

Anjakan paradigma sedang berlaku di FGV. Transformasi perniagaan kami daripada warisan kelapa sawit kepada pemain perniagaan tani yang dinamik kini semakin kukuh tarikannya. Kami telah mengambil langkah tambahan ke arah evolusi ini dan kini adalah masa yang sesuai untuk mempercepat pertumbuhan dan mengoptimumkan potensi kami.

Kami memanfaatkan sinergi merentas rantaian nilai perniagaan perladangan melalui pasaran makanan, serta sektor perkhidmatan yang berkaitan. Kami akan terus memanfaatkan sinergi ini melalui kerjasama dengan pemegang kepentingan utama termasuk pekebun kecil dalam memastikan hasil usaha dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Walaupun langkah berani yang kami ambil boleh menentukan semula masa depan kami, matlamat kami tetap sama; Untuk memaksimumkan penyampaian nilai kepada pelbagai pemegang kepentingan sebagai peneraju perniagaan tani Malaysia.

Di Dalam Laporan Ini

- 2** Laporan Pengarah
- 6** Penyata Pengarah
- 6** Akuan Berkanun
- 7** Laporan Juruaudit Bebas
- 12** Penyata Kewangan
- 26** Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Penyata Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Akta Syarikat 2016 (Akta) mengkehendaki Para Pengarah menyediakan Penyata Kewangan untuk setiap tahun kewangan, memberikan pandangan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang benar dan saksama pada akhir tahun kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan. Seperti yang dikehendaki oleh Akta dan Keperluan Penyenaaran Pasaran Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad, penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 telah disediakan bersesuaian dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta.

Para Pengarah menganggap bahawa dalam menyediakan Penyata Kewangan untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2021 yang dibentangkan di mukasurat 12 hingga 172, Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sewajarnya secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemah.

Para Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa rekod-rekod perakaunan disimpan dengan betul. Rekod-rekod perakaunan ini harus mendedahkan dengan ketepatan yang sewajarnya kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi membolehkan para Pengarah memastikan bahawa Penyata Kewangan ini mematuhi kehendak-kehendak Akta. Para Pengarah secara amnya bertanggungjawab mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi melindungi aset-aset Kumpulan serta mencegah dan mengesan penipuan serta lain-lain penyelewengan. Penyata ini dibuat sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 4 April 2022.

Laporan Pengarah

Para Pengarah dengan sukacita membentangkan laporan tahunan kepada ahli-ahli bersama penyata kewangan diaudit Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan sepanjang tempoh dari akhir tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini adalah:

Dato' Dzulkifli Abd Wahab	(Pengerusi) (Dilantik pada 1 April 2021)
Dato' Amiruddin Abdul Satar	
Dato' Shahrol Anuar Sarman	
Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi	(Dilantik pada 30 Jun 2021)
Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad	(Dilantik pada 1 Julai 2021)
Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin	(Dilantik pada 1 Julai 2021)
Kasmuri Sukardi	(Dilantik pada 1 Julai 2021)
Datuk Wira Azhar Abdul Hamid	(Meletak jawatan pada 1 April 2021)
Datuk Mohd Anwar Yahya	(Meletak jawatan pada 1 April 2021)
Dr. Mohamed Nazeeb P. Alithambi	(Meletak jawatan pada 1 April 2021)
Datin Hoi Lai Ping	(Bersara pada 23 Jun 2021)
Dr. Nesadurai Kalanithi	(Meletak jawatan pada 24 Jun 2021)
Dato' Yusli Mohamed Yusoff	(Meninggal dunia pada 10 Mac 2022)
Datuk Dr. Zunika Mohamed	(Meletak jawatan pada 11 Mac 2022)

Syarikat telah diberi pelepasan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia daripada mendedahkan nama para Pengarah subsidiari Syarikat di dalam laporan ini seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 253(2) Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Nama para Pengarah subsidiari dibentangkan di dalam Laporan Pengarah subsidiari tersebut dan Lembaga Pengarah menganggap maklumat tersebut telah dirangkumkan di dalam laporan ini berdasarkan rujukan tersebut dan justeru menjadi sebahagian daripadanya.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Syarikat secara asasnya adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan dengan pelaburan utama dalam perladangan kelapa sawit serta aktiviti-aktiviti hiliran yang berkaitan, penapisan gula, perdagangan, logistik, pemasaran, pemprosesan getah, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta perniagaan tani. Aktiviti-aktiviti utama subsidiari-subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 24 kepada penyata kewangan.

Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti lazim Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada Pemilik Syarikat	1,167,874	269,918
Kepentingan pihak tidak mengawal	7,704	–
Keuntungan untuk tahun kewangan	1,175,578	269,918

Laporan Pengarah

DIVIDEN

Dividen ke atas saham biasa dibayar atau diisytihar oleh Syarikat sejak 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020:	
– Dividen akhir satu peringkat sebanyak 3.0 sen sesaham, dibayar pada 31 Mac 2021	109,445

Pada 28 Februari 2022, Lembaga Pengarah bersetuju mengisytiharkan pembayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak 8.0 sen sesaham biasa berjumlah RM291.85 juta.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan semasa tahun kewangan dibentangkan di dalam penyata kewangan.

MANFAAT PENGARAH

Semasa dan pada akhir tahun kewangan, tiada perjanjian termeterai yang melibatkan Syarikat, dengan matlamat membolehkan para Pengarah Syarikat untuk mendapat manfaat menerusi perolehan saham, atau debentur, Syarikat atau mana-mana badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain manfaat yang dibentangkan di bawah Imbuan Pengarah) atas sebab kontrak yang dimeterai oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan para Pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah ahli, atau dengan syarikat di mana beliau memegang kepentingan kewangan yang besar.

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Berdasarkan Daftar Pegangan Saham Para Pengarah yang perlu disimpan di bawah Seksyen 59 Akta Syarikat 2016, tiada di antara Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan memegang sebarang saham atau debentur di dalam Syarikat atau subsidiari-subsidiari sepanjang tahun kewangan.

IMBUHAN JURUAUDIT

Butiran mengenai imbuan juruaudit dibentangkan dalam Nota 13 kepada penyata kewangan.

IMBUHAN PARA PENGARAH

Butiran mengenai imbuan para Pengarah dibentangkan dalam Nota 14 kepada penyata kewangan.

INDEMNITI DAN INSURANS UNTUK PARA PENGARAH DAN PEGAWAI

Syarikat mengekalkan insurans liabiliti korporat untuk para Pengarah dan Pegawai Kumpulan sepanjang tahun kewangan, yang menyediakan liputan insurans yang sewajarnya untuk para Pengarah dan Pegawai Kumpulan. Jumlah premium insurans yang dibayar oleh Kumpulan sepanjang tahun kewangan adalah berjumlah RM2,245,000 (2020: RM1,851,000).

Laporan Pengarah

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung hapus kira hutang-hutang lapuk serta peruntukan untuk hutang-hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang-hutang lapuk telah dihapus kira dan bahawa peruntukan secukupnya telah dibuat untuk hutang-hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, yang tidak mungkin direalisasi dalam perjalanan lazim perniagaan, termasuk nilai-nilai aset semasa seperti yang dibentangkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah diturun nilai kepada satu jumlah yang dijangka boleh direalisasi oleh aset-aset semasa tersebut.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang perkara:

- (a) yang boleh menyebabkan jumlah-jumlah tersebut dihapus kira untuk hutang-hutang lapuk atau jumlah untuk peruntukan hutang-hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat menjadi tidak mencukupi dengan ketara; atau
- (b) yang boleh menjadikan nilai-nilai daripada aset-aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- (c) yang telah timbul dan menyebabkan kepatuhan terhadap kaedah sedia ada untuk penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan di mana, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan kebolehan Kumpulan atau Syarikat memenuhi kewajipan mereka.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud sebarang:

- (a) caj ke atas aset-aset Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti seseorang individu; atau
- (b) liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Laporan Pengarah

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang perkara yang tidak dinyatakan di dalam laporan atau penyata kewangan ini yang boleh menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan sebagai mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah:

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh mana-mana item, urusaniaga atau peristiwa penting atau luar biasa, selain yang didedahkan di dalam Nota 58 kepada penyata kewangan; dan
- (b) tidak timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini sebarang item, urusaniaga atau peristiwa penting atau luar biasa yang mungkin akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat untuk tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401-LCA & AF 1146), telah menyuarakan hasrat mereka untuk terus berkhidmat.

Laporan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 4 April 2022. Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' DZULKIFLI ABD WAHAB
PENGERUSI

Kuala Lumpur



DATO' AMIRUDDIN ABDUL SATAR
PENGARAH

PENYATA PARA PENGARAH

SEJAJAR DENGAN SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, Dato' Dzulkifli Abd Wahab dan Dato' Amiruddin Abdul Satar, dua daripada Pengarah FGV Holdings Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 12 hingga 172 telah disediakan bagi memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021 serta prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh yang dinyatakan sejajar dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa, serta kehendak-kehendak Akta Syarikat 2016 di Malaysia

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah sejajar dengan resolusi bertarikh 4 April 2022.



DATO' DZULKIFLI ABD WAHAB
PENGERUSI

Kuala Lumpur



DATO' AMIRUDDIN ABDUL SATAR
PENGARAH

AKUAN BERKANUN

SEJAJAR DENGAN SEKSYEN 251(1) AKTA SYARIKAT 2016

Saya, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid, Pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan FGV Holdings Berhad, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya memperakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 12 hingga 172 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan memenuhi peruntukan Akta Pernyataan Berkanun, 1960.



DATO' MOHD HAIRUL ABDUL HAMID
Ahli MIA No. 14173

Diperakui dengan sesungguhnya dan sepenuhnya oleh penanya dinyatakan di atas, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid di Kuala Lumpur pada 4 April 2022, di hadapan saya.



PESURUHJAYA SUMPAAH

SUITE 9.03, TINGKAT 9
MENARA RAJA LAUT
NO. 288 JALAN RAJA LAUT
60350 KUALA LUMPUR

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI FGV HOLDINGS BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat 200701042133 (800165-P))

LAPORAN KE ATAS AUDIT PENYATA KEWANGAN

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan FGV Holdings Berhad ("Syarikat") dan subsidiari-subsidiarinya ("Kumpulan") memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021, dan prestasi kewangan serta aliran tunai mereka bagi tahun kewangan yang berakhir pada masa itu menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Apa yang telah diaudit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021 Kumpulan dan Syarikat, dan penyata keuntungan dan kerugian, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan pada mukasurat 12 hingga 172.

Asas pendapat

Kami menjalankan audit mengikut piawaian yang diluluskan bagi audit di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diterangkan lebih lanjut dalam bahagian "Tanggungjawab Juruaudit bagi audit penyata kewangan" laporan kami.

Kami yakin bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain

Kami adalah bebas daripada Kumpulan dan Syarikat selaras dengan Undang-Undang Kecil (ke atas Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Pendekatan audit kami

Sebagai sebahagian daripada pembentukan audit kami, kami menetapkan kepentingan dan penilaian risiko akibat salah nyata yang penting dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat. Khususnya, kami mempertimbangkan para Pengarah membuat pertimbangan subjektif; contohnya, berkaitan dengan anggaran perakaunan penting yang melibatkan membuat andaian dan mempertimbangkan peristiwa akan datang yang semestinya tidak pasti. Seperti dalam semua audit kami, kami turut menumpukan risiko pengurusan mengatasi kawalan dalaman termasuk hal-hal lain, pertimbangan sama ada terdapat bukti yang berat sebelah yang mewakili risiko salah nyata yang ketara disebabkan oleh penipuan

Kami menyesuaikan skop audit kami agar dapat melaksanakan tugas yang mencukupi untuk membolehkan kami memberikan pendapat ke atas penyata kewangan secara keseluruhan, dengan mempertimbangkan struktur Kumpulan dan Syarikat, proses dan kawalan perakaunan, dan industri di mana Kumpulan dan Syarikat beroperasi.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI FGV HOLDINGS BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat 200701042133 (800165-P))

LAPORAN KE ATAS AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Perkara audit utama

Perkara audit utama adalah perkara-perkara yang menurut pertimbangan profesional kami, adalah yang paling penting dalam audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa. Perkara-perkara ini ditangani dalam konteks audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami mengenainya, dan kami tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai perkara-perkara ini. Tiada perkara audit utama Syarikat dilaporkan bagi tahun kewangan semasa.

Perkara audit utama	Bagaimana audit kami menangani perkara audit utama
<p>Penilaian Liabiliti Perjanjian Pajak Tanah (“LLA”)</p> <p>Pada 31 December 2021, liabiliti LLA bagi Kumpulan adalah berjumlah RM3.8 bilion.</p> <p>Kami memberi tumpuan terhadap perkara ini memandangkan nilai saksama liabiliti LLA ditentukan berdasarkan unjuran aliran tunai, yang mana memerlukan pertimbangan oleh bahagian pengurusan terhadap andaian yang digunakan dalam pengiraan, khususnya harga Minyak Sawit Mentah (“MSM”) dan Kernel Sawit (“PK”), hasil Buah Tandan Segar (“BTS”), kos ladang matang dan tidak matang.</p> <p>Rujuk Nota 3(i) dalam dasar perakaunan penting, Nota 5(i) dalam anggaran dan pertimbangan perakaunan kritikal dan Nota 47 kepada penyata kewangan.</p>	<p>Kami telah menjalankan prosedur audit yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kami menyemak kesesuaian model nilai saksama yang digunakan untuk menilai LLA liabiliti. Kami juga menilai kewajaran andaian-andaian yang digunakan pihak pengurusan dalam unjuran aliran tunai yang merangkumi harga MSM dan PK, hasil BTS dan kos ladang matang dan tidak matang, dengan membandingkan dengan yang digunakan di dalam pelan perniagaan, sejarah keputusan dan aliran industri; • Kami menilai kebolehpercayaan unjuran aliran tunai yang dibuat oleh pengurusan dengan membandingkan prestasi kewangan sebenar yang lepas berbanding ramalan keputusan sebelumnya; • Kami mengkaji analisis sensitiviti yang dilakukan oleh pihak pengurusan terhadap kadar diskaun, harga MSM dan PK, hasil BTS, kos ladang matang dan tidak matang untuk menilai kesan ke atas liabiliti LLA; dan • Kami menilai kecukupan pendedahan dalam penyata kewangan. <p>Berdasarkan prosedur kami, kami dapati bahawa tiada pengecualian yang ketara.</p>

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI FGV HOLDINGS BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat 200701042133 (800165-P))

LAPORAN KE ATAS AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Perkara audit utama

Perkara audit utama	Bagaimana audit kami menangani perkara audit utama						
<p>Penilaian rosotnilai muhibah</p> <p>Pada 31 Disember 2021, nilai bawaan muhibah Kumpulan berjumlah RM809.1 juta terdiri daripada muhibah berkaitan perniagaan gula di Malaysia sebanyak RM576.2 juta, operasi huluan sawit di Malaysia sebanyak RM226.8 juta dan operasi lain sebanyak RM6.1 juta.</p> <p>Muhibah tertakluk pada pengujian rosotnilai tahunan. Kami menumpukan kepada bidang ini memandangkan penetapan jumlah aset boleh diperoleh semula dalam Unit Penjana Tunai ("CGU") berdasarkan unjuran aliran tunai berdiskaun yang disediakan oleh pengurusan, melibatkan suatu darjah penting bagi pertimbangan dalam penentuan andaian penting di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perniagaan</th> <th>Andaian utama</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perniagaan gula</td> <td>Harga jualan dan jumlah jualan, harga gula mentah, kos penapisan, kadar tukaran dan kadar pertumbuhan nilai terminal</td> </tr> <tr> <td>Operasi huluan sawit</td> <td>Harga MSM, harga PK, hasil BTS dan kos ladang matang dan tidak matang.</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nilai muhibah ke atas CGU yg lain sebanyak RM6.1 juta adalah tidak penting kepada Syarikat.</p> <p>Rujuk Nota 3(d) dalam dasar perakaunan penting, Nota 5(ii) dalam anggaran dan pertimbangan perakaunan kritikal dan Nota 23 kepada penyata kewangan.</p>	Perniagaan	Andaian utama	Perniagaan gula	Harga jualan dan jumlah jualan, harga gula mentah, kos penapisan, kadar tukaran dan kadar pertumbuhan nilai terminal	Operasi huluan sawit	Harga MSM, harga PK, hasil BTS dan kos ladang matang dan tidak matang.	<p>Kami telah menjalankan prosedur audit yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kami menilai kebolehpercayaan ramalan yang dibuat oleh pihak pengurusan melalui perbandingan prestasi kewangan sebenar yang lepas dengan ramalan keputusan sebelumnya. • Kami menilai kewajaran andaian utama yang telah digunakan oleh pihak pengurusan dalam membangunkan unjuran aliran tunai berdiskaun, dengan membandingkan sejarah keputusan dan aliran industri. • Kami memeriksa sensitiviti analisis yang dibuat oleh pengurusan ke atas andaian utama yang disenaraikan dalam jadual di atas bagi perniagaan masing-masing dan juga kadar diskau yang digunakan untuk menilai kesan ke atas penilaian rosotnilai. • Kami menilai kecukupan dan kemunasabahan pendedahan mengenai perkara ini dalam penyata kewangan. <p>Berdasarkan prosedur kami, kami dapati bahawa tiada pengecualian yang ketara.</p>
Perniagaan	Andaian utama						
Perniagaan gula	Harga jualan dan jumlah jualan, harga gula mentah, kos penapisan, kadar tukaran dan kadar pertumbuhan nilai terminal						
Operasi huluan sawit	Harga MSM, harga PK, hasil BTS dan kos ladang matang dan tidak matang.						
<p>Penilaian rosotnilai aset bukan kewangan dengan penunjuk rosotnilai</p> <p>Pengurusan melakukan penilaian rosotnilai aset bukan kewangan Kumpulan, yang mempunyai penunjuk rosotnilai. Hasilnya, kerugian rosotnilai berjumlah RM59.6 juta bagi hartanah, loji dan peralatan serta hak penggunaan aset Kumpulan FGV telah diiktiraf semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.</p> <p>Kami memberikan tumpuan kepada bidang ini kerana amaun yang boleh diperoleh semula daripada aset bukan kewangan ditentukan berdasarkan unjuran aliran tunai berdiskaun, yang memerlukan pertimbangan pihak pengurusan terhadap prestasi kewangan masa hadapan dan pelan perniagaan bagi perniagaan tersebut.</p> <p>Rujuk Nota 3(o) dalam dasar perakaunan penting, Nota 5(iii) dalam anggaran dan pertimbangan perakaunan kritikal dan Nota 20 and 21 kepada penyata kewangan.</p>	<p>Kami telah menjalankan prosedur audit berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kami menilai kebolehpercayaan unjuran aliran tunai pengurusan melalui kajian semula aliran masa lalu prestasi kewangan sebenar dengan ramalan keputusan sebelumnya; • Kami menilai kewajaran andaian utama, yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam membandingkan unjuran aliran tunai berdiskaun, dengan membandingkan terhadap data sejarah dan aliran industri; • Kami memeriksa analisis sensitiviti yang dibuat oleh pengurusan terhadap andaian utama yang disenaraikan di atas dan juga kadar diskau yang digunakan untuk menilai kesan ke atas penilaian rosotnilai; dan • Kami menilai kecukupan dan kemunasabahan pendedahan di dalam penyata kewangan. <p>Berdasarkan prosedur di atas, kami dapati bahawa tiada pengecualian yang ketara.</p>						

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI FGV HOLDINGS BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat 200701042133 (800165-P))

LAPORAN KE ATAS AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Maklumat lain selain penyata kewangan dan laporan juruaudit ke atasnya

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas maklumat lain yang terdiri daripada Catatan Pengerusi, Butiran Korporat, Perbincangan dan Analisis Pengurusan, Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, Laporan Pengarah, dan bahagian lain bagi Laporan Bersepadu Tahunan 2021, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Berkaitan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan semasa berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu secara material tidak konsisten dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau pengetahuan kami diperoleh dalam audit atau sebaliknya telah disalah nyata.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang ketara bagi maklumat ini, kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab pengarah bagi penyata kewangan

Pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang memberi pandangan benar dan saksama mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman memandangkan Pengarah menyatakan perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, Pengarah bertanggungjawab untuk menilai kebolehan Kumpulan dan Syarikat untuk terus sebagai usaha berterusan, mendedahkan, seperti yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau Syarikat atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi perlu berbuat demikian.

Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah ialah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan suatu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesalahan dan dianggap penting sekiranya, secara individu atau dalam agregat, mereka secara munasabah dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada proses audit mengikut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan sikap skeptikal profesional sepanjang audit. Kami juga:

- (a) Mengetahui dan menilai risiko akibat salah nyata yang penting dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, bentuk dan menjalankan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan memperoleh bukti audit yang cukup dan munasabah untuk memberikan asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang disebabkan penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan boleh melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau pertindihan kawalan dalaman.
- (b) Memperoleh pemahaman tentang kawalan dalaman yang bersesuaian terhadap audit untuk membentuk prosedur audit yang wajar bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat terhadap kecekapan kawalan dalaman Kumpulan dan Syarikat
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengarah.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI FGV HOLDINGS BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat 200701042133 (800165-P))

LAPORAN KE ATAS AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan (sambungan)

Sebagai sebahagian daripada proses audit mengikut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan sikap skeptikal profesional sepanjang audit. Kami juga: (sambungan)

- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian penting wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk meneruskan perniagaan sebagai usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian penting wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, perlu mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan datang boleh menyebabkan Kumpulan atau Syarikat untuk berhenti dari terus sebagai satu usaha berterusan.
- (e) Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mewakili urusan niaga asas dan peristiwa dengan cara mencapai pembentangan saksama.
- (f) Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab terhadap halatuju, penyeliaan dan pelaksanaan audit kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya bagi pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Pengarah tentang, antara perkara-perkara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan audit penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Kami juga menyediakan kepada Pengarah dengan satu penyata bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang relevan mengenai kebebasan, dan berkomunikasi dengan mereka semua hubungan dan perkara-perkara lain yang secara munasabah dianggap untuk membincangkan mengenai kebebasan kami, dan jika berkenaan, tindakan diambil untuk menghapuskan ancaman atau yang berkaitan.

Daripada perkara-perkara yang disampaikan kepada Pengarah, kami menentukan perkara-perkara yang paling penting dalam pengauditan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun semasa dan oleh itu perkara audit utama. Kami menerangkan perkara-perkara ini dalam laporan juruaudit kami kecuali undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam tentang perkara itu atau apabila, dalam keadaan yang amat jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara tidak boleh disampaikan dalam laporan kami kerana kesan buruk untuk berbuat demikian akan secara munasabah dijangkakan lebih besar daripada manfaat kepentingan awam untuk komunikasi sedemikian.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia, kami melaporkan bahawa subsidiari yang kami tidak bertindak sebagai juruaudit, dinyatakan seperti di dalam Nota 24 kepada penyata kewangan.

PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat hanya untuk ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, sejajar dengan Seksyen 266, Akta Syarikat 2016, di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak memikul tanggungjawab ke atas individu lain bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT
LLP0014401-LCA & AF 1146
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur
4 April 2022

NURUL A'IN BINTI ABDUL LATIF
02910/02/2023 J
Akauntan Berkanun

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Hasil	6	19,565,891	14,075,712	499,287	358,704
Kos jualan		(16,891,822)	(12,501,668)	(113,562)	(93,289)
Keuntungan kasar		2,674,069	1,574,044	385,725	265,415
Lain-lain pendapatan operasi	7	95,113	132,499	3,112	65,364
Kos jualan dan pengedaran		(203,935)	(114,671)	–	–
Perbelanjaan pentadbiran		(801,475)	(774,343)	(36,500)	(46,347)
Pembalikan rosotnilai aset kewangan (bersih)	8	722	7,793	96	618
Rosotnilai aset bukan kewangan (bersih)	9	(59,595)	(242,074)	–	–
Lain-lain perbelanjaan operasi	10	(10,098)	(22,697)	(862)	(6,581)
Lain-lain keuntungan/(kerugian), bersih	11	83,975	(116,034)	–	–
Keuntungan operasi		1,778,776	444,517	351,571	278,469
Pendapatan kewangan	12	22,728	39,612	–	–
Kos kewangan	12	(126,933)	(161,872)	(78,989)	(57,335)
Bahagian keputusan daripada syarikat bersekutu	25	3,551	366	–	–
Bahagian keputusan daripada syarikat usahasama	26	35,858	23,441	–	–
Keuntungan sebelum zakat dan cukai		1,713,980	346,064	272,582	221,134
Zakat	15	(17,406)	(16,300)	–	–
Cukai	16	(520,996)	(195,571)	(2,664)	(9,048)
Keuntungan bagi tahun kewangan	13	1,175,578	134,193	269,918	212,086
Keuntungan boleh diagih kepada:					
Pemilik Syarikat		1,167,874	146,156	269,918	212,086
Kepentingan tidak mengawal		7,704	(11,963)	–	–
		1,175,578	134,193	269,918	212,086
Perolehan sesaham ("EPS") yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat					
EPS asas dan kecairan (sen)	18	32.0	4.0	–	–

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	1,175,578	134,193	269,918	212,086
Pendapatan komprehensif lain:				
<u>Perkara yang tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian</u>				
Keuntungan/(kerugian) aktuari ke atas pelan manfaat ditentukan	19,517	(4,333)	262	(47)
Perubahan nilai saksama dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	53,908	47,406	–	–
<u>Perkara yang mungkin dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian</u>				
Perbezaan tukaran mata wang	23,580	(19,072)	–	–
Realisasi rizab pertukaran asing pada pelupusan aset yang dipegang untuk dijual	–	(4,342)	–	–
Bahagian pendapatan komprehensif syarikat bersekutu	531	3	–	–
Bahagian kerugian komprehensif syarikat usahasama	(597)	(4,865)	–	–
Rizab lindung nilai aliran tunai	5,543	(4,241)	–	–
	29,057	(32,517)	–	–
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain untuk tahun kewangan, selepas cukai	102,482	10,556	262	(47)
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan	1,278,060	144,749	270,180	212,039
Jumlah pendapatan komprehensif boleh diagih kepada:				
Pemilik Syarikat	1,269,363	161,681	270,180	212,039
Kepentingan tidak mengawal	8,697	(16,932)	–	–
	1,278,060	144,749	270,180	212,039

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
ASET					
<i>Aset bukan semasa</i>					
Hartanah, loji dan peralatan	20	7,674,392	7,810,463	7,192	9,407
Hak penggunaan aset	21	2,196,084	2,299,579	24,714	29,075
Pelaburan hartanah	22	81,531	93,789	11,301	12,183
Aset tidak ketara	23	948,382	958,289	11,427	18,207
Pelaburan dalam subsidiari	24	–	–	8,501,024	8,493,027
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	25	65,074	38,058	–	–
Kepentingan dalam usaha sama	26	454,714	441,546	–	–
Belum terima	27	137,066	136,078	–	–
Jumlah belum terima daripada syarikat induk utama	29	14,681	12,455	–	–
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	29	9,107	–	–	–
Jumlah belum terima daripada subsidiari	29	–	–	172,625	659,455
Aset cukai tertunda	50	295,131	526,672	6,527	–
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain	31	201,569	144,251	–	–
Aset biologi	33	2,228	–	–	–
		12,079,959	12,461,180	8,734,810	9,221,354
<i>Aset semasa</i>					
Inventori	32	1,914,403	1,192,616	–	–
Aset biologi	33	113,791	57,001	–	–
Belum terima	27	1,346,150	1,410,955	14,245	10,337
Aset kontrak	28	42,151	27,880	–	–
Jumlah belum terima daripada syarikat induk utama	29	36,521	62,440	20	20
Jumlah belum terima daripada subsidiari	29	–	–	171,727	116,438
Jumlah belum terima daripada usaha sama	29	205,274	26,908	–	–
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	29	66,801	63,660	797	711
Pinjaman belum terima daripada subsidiari	34	–	–	216,830	368,886
Cukai boleh diperoleh semula		12,762	33,539	374	–
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	35	79,136	68,201	–	–
Aset kewangan derivatif	30	3,539	14,061	–	–
Deposit, baki tunai dan di bank	36	2,031,666	1,729,194	338,675	20,073
		5,852,194	4,686,455	742,668	516,465
Aset dipegang untuk jualan	37	24,241	31,866	–	–
		5,876,435	4,718,321	742,668	516,465
Jumlah aset		17,956,394	17,179,501	9,477,478	9,737,819

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
EKUITI DAN LIABILITI					
<u>Modal dan rizab</u>					
Modal saham	38	7,029,889	7,029,889	7,029,889	7,029,889
Saham perbendaharaan	39	(518)	(518)	(518)	(518)
Rizab tukaran asing	40	54,036	26,497	–	–
Rizab penstrukturan semula	41	(3,089,497)	(3,089,497)	–	–
Rizab lain	42	67,427	10,624	–	–
Perolehan terkumpul		1,359,264	284,708	400,190	239,455
Ekuiti boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat		5,420,601	4,261,703	7,429,561	7,268,826
Kepentingan tidak mengawal		1,765,917	1,838,504	–	–
Jumlah ekuiti		7,186,518	6,100,207	7,429,561	7,268,826
<u>Liabiliti bukan semasa</u>					
Pinjaman	43	1,033,140	773,182	496,451	–
Liabiliti pajakan	44	294,581	358,036	24,955	28,702
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	45	632,151	882,866	632,151	882,866
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	46	–	–	806,047	1,283,922
Liabiliti perjanjian pajakan tanah ("LLA")	47	3,314,874	3,881,584	–	–
Liabiliti kewangan derivatif	30	3,571	10,163	–	–
Peruntukan aset persaraan	48	41,349	32,358	–	–
Peruntukan pelan manfaat ditentukan	49	51,136	67,492	632	877
Liabiliti cukai tertunda	50	575,740	635,501	–	–
Belum bayar	51	10,189	15,196	–	–
		5,956,731	6,656,378	1,960,236	2,196,367
<u>Liabiliti semasa</u>					
Belum bayar	51	1,414,444	1,049,465	63,950	50,976
Liabiliti kontrak	52	132,340	104,168	–	–
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	45	2,514	3,322	2,514	3,322
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	46	–	–	742	121,537
Jumlah belum bayar kepada syarikat induk utama	29	276,082	265,984	1,179	1,179
Jumlah belum bayar kepada syarikat bersekutu	29	351	494	–	–
Jumlah belum bayar kepada subsidiari	29	–	–	15,848	14,289
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	29	15,970	1,374	85	69
Liabiliti kewangan derivatif	30	3,749	929	–	–
Pinjaman	43	2,330,357	2,633,582	–	75,080
Liabiliti pajakan	44	27,518	27,790	3,363	3,363
Peruntukan aset persaraan	48	666	643	–	–
Liabiliti cukai semasa		119,238	2,925	–	2,811
Liabiliti LLA	47	489,916	332,240	–	–
		4,813,145	4,422,916	87,681	272,626
Jumlah liabiliti		10,769,876	11,079,294	2,047,917	2,468,993
Jumlah ekuiti dan liabiliti		17,956,394	17,179,501	9,477,478	9,737,819

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Nota	Modal saham (Nota 38)	Saham perbendaharaan (Nota 39)	Rizab tukaran asing (Nota 40)	Rizab penstrukturan semula (Nota 41)	Rizab lain (Nota 42)	Perolehan terkumpul	Boleh diagih kepada pemilik Syarikat	Kepentingan tidak mengawal	Jumlah ekuiti
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kumpulan									
2021									
Pada 1 Januari 2021	7,029,889	(518)	26,497	(3,089,497)	10,624	284,708	4,261,703	1,838,504	6,100,207
Kerugian bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	1,167,874	1,167,874	7,704	1,175,578
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan, selepas cukai:									
Perkara-perkara yang tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian									
- keuntungan aktuari ke atas pelan manfaat ditentukan	-	-	-	-	-	17,147	17,147	2,370	19,517
- perubahan nilai saksama dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")	-	-	-	-	53,976	-	53,976	(68)	53,908
Perkara-perkara yang mungkin akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian									
- perbezaan tukaran matawang	-	-	27,605	-	-	-	27,605	(4,025)	23,580
- bahagian kerugian komprehensif lain daripada syarikat usaha sama	-	-	(597)	-	-	-	(597)	-	(597)
- bahagian pendapatan komprehensif lain daripada syarikat bersekutu	-	-	531	-	-	-	531	-	531
- rizab lindung nilai aliran tunai	-	-	27,539	-	2,827	-	2,827	2,716	5,543
	-	-	27,539	-	2,827	-	30,366	(1,309)	29,057
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	27,539	-	56,803	1,185,021	1,269,363	8,697	1,278,060
Ulus niaga dengan pemilik									
Peningkatan pegangan dalam subsidiari	-	-	-	-	-	(1,020)	(1,020)	1,814	794
Hilang kawalan subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	(1,687)	(1,687)
Bayaran dividen pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (akhir)	-	-	-	-	-	(109,445)	(109,445)	-	(109,445)
Bayaran dividen kepada kepentingan tidak mengawal dalam subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	(81,411)	(81,411)
Jumlah urusaniaga dengan pemilik	-	-	-	-	-	(110,465)	(110,465)	(81,284)	(191,749)
Pada 31 Disember 2021	7,029,889	(518)	54,036	(3,089,497)	67,427	1,359,264	5,420,601	1,765,917	7,186,518

17

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Nota	Modal saham (Nota 38) RM'000	Saham perbendaharaan (Nota 39) RM'000	Rizab tukaran asing (Nota 40) RM'000	Rizab penstrukturan semula (Nota 41) RM'000	Rizab lain (Nota 42) RM'000	Perolehan terkumpul RM'000	Boleh diagih kepada pemilik Syarikat RM'000	Kepentingan tidak mengawal RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Kumpulan									
2020									
Pada 1 Januari 2020	7,029,889	(302)	52,218	(3,089,497)	(20,682)	201,575	4,173,201	1,927,099	6,100,300
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	146,156	146,156	(11,963)	134,193
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan, selepas cukai:									
Perkara-perkara yang tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian:									
- kerugian aktuari ke atas pelan manfaat ditentukan	-	-	-	-	-	(4,067)	(4,067)	(266)	(4,333)
- perubahan nilai saksama dalam aset kewangan pada FVOCI	-	-	-	-	47,476	-	47,476	(70)	47,406
- rizab pendapatan komprehensif lain direalisasikan setelah pelupusan peleburan FVOCI	-	-	-	-	(14,007)	14,007	-	-	-
Perkara-perkara yang mungkin dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian:									
- perbezaan tukaran mata wang	-	-	(16,517)	-	-	-	(16,517)	(2,555)	(19,072)
- realisasi rizab tukaran asing atas penjualan aset dipegang untuk jualan	-	-	(4,342)	-	-	-	(4,342)	-	(4,342)
- bahagian kerugian komprehensif lain daripada syarikat usaha sama	-	-	(4,865)	-	-	-	(4,865)	-	(4,865)
- bahagian pendapatan komprehensif lain daripada syarikat bersekutu	-	-	3	-	-	-	3	-	3
- rizab lindung nilai aliran tunai	-	-	(25,721)	-	(2,163)	-	(2,163)	(2,078)	(4,241)
	-	-	(25,721)	-	(2,163)	-	(27,884)	(4,633)	(32,517)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	(25,721)	-	31,306	156,096	161,681	(16,932)	144,749
Urus niaga dengan pemilik									
Saham perbendaharaan	-	(2,620)	-	-	-	-	(2,620)	-	(2,620)
Geran saham pekerja	-	-	-	-	2,404	-	2,404	-	2,404
Pemindahan ke rizab LTIP	-	2,404	-	-	(2,404)	-	-	-	-
Pengambilalihan subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	2,676	2,676
Peningkatan pegangan dalam subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	1,076	1,076
Pelupusan subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	16,446	16,446
Bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir	-	-	-	-	-	(72,963)	(72,963)	-	(72,963)
31 Disember 2019 (akhir)	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Bayaran dividen kepada kepentingan tidak mengawal dalam subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	(91,861)	(91,861)
Jumlah urusiaga dengan pemilik	-	(216)	-	-	-	(72,963)	(73,179)	(71,663)	(144,842)
Pada 31 Disember 2020	7,029,889	(518)	26,497	(3,089,497)	10,624	284,708	4,261,703	1,838,504	6,100,207

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Tidak boleh diagih		Boleh diagih	Jumlah RM'000
		Modal saham (Nota 38) RM'000	Saham perbendaharaan (Nota 39) RM'000	Perolehan terkumpul RM'000	
Syarikat					
2021					
Pada 1 Januari 2021		7,029,889	(518)	239,455	7,268,826
Keuntungan bagi tahun kewangan		–	–	269,918	269,918
Pendapatan komprehensif lain:					
<u>Perkara yang tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian</u>					
– keuntungan aktuari ke atas pelan manfaat ditentukan		–	–	262	262
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		–	–	270,180	270,180
<u>Urus niaga dengan pemilik</u>					
Bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (akhir)	17	–	–	(109,445)	(109,445)
Jumlah urus niaga dengan pemilik		–	–	(109,445)	(109,445)
Pada 31 Disember 2021		7,029,889	(518)	400,190	7,429,561

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Nota	Tidak boleh diagih			Boleh diagih	Jumlah RM'000
	Modal saham (Nota 38) RM'000	Saham Perbendaharaan (Nota 39) RM'000	Rizab lain (Nota 42) RM'000	Perolehan terkumpul RM'000	
Syarikat					
2020					
Pada 1 Januari 2020	7,029,889	(302)	–	100,379	7,129,966
Keuntungan bagi tahun kewangan	–	–	–	212,086	212,086
Kerugian komprehensif lain:					
<u>Perkara yang tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian</u>					
– kerugian aktuari ke atas pelan manfaat ditentukan	–	–	–	(47)	(47)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	–	–	–	212,039	212,039
<u>Urus niaga dengan pemilik</u>					
Saham perbendaharaan	–	(2,620)	–	–	(2,620)
Geran saham pekerja	–	–	672	–	672
Dicaj semula kepada subsidiari	–	–	1,732	–	1,732
Pemindahan ke rizab LTIP	–	2,404	(2,404)	–	–
Bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (akhir)	17	–	–	(72,963)	(72,963)
Jumlah urus niaga dengan pemilik	–	(216)	–	(72,963)	(73,179)
Pada 31 Disember 2020	7,029,889	(518)	–	239,455	7,268,826

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI					
Keuntungan bagi tahun kewangan		1,175,578	134,193	269,918	212,086
Pelarasan bagi:					
Cukai		520,996	195,571	2,664	9,048
Zakat		17,406	16,300	–	–
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		663,619	662,510	2,403	1,808
Kerugian rosotnilai ke atas hartanah, loji dan peralatan (bersih)		59,914	221,769	–	–
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira		9,135	34,332	–	–
Keuntungan ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan (bersih)		(803)	(4,119)	–	–
Susut nilai hak penggunaan aset		68,825	84,334	4,361	4,361
Hak penggunaan aset dihapus kira (Pembalikan rosotnilai)/kerugian rosotnilai ke atas hak penggunaan aset		185	–	–	–
Susut nilai pelaburan hartanah		12,258	12,260	882	882
Pelunasan aset tidak ketara		20,568	23,655	9,490	8,510
Keuntungan ke atas pelupusan aset dipegang untuk jualan		(927)	(33,762)	–	–
Pembalikan rosotnilai ke atas jumlah belum terima daripada syarikat induk utama		(3,801)	(13,341)	–	–
Kerugian rosotnilai ke atas jumlah belum terima daripada syarikat usaha sama		–	4,000	–	–
Kerugian rosotnilai/(pembalikan rosotnilai) ke atas jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain		137	(24)	–	–
Pembalikan rosotnilai ke atas jumlah belum terima daripada subsidiari		–	–	(96)	(813)
Pembalikan rosotnilai ke atas jumlah belum terima lain		–	–	(195)	–
Belum terima dihapus kira		–	–	195	–
Pembalikan rosotnilai ke atas pelaburan dalam subsidiari, bersih		–	–	–	(54,200)
Kerugian rosotnilai ke atas aset kontrak		292	1,551	–	–
Keuntungan ke atas pelupusan aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian		(40)	–	–	–
Kerugian pencairan di dalam syarikat usaha sama		38	–	–	–
Baki bawa ke hadapan		2,543,061	1,359,534	289,622	181,682

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI (SAMBUNGAN)					
Baki bawa ke hadapan		2,543,061	1,359,534	289,622	181,682
Realisasi tukaran asing atas pelupusan aset dipegang untuk jualan		–	(4,342)	–	–
Kerugian rosotnilai belum terima (bersih)		2,942	1,572	–	195
Inventori diturun nilai		9,157	3,589	–	–
Bahagian keputusan daripada syarikat bersekutu		(3,551)	(366)	–	–
Bahagian keputusan daripada usaha sama		(35,858)	(23,441)	–	–
Kerugian bersih tukaran asing belum direalisasikan		5,133	7,326	875	59
Dividen daripada subsidiari		–	–	(374,547)	(239,899)
Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		(2,572)	(2,814)	–	–
Kos kewangan		126,933	161,872	78,989	57,335
Pendapatan kewangan		(22,728)	(39,612)	(31)	(44)
(Keuntungan)/kerugian lain, bersih		(27,195)	127,280	–	–
Perubahan nilai saksama dalam aset biologi (bersih)		(56,780)	(11,246)	–	–
Peruntukan untuk pelan manfaat ditentukan		7,345	(22,189)	83	(864)
Penamatan kontrak pajakan		(12)	496	–	–
Peruntukan aset persaraan		8,245	–	–	–
Diskaun yang dilepaskan bagi peruntukan aset persaraan		447	437	–	–
Peruntukan bagi kerugian perundangan		–	19,802	–	–
Peruntukan untuk LTIP		–	2,404	–	672
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja		2,554,567	1,580,302	(5,009)	(864)
Perubahan modal kerja:					
Inventori		(728,394)	115,808	–	–
Belum terima		114,861	(211,182)	(3,909)	6,222
Antara syarikat		(140,229)	253,622	493,036	104,952
Belum bayar		351,861	109,720	7,973	11,579
Tunai dijana daripada operasi		2,152,666	1,848,270	492,091	121,889
Pendapatan kewangan		22,728	39,612	31	44
Bayaran cukai		(233,597)	(118,340)	(12,489)	(6,414)
Bayaran zakat		(17,406)	(16,300)	–	–
Bayaran balik cukai		21,584	4,800	113	–
Bayaran manfaat persaraan		(4,089)	(2,363)	(66)	(12)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		1,941,886	1,755,679	479,680	115,507

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(566,137)	(435,536)	(188)	(615)
Pembelian hak penggunaan aset		(4,417)	–	–	–
Pembelian aset tidak ketara		(9,954)	(3,337)	(2,710)	(1,306)
Tambahan aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		(3,541)	(3,521)	–	–
Tambahan aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian		(17,691)	(13,278)	–	–
Aliran masuk/(aliran keluar) tunai daripada pelaburan tambahan di dalam subsidiari		794	(1,076)	–	–
Aliran masuk tunai bersih daripada pengambilalihan subsidiari	24	–	207	–	–
Tambahan pelaburan dalam subsidiari		–	–	(2,780)	(10,570)
Tambahan pelaburan dalam usaha sama		–	(1,274)	–	–
Tambahan pinjaman kepada subsidiari		–	–	(446,539)	(434,437)
Pembayaran balik pinjaman daripada subsidiari		–	–	598,595	128,151
Pembayaran aset persaraan		(10)	(52)	–	–
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		803	4,830	–	–
Perolehan daripada pelupusan aset dipegang untuk jualan		2,000	54,522	–	–
Perolehan daripada pencairan syarikat usaha sama		1,519	–	–	–
Perolehan daripada pelupusan aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		–	14,007	–	–
Perolehan daripada jualan aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian		4,213	–	–	–
Dividen diterima daripada subsidiari		–	–	308,547	422,399
Dividen diterima daripada syarikat usaha sama		17,986	16,401	–	–
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu		2,600	3,437	–	–
Dividen diterima daripada aset kewangan pada nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain		2,572	2,814	–	–
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pelaburan		(569,263)	(361,856)	454,925	103,622

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pembayaran balik pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama		(250,000)	(310)	(250,000)	(310)
Pembayaran balik pinjaman daripada subsidiari		–	–	(586,209)	(71,653)
Pengeluaran pinjaman		12,734,330	8,959,653	500,000	–
Pembayaran balik pinjaman		(12,778,135)	(9,586,469)	(75,080)	–
Bayaran liabiliti pajakan		(46,794)	(43,676)	(5,234)	(5,019)
Bayaran balik liabiliti LLA		(413,018)	(260,812)	–	–
Bayaran dividen kepada pemegang saham		(109,445)	(72,963)	(109,445)	(72,963)
Bayaran dividen kepada kepentingan tidak mengawal		(81,411)	(91,861)	–	–
Bayaran kos kewangan		(142,730)	(175,980)	(90,035)	(55,678)
Belian saham perbendaharaan		–	(2,620)	–	(2,620)
Peningkatan dalam tunai terhad		(738)	(14,562)	–	–
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(1,087,941)	(1,289,600)	(616,003)	(208,243)
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI					
		284,682	104,223	318,602	10,886
Kesan daripada kadar pertukaran mata wang asing		17,052	(7,100)	–	–
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN					
		1,665,457	1,568,447	20,073	9,187
Peningkatan dalam aset dipegang untuk jualan		–	(113)	–	–
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN					
	36	1,967,191	1,665,457	338,675	20,073

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Perubahan aliran tunai dan bukan tunai dalam liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan adalah seperti berikut:

	Perubahan bukan tunai								
	Pada 1 Januari RM'000	Pengeluaran RM'000	Pembayaran balik # RM'000	Kos keuangan/ pertambahan faedah RM'000	Faedah/ pemodalan kos urusniaga RM'000	Penambahan/ pembatalan pajakan RM'000	Pergerakan tukaran asing RM'000	Pergerakan nilai saksama RM'000	Pada 31 Disember RM'000
KUMPULAN									
2021									
Liabiliti									
Pembayaran dagangan jangka pendek Islamik	2,275,107	11,408,237	(11,781,713)	11,816	32,984	-	-	-	1,946,431
Pembayaran dagangan jangka pendek	258,162	814,170	(839,648)	7,556	397	-	536	-	241,173
Pinjaman bertempoh Islamik	873,495	11,923	(257,222)	50,382	864	-	-	-	679,442
Sukuk	-	500,000	-	1,451	(5,000)	-	-	-	496,451
Jumlah pinjaman	3,406,764	12,734,330	(12,878,583)	71,205	29,245	-	536	-	3,363,497
Liabiliti pajakan	385,826	-	(46,794)	14,969	-	(32,473)	571	-	322,099
Liabiliti LLA	4,213,824	-	(413,018)	-	-	-	-	3,984	3,804,790
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	886,188	-	(292,282)	40,759	-	-	-	-	634,665
KUMPULAN	8,892,602	12,734,330	(13,630,677)	126,933	29,245	(32,473)	1,107	3,984	8,125,051
Aset									
Tunai terhadap	(63,737)	-	(738)	-	-	-	-	-	(64,475)
2020									
Liabiliti									
Pembayaran dagangan jangka pendek Islamik	2,775,418	7,922,199	(8,494,389)	40,897	30,982	-	-	-	2,275,107
Pembayaran dagangan jangka pendek	299,338	891,446	(941,149)	9,101	-	-	(574)	-	258,162
Pinjaman bertempoh Islamik	873,893	159,604	(209,575)	47,780	1,793	-	-	-	873,495
Pinjaman bertempoh	71,909	-	(75,001)	3,092	-	-	-	-	-
Jumlah pinjaman	4,020,558	8,973,249	(9,720,114)	100,870	32,775	-	(574)	-	3,406,764
Liabiliti pajakan	300,795	-	(43,676)	18,667	-	110,346	(306)	-	385,826
Liabiliti LLA	4,316,146	-	(260,812)	-	-	-	-	158,490	4,213,824
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	886,498	-	(42,645)	42,335	-	-	-	-	886,188
KUMPULAN	9,523,997	8,973,249	(10,067,247)	161,872	32,775	110,346	(880)	158,490	8,892,602
Aset									
Tunai terhadap	(49,175)	-	(14,562)	-	-	-	-	-	(63,737)

* Termasuk dalam pembayaran balik ialah bayaran perbelanjaan kewangan berjumlah RM142,730,000 (2020: RM175,980,000).

* Termasuk dalam pengeluaran pada tahun kewangan lepas adalah pengambilalihan subsidiari berjumlah RM13,596,000.

Perubahan aliran dan bukan tunai yang timbul daripada liabiliti LLA dinyatakan dalam Nota 47 kepada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Perubahan aliran tunai dan bukan tunai dalam liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan adalah seperti berikut: (sambungan)

Syarikat	Pada 1 Januari RM'000	Pengeluaran RM'000	Pembayaran balik [#] RM'000	Perubahan bukan tunai		Pada 31 Disember RM'000
				Kos keuangan/ pertambahan faedah RM'000	Faedah/ pemodalan kos urusniaga RM'000	
2021						
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	1,405,459	–	(633,194)	34,524	–	806,789
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	886,188	–	(292,282)	40,759	–	634,665
Liabiliti pajakan	32,065	–	(5,234)	1,487	–	28,318
Pembiayaan dagangan jangka pendek islamik	75,080	–	(75,848)	768	–	–
Sukuk	–	500,000	–	1,451	(5,000)	496,451
	2,398,792	500,000	(1,006,558)	78,989	(5,000)	1,966,223
2020						
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	1,477,112	–	(84,113)	12,460	–	1,405,459
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	886,498	–	(42,645)	42,335	–	886,188
Liabiliti pajakan	35,427	–	(5,019)	1,657	–	32,065
Pinjaman	75,080	–	(883)	883	–	75,080
	2,474,117	–	(132,660)	57,335	–	2,398,792

[#] Termasuk dalam pembayaran balik ialah bayaran kos kewangan berjumlah RM90,035,000 (2020: RM55,678,000).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1 MAKLUMAT UMUM

Syarikat diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad.

Pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan Syarikat terletak di Aras 21, Wisma FGV, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Syarikat secara asasnya merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan di mana pelaburan utamanya ialah perladangan kelapa sawit dan pelbagai aktiviti hiliran yang berkaitan, penapisan gula, dagangan, logistik, pemasaran, pemprosesan getah, kegiatan penyelidikan dan pembangunan dan aktiviti perniagaan tani yang berkaitan. Aktiviti utama subsidiari dinyatakan dalam Nota 24 penyata kewangan. Tiada perubahan ketara yang berlaku dalam aktiviti Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

2 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Kumpulan dan Syarikat telah mempertimbangkan kesan pandemik COVID-19 dan persekitaran ekonomi semasa ke asas penyediaan penyata kewangan. Pengarah Syarikat terus mempertimbangkan bahawa adalah wajar untuk menyediakan penyata kewangan berasaskan usaha berterusan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam penyata dasar individu dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, serta jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tempoh laporan.

Ia juga mewajibkan Pengarah melaksanakan pertimbangan mereka dalam proses menerapkan dasar perakaunan untuk Kumpulan dan Syarikat. Walaupun andaian dan pertimbangan ini dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Bahagian yang memerlukan tahap pertimbangan atau kompleksiti yang lebih tinggi, atau sekiranya bahagian andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan ada dinyatakan dalam Nota 5.

(i) Kumpulan telah menggunakan pindaan berikut untuk pertama kalinya bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2021:

- Pindaan MFRS 16 'COVID-19 - Berkaitan Konsesi Sewa'
- Pindaan MFRS 9, MFRS 139, MFRS 7 dan MFRS 16 'Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2'

Pindaan yang disenaraikan di atas tidak memberi kesan yang ketara ke atas jumlah yang diiktiraf pada tempoh sebelumnya dan dijangka tidak akan mempengaruhi tempoh semasa atau masa depan dengan ketara.

Pinjaman bertempoh Islamik Kumpulan adalah berdasarkan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur ("KLIBOR") bertempoh 1 bulan. Kumpulan akan memantau rapat pengumuman pengawal selia mengenai kadar tanda aras atau penamatan KLIBOR untuk tenor yang relevan, dan berbincang dengan pihak bertentangan mengenai perubahan-perubahan yang perlu dilakukan kepada kontrak yang dimeterai, termasuk tukaran kadar keuntungan Islamik yang telah dimeterai oleh Kumpulan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

2 ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

- (ii) Pengumuman perakaunan yang masih belum lagi berkuatkuasa dan masih belum diterapkan lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat:

Pernyataan perakaunan yang sedang dinilai oleh Kumpulan:

Berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula selepas 1 Januari 2022 dengan permohonan lebih awal dibenarkan

- Pindaan kepada MFRS 3 'Rujukan kepada Rangka Kerja Konsep'
- Pindaan kepada MFRS 116 'Keuntungan sebelum tujuan penggunaan'
- Pindaan kepada MFRS 137 'Kontrak Membebaskan – Kos Memenuhi Kontrak'
- Peningkatan Tahunan kepada MFRS 9 'Yuran dalam 10% ujian untuk penyahiktirafan liabiliti kewangan'
- Peningkatan Tahunan kepada MFRS 141 'Pencukaian dalam Ukuran Nilai Saksama'
- Peningkatan Tahunan kepada Contoh Mengiringi MFRS 16 'Insentif Pajakan'
- Peningkatan Tahunan kepada MFRS 1 'Subsidiari sebagai Pengguna Pertama Kali'

Berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- Pindaan kepada MFRS 101 'Klasifikasi liabiliti sebagai semasa dan bukan semasa'
- Pindaan kepada MFRS 112 'Cukai Tertunda berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Urusniaga Tunggal'
- Pindaan kepada MFRS 101 dan MFRS Kenyataan Amalan 2 'Pendedahan Dasar Perakaunan'
- Pindaan kepada MFRS 108 'Definisi Anggaran Perakaunan'

Pengumuman perakaunan yang masih belum lagi berkuatkuasa dijangka tidak mempunyai sebarang kesan signifikan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan penting yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan adalah seperti yang dibentangkan di bawah. Dasar ini telah diterapkan secara konsisten pada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

- (a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam subsidiari

Penyata kewangan yang disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari merupakan semua entiti (termasuk entiti berstruktur) yang mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatan dengan entiti tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti tersebut. Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Subsidiari tidak disatukan daripada kumpulan dari tarikh kawalan ke atasnya ditamatkan.

Perakaunan pengambilalihan

Kaedah perakaunan pengambilalihan digunakan untuk mengambil kira pengambilalihan subsidiari oleh Kumpulan. Bayaran yang dipindahkan bagi pengambilalihan sesebuah subsidiari adalah pada nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti ditanggung oleh bekas pemilik yang diambil alih dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Bayaran yang dipindahkan meliputi nilai saksama sebarang aset atau liabiliti yang diperolehi daripada pengaturan bayaran luar jangka. Kos berkaitan pengambilalihan dianggap sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Aset diambil alih dan liabiliti serta liabiliti luar jangka yang diandaikan dalam sesebuah gabungan perniagaan yang boleh dikenal pasti diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira kepentingan tidak mengawal. Kumpulan mengiktiraf mana-mana kepentingan tidak mengawal bukan semasa dalam mengambil alih berasaskan satu pengambilalihan ke satu pengambilalihan yang lain, sama ada pada nilai saksama atau pada bahagian nisbah kepentingan tidak mengawal bagi jumlah aset bersih yang diiktiraf ke atas aset bersih syarikat yang diambil alih yang boleh dikenal pasti. Pada akhir tempoh laporan, kepentingan tidak mengawal merangkumi jumlah yang dikira pada tarikh penggabungan dan bahagian perubahan ekuiti subsidiari sejak tarikh penggabungan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

- (a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam subsidiari (sambungan)

Perakaunan pengambilalihan (sambungan)

Jika penggabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai bawaan ekuiti yang dipegang sebelumnya oleh syarikat pengambilalih pada tarikh pengambilalihan diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui keuntungan atau kerugian.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang dipindahkan oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama dari tarikh pengambilalihan. Perubahan berikut kepada nilai saksama dalam pertimbangan luar jangka dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf menurut MFRS 9 dalam keuntungan atau kerugian. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaian berikutnya akan diambil kira dalam ekuiti.

Lebih pertimbangan yang dipindahkan, jumlah sebarang kepentingan tidak mengawal dalam syarikat diambil alih dan sebarang kepentingan ekuiti sebelumnya dalam syarikat yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan ke atas nilai saksama aset bersih yang dapat dikenal pasti diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya jumlah pertimbangan yang dipindahkan, kepentingan tidak mengawal yang diiktiraf dan kepentingan yang dimiliki sebelumnya yang diukur adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih subsidiari yang diambil alih dalam kes pembelian tawar-menawar, perbezaan tersebut diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi (Nota 3 (d)).

Perakaunan sebelumnya

Pengambilalihan subsidiari dan perniagaan di bawah kawalan lazim yang memenuhi syarat gabungan, diambil kira menggunakan asas perakaunan sebelumnya. Pengambilalihan Felda Global Ventures Indonesia Sdn. Bhd. ("FGVI"), Felda Global Ventures North America Sdn. Bhd. ("FGVNA") dan ladang perladangan yang dimiliki oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("FELDA") pada tahun sebelumnya yang memenuhi syarat gabungan, diambil kira menggunakan asas tersebut.

Berdasarkan asas perakaunan sebelumnya, keputusan subsidiari dan perniagaan di bawah kawalan lazim dibentangkan seolah-olah gabungan perniagaan telah dikuatkuasakan sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti yang digabungkan diambil kira berdasarkan nilai bawaan daripada perspektif pemegang saham kawalan lazim pada tarikh pemindahan. Apabila disatukan, kos gabungan perniagaan dibatalkan dengan nilai saham yang diterima. Sebarang perbezaan kredit atau debit yang terhasil dikelaskan sebagai rizab penyusunan semula. Sebarang saham premium, rizab penebusan modal dan rizab lain yang berkaitan dengan modal saham bagi entiti-entiti yang digabungkan, setakat tahap ia tidak dipermodalkan oleh perbezaan debit, dikelaskan dan dibentangkan sebagai pergerakan dalam rizab lain modal.

Urusniaga antara syarikat, baki dan keuntungan tidak direalisasi ke atas urus niaga antara syarikat kumpulan dihapus kira, kerugian tidak direalisasi juga dihapus kira kecuali sekiranya kos tidak boleh diperolehi semula. Apabila diperlukan, pelarasan akan dibuat kepada penyata kewangan subsidiari untuk memastikan keselarasan dengan dasar yang diterapkan oleh Kumpulan.

Kepentingan tidak mengawal adalah ekuiti dalam sesebuah subsidiari yang tidak boleh diagihkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada syarikat induk. Dengan berasaskan dari satu pengambilalihan ke satu pengambilalihan, Kumpulan mengukur mana-mana kepentingan tidak mengawal dalam syarikat yang diambil alih mengikut kadar kepentingan tidak mengawal ke atas aset bersih syarikat yang diambil alih yang dikenal pasti. Pada akhir tempoh laporan, kepentingan tidak mengawal merangkumi jumlah yang dikira pada tarikh penggabungan dan bahagian perubahan ekuiti subsidiari sejak tarikh penggabungan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan subsidiari ialah perbezaan di antara perolehan bersih pelupusan dan bahagian Kumpulan daripada aset bersihnya pada tarikh pelupusan termasuk jumlah terkumpul daripada sebarang perubahan pertukaran mata wang atau rizab lain yang berkaitan dengan subsidiari dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Semua pendapatan dan kerugian subsidiari diagihkan kepada syarikat induk dan kepentingan tidak mengawal, walaupun pengagihan kerugian kepada kepentingan tidak mengawal menyebabkan baki debit dalam kepentingan tidak mengawal.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam subsidiari ditunjukkan pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul.

Sekiranya terdapat indikasi rosotnilai, nilai bawaan kepada pelaburan akan ditaksirkan dan diturun nilai serta merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula (Nota 3 (h)).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

- (b) Perubahan kepentingan pemilikan dalam subsidiari tanpa perubahan kawalan

Urus niaga dengan kepentingan tidak mengawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urus niaga dengan pemilik ekuiti Kumpulan. Perubahan kepentingan pemilikan mengakibatkan pelarasan antara nilai bawaan kepentingan mengawal dan tidak mengawal untuk mencerminkan kepentingan relatif mereka dalam subsidiari. Sebarang perbezaan antara jumlah pelarasan kepada kepentingan tidak mengawal dan apa-apa balasan yang dibayar atau diterima diiktiraf dalam ekuiti yang boleh diagih kepada pemilik Kumpulan.

- (c) Pelupusan subsidiari

Apabila Kumpulan berhenti untuk disatukan kerana kehilangan kawalan, sebarang kepentingan terkumpul dalam entiti diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan nilai bawaan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Nilai saksama ini menjadi nilai bawaan permulaan bagi tujuan perakaunan seterusnya bagi kepentingan terkumpul sebagai sebuah syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, sebarang jumlah yang sebelumnya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berhubung dengan entiti diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau liabiliti berkaitan secara langsung. Ini mungkin bermaksud, jumlah sebelumnya yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan subsidiari termasuk nilai bawaan muhibah berkaitan dengan subsidiari yang dijual.

- (d) Muhibah

Muhibah mewakili lebih kos pengambilalihan subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha sama ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih yang dikenal pasti termasuk liabiliti luar jangka pada tarikh pengambilalihan. Muhibah dalam pengambilalihan berhubung dengan subsidiari dimasukkan ke dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan sebagai aset tidak ketara, atau jika berhubung dengan syarikat bersekutu atau usaha sama, ia dimasukkan ke dalam pelaburan syarikat bersekutu atau usaha sama. Muhibah negatif mewakili jumlah pertimbangan yang dipindahkan, kepentingan tidak mengawal diiktiraf dan kepentingan yang dimiliki sebelumnya diukur kurang daripada nilai saksama aset bersih subsidiari yang diambilalih dalam kes belian murah, perbezaannya diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian.

Bagi tujuan menguji rosotnilai, muhibah yang diambil alih dalam penggabungan perniagaan diagihkan kepada setiap unit penjana tunai ("CGU"), atau CGU kumpulan, yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi penggabungan tersebut. Setiap unit atau kumpulan unit di mana muhibah tersebut diagihkan mewakili tahap paling rendah dalam entiti yang mana muhibah tersebut dipantau untuk tujuan pengurusan dalaman.

Semakan rosotnilai muhibah dilaksanakan setiap tahun atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan potensi rosotnilai. Nilai bawaan muhibah akan dibandingkan dengan jumlah yang boleh diperoleh semula, di mana nilai sedang digunakan dan nilai saksama ditolak kos menjual yang mana lebih tinggi. Sebarang rosotnilai diiktiraf serta-merta sebagai perbelanjaan dan seterusnya tidak akan dibalikkan. Lihat Nota 3(o) dasar perakaunan penting rosotnilai aset bukan kewangan.

- (e) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ialah semua entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting tetapi tidak mengawal atau mengawal bersama, secara umumnya disertai dengan pegangan saham di antara 20% hingga 50% hak mengundi. Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira menggunakan kaedah ekuiti perakaunan. Menurut kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu pada mulanya diiktiraf pada kos, dan disesuaikan selepas itu untuk mengiktiraf keuntungan atau kerugian saham Kumpulan selepas pengambilalihan syarikat bersekutu dalam keuntungan atau kerugian, dan bahagian pergerakan Kumpulan dalam pendapatan komprehensif lain daripada syarikat bersekutu dalam pendapatan komprehensif lain. Dividen yang diterima atau belum terima daripada syarikat bersekutu diiktiraf sebagai pengurangan dalam jumlah dibawa pelaburan.

Apabila kerugian bahagian Kumpulan dalam sesebuah syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu tersebut, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang, pada amnya, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, kecuali ia menanggung kewajipan perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu termasuk muhibah yang dikenal pasti semasa pengambilalihan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Syarikat bersekutu (sambungan)

Kumpulan menentukan di setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu telah rosotnilai. Rosotnilai diiktiraf bagi jumlah yang mana nilai bawaan syarikat bersekutu melebihi amaun boleh diperoleh semula.

Keuntungan dan kerugian yang disebabkan daripada urus niaga huluan dan hiliran antara Kumpulan dengan syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya sehingga tahap kepentingan pelabur yang tidak berkaitan dengan syarikat bersekutu tersebut. Kerugian tidak direalisasi akan dihapuskan kecuali urus niaga tersebut mempunyai bukti rosotnilai dalam aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan syarikat bersekutu telah diubah apabila perlu untuk memastikan dasar tersebut selaras dengan dasar yang diterapkan oleh Kumpulan.

Sekiranya kepentingan pemilikan dalam syarikat bersekutu dikurangkan tetapi pengaruh penting dikekalkan, hanya sebahagian daripada jumlah yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian jika bersesuaian.

Pencairan yang terhasil dalam keuntungan dan kerugian melalui pelaburan dalam syarikat bersekutu diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul.

Apabila tanda rosotnilai wujud, nilai bawaan bagi pelaburan syarikat bersekutu akan ditaksirkan dan diturun nilai serta merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula (Nota 3(h)).

Semasa pelupusan syarikat bersekutu, perbezaan antara kutipan bersih pelupusan dan nilai bawaan akan dicaj/dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian.

(f) Pengaturan usaha sama

Pengaturan usaha sama ialah pengaturan di mana perjanjian kontrak dipersetujui untuk pengawalan bersama oleh Kumpulan dengan satu atau lebih daripada satu pihak, di mana keputusan mengenai aktiviti berkaitan dengan pengaturan usaha sama memerlukan persetujuan sebulat suara oleh pihak yang mengawal bersama. Pengelasan sesebuah pengaturan sebagai operasi bersama atau usaha sama bergantung pada hak dan obligasi pihak yang terlibat dalam pengaturan. Sebuah usaha sama adalah pengaturan di mana pemilik usaha sama mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan tersebut. Operasi bersama adalah pengaturan di mana operator bersama mempunyai hak ke atas aset dan obligasi terhadap liabiliti berkaitan dengan pengaturan.

Usaha sama

Keputusan Kumpulan dalam usaha sama diambil kira menggunakan kaedah ekuiti, selepas mula diiktiraf pada kos dalam penyata kedudukan kewangan disatukan. Menurut kaedah ekuiti, pelaburan dalam usaha sama pada peringkat permulaan diiktiraf pada kos, dan seterusnya dilaraskan bagi mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan selepas pengambilalihan usaha sama dalam keuntungan atau kerugian, dan pergerakan bahagian Kumpulan dalam pendapatan komprehensif lain daripada usaha sama. Dividen yang diterima atau belum terima daripada usaha sama diiktiraf sebagai pengurangan nilai bawaan pelaburan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam sesebuah usaha sama bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam usaha sama, termasuk kepentingan jangka panjang yang, secara umumnya, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam usaha sama tersebut, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, kecuali Kumpulan mempunyai tanggungan obligasi atau telah membuat bayaran bagi pihak usaha sama tersebut.

Keuntungan belum terealisasi daripada urus niaga antara Kumpulan dengan usaha sama dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam usaha sama tersebut. Kerugian belum terealisasi juga akan dihapuskan kecuali urus niaga tersebut mempunyai bukti rosotnilai dalam aset yang dipindahkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

- (f) Pengaturan usaha sama (sambungan)

Operasi bersama

Berhubung dengan kepentingan Kumpulan dalam operasi bersama, Kumpulan mengiktiraf aset-asetnya (termasuk bahagian dalam sebarang aset yang dipegang bersama), liabiliti-liabiliti (termasuk bahagian dalam sebarang liabiliti yang ditanggung bersama), hasil daripada penjualan bahagian dalam hasil pengeluaran daripada operasi bersama (termasuk bahagian dalam perolehan daripada hasil penjualan pengeluaran operasi bersama) dan perbelanjaan (termasuk bahagian dalam sebarang perbelanjaan tanggungan bersama).

Apabila perlu, pelarasan sewajarnya akan dibuat kepada penyata kewangan pengaturan usaha sama untuk memastikan Ketekalan dengan dasar perakaunan Kumpulan.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam pengaturan usaha sama dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul.

Apabila tanda rosotnilai wujud, nilai bawaan kepada pelaburan akan ditaksirkan dan diturun nilai serta merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula (Nota 3(h)).

Semasa pelupusan pengaturan usaha sama, perbezaan antara kutipan bersih pelupusan dan nilai bawaan akan dicaj/dikreditkan kepada untung atau rugi.

- (g) Perolehan sesaham

Kumpulan membentangkan data perolehan asas dan cair sesaham ("EPS") untuk saham biasa. EPS asas dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai yang disatukan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagi dengan jumlah wajaran saham biasa yang diterbitkan. EPS cair dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai yang disatukan yang dapat diatribusikan kepada pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagi dengan jumlah wajaran saham biasa yang diterbitkan, dengan andaian penukaran RCPS dan RCCPS tertunggak menjadi saham biasa.

- (h) Aset kewangan

Pengelasan

Kumpulan mengelaskan aset-aset kewangannya dalam kategori berikut:

- (i) yang akan diukur kemudiannya pada nilai saksama (sama ada melalui untung atau rugi atau pendapatan komprehensif lain); dan
- (ii) yang akan diukur pada kos terlunas.

Pengelasan bergantung pada model perniagaan entiti untuk menguruskan aset kewangan dan istilah kontrak aliran tunai.

Bagi aset yang diukur pada nilai saksama, keuntungan dan kerugian sama ada akan direkodkan dalam untung atau rugi atau pendapatan komprehensif lain. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak dipegang untuk dagangan, Kumpulan telah membuat pemilihan tidak boleh batal pada masa pengiktirafan permulaan untuk mengambil kira pelaburan ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI").

Kumpulan mengelaskan pelaburan hutang apabila dan hanya apabila model perniagaannya untuk mengurus aset tersebut berubah.

Pengiktirafan dan penyahiktirafan

Belian dan penjualan aset-aset kewangan yang lazim diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset berkenaan. Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilihan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Aset kewangan (sambungan)

Ukuran

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVPL"), kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan yang dibawa di FVPL dibelanjakan dalam untung atau rugi.

Aset kewangan dengan derivatif terbenam dianggap keseluruhannya apabila menentukan sama ada aliran tunai mereka sematamata pembayaran pokok dan faedah.

(i) Instrumen hutang

Ukuran instrumen hutang berikutnya bergantung pada model perniagaan kumpulan untuk menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Terdapat tiga kategori ukuran di mana kumpulan mengelaskan instrumen hutangnya:

a) Kos terlunas

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontrak di mana aliran tunai tersebut mewakili semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah diukur pada kos terlunas. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi, bersama dengan keuntungan dan kerugian tukaran wang asing. Kerugian rosotnilai dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam untung atau rugi.

b) FVOCI

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah, diukur di FVOCI. Pergerakan dalam nilai bawaan diambil melalui pendapatan komprehensif lain, kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosotnilai, hasil faedah dan keuntungan dan kerugian tukaran wang asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi. Pendapatan faedah daripada aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian tukaran wang asing diiktiraf dalam untung atau rugi dan perbelanjaan rosotnilai dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam untung atau rugi.

c) FVPL

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos dilunaskan atau FVOCI diukur di FVPL. Keuntungan atau kerugian atas pelaburan hutang yang kemudiannya diukur pada FVPL diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana ia timbul.

(ii) Instrumen ekuiti

Kumpulan kemudiannya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Sekiranya pengurusan kumpulan telah memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama atas pelaburan ekuiti dalam pendapatan komprehensif lain, tiada pengelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada untung atau rugi berikutan penyahiktirafan pelaburan tersebut. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain apabila hak kumpulan untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

Perubahan nilai saksama aset kewangan di FVPL diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam untung atau rugi yang berkenaan. Kerugian rosotnilai (dan pembalikan kerugian rosotnilai) ke atas pelaburan ekuiti diukur pada FVOCI tidak dilaporkan secara berasingan daripada perubahan lain dalam nilai saksama.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Aset kewangan (sambungan)

Rosotnilai

(i) Rosotnilai untuk instrumen hutang dan kontrak jaminan kewangan

Kumpulan menilai secara prospek berdasarkan kerugian kredit dijangka ("ECL") yang dikaitkan dengan instrumen hutangnya yang dibawa pada kos terlunas dan di FVOCI. Metodologi rosotnilai yang digunakan bergantung pada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara.

Instrumen kewangan Kumpulan yang tertakluk pada model ECL adalah seperti yang berikut:

- Belum terima
- Pinjaman dan jumlah belum terima daripada syarikat
- Aset kontrak

Walaupun tunai dan setara tunai juga tertakluk pada keperluan rosotnilai MFRS 9, kerugian rosotnilai yang dikenal pasti dianggap tidak penting.

ECL mewakili anggaran berjangka kebarangkalian perbezaan antara nilai semasa aliran tunai mengikut kontrak dan nilai semasa aliran tunai yang dijangkakan oleh Kumpulan dan Syarikat, sepanjang hayat berguna instrumen kewangan. Bagi kontrak jaminan kewangan, ECL ialah perbezaan di antara pembayaran yang dijangkakan untuk membayar balik pemegang instrumen hutang terjamin tolak sebarang jumlah yang Syarikat jangka akan terima daripada pemegang, belum terima atau mana-mana pihak lain.

Pengukuran ECL mencerminkan:

- jumlah yang tidak berat sebelah dan kebarangkalian terwajar yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan hasil keputusan;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang berpatutan dan boleh dipercayai yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar pada tarikh pelaporan tentang peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan.

a) Pendekatan umum 3 peringkat untuk belum terima lain, pinjaman yang terhutang daripada antara syarikat dan bukan dagangan yang terhutang antara syarikat

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan mengukur ECL melalui elaun kerugian pada jumlah yang bersamaan dengan 12 bulan ECL jika risiko kredit ke atas instrumen kewangan atau sekumpulan instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal. Bagi semua instrumen kewangan lain, elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan ECL sepanjang hayat diperlukan.

Butiran ukuran ECL dinyatakan dalam nota yang berkaitan dengan aset kewangan.

b) Pendekatan mudah untuk perdagangan belum terima, jumlah dagangan yang terhutang daripada antara syarikat dan aset kontrak

Kumpulan menggunakan pendekatan MFRS 9 yang mudah untuk mengukur ECL yang menggunakan ECL sepanjang hayat untuk perdagangan belum terima dan aset kontrak.

Butiran ukuran ECL dinyatakan dalam nota yang berkaitan dengan aset kewangan.

Dasar penilaian risiko kredit dan penilaian risiko kredit instrumen hutang dinyatakan dalam Nota 4(a) penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Aset kewangan (sambungan)

Rosotnilai (sambungan)

(ii) Peningkatan risiko kredit yang ketara

Kumpulan menganggap kebarangkalian mungkir atas pengiktirafan permulaan aset dan sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit secara berterusan sepanjang setiap tempoh pelaporan. Untuk menilai sama ada terdapat kenaikan risiko kredit yang ketara, Kumpulan membandingkan risiko kemungkiran yang berlaku ke atas aset pada tarikh pelaporan dengan risiko kegagalan pada tarikh pengiktirafan awal. Ia mengambil kira maklumat tersedia yang munasabah dan maklumat berpandangan hadapan yang boleh dipercayai.

Petunjuk berikut diperbadankan:

- penarafan kredit dalaman;
- penarafan kredit luar (setakat yang tersedia);
- perubahan buruk yang nyata atau yang dijangkakan dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang dijangka menyebabkan perubahan ketara kepada keupayaan penghutang untuk memenuhi obligasinya;
- perubahan sebenar atau jangkaan yang nyata dalam keputusan operasi penghutang;
- peningkatan ketara dalam risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain penghutang yang sama;
- perubahan ketara dalam nilai cagaran yang menyokong obligasi atau kualiti jaminan pihak ketiga atau peningkatan kredit;
- perubahan ketara dalam prestasi dan tingkah laku penghutang yang dijangkakan, termasuk perubahan status pembayaran penghutang dalam kumpulan dan perubahan keputusan operasi penghutang.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) dimasukkan sebagai sebahagian daripada model penarafan dalaman yang berkenaan.

Tanpa mengira analisis di atas, kenaikan risiko kredit yang signifikan akan dianggap jika penghutang melebihi 30 hari lampau tempoh dalam membuat pembayaran kontraktual.

(iii) Definisi aset kewangan yang mungkir dan kredit terjejas

Kumpulan menentukan instrumen kewangan sebagai mungkir, yang sejajar dengan takrifan kredit yang terjejas, apabila penghutang sukar memenuhi kriteria untuk membayar, yang menunjukkan penghutang berada dalam kesulitan kewangan yang ketara. Kumpulan mempertimbangkan perkara berikut:

- penghutang melanggar perjanjian kewangan
- konsesi telah dibuat oleh pemberi pinjaman yang berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang
- ia menjadi kemungkinan bahawa penghutang akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain
- penghutang tidak solven

Instrumen kewangan yang mengalami kredit terjejas akan dinilai secara individu.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Aset kewangan (sambungan)

Rosotnilai (sambungan)

(iv) Pengumpulan instrumen untuk pengukuran ECL

a) Penilaian kolektif

Untuk mengukur ECL, perdagangan belum terima dan aset kontrak yang timbul daripada Kumpulan telah dikumpulkan berdasarkan hari-hari lampau tempoh dan ciri-ciri risiko kredit dikongsi seperti yang berikut:

(i) Kawasan geografi pelanggan

(ii) Bahagian pelanggan

(iii) Syarikat berkaitan dan pelanggan luaran

(iv) Risiko kredit dikongsi yang lain

Aset kontrak berkaitan dengan amaun yang terhutang daripada pelanggan ke atas kontrak dan kerja dalam proses yang belum dibil dan sebahagian besarnya mempunyai ciri risiko yang sama dengan perdagangan belum terima untuk jenis kontrak yang sama. Oleh itu, Kumpulan membuat kesimpulan bahawa kadar kerugian kredit dijangka bagi perdagangan belum terima ialah anggaran yang munasabah bagi kadar kerugian bagi aset kontrak.

b) Penilaian individu

Perdagangan belum terima dan aset kontrak yang dalam keadaan mungkir atau mengalami rosotnilai kredit dinilai secara individu.

Lain-lain belum terima, pinjaman dan jumlah belum terima daripada antara syarikat dan kontrak jaminan kewangan dinilai secara individu untuk pengukuran ECL, sebagai maklumat risiko kredit diperoleh dan dipantau secara berasingan.

(v) Hapus kira

a) Perdagangan belum terima dan aset kontrak

Perdagangan belum terima dan aset kontrak dihapus kira apabila tiada jangkaan pemulihan yang munasabah. Petunjuk bahawa tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah termasuk, antara lain, kegagalan penghutang untuk terlibat dalam pelan pembayaran balik dengan Kumpulan.

Kerugian rosotnilai atas perdagangan belum terima dan aset kontrak dibentangkan sebagai kerugian rosotnilai bersih dalam menghadapi keuntungan atau kerugian. Pemulihan semula amaun yang sebelum ini dihapus kira dikreditkan atas item baris yang sama.

b) Instrumen hutang lain

Kumpulan menghapus kira aset kewangan secara keseluruhan atau sebahagiannya, apabila ia telah menghabiskan semua usaha pemulihan praktikal dan telah membuat kesimpulan bahawa tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah. Penilaian tanpa jangkaan pemulihan yang munasabah dibuat berdasarkan ketidaksediaan sumber pendapatan atau aset penghutang untuk menjana aliran tunai masa hadapan yang mencukupi untuk membayar balik amaun tersebut. Kumpulan boleh menghapus kira aset kewangan yang masih tertakluk pada aktiviti penguatkuasaan. Perolehan selanjutnya dari amaun yang telah dihapus kira sebelum ini akan mengakibatkan keuntungan rosotnilai.

(vi) Subsidiari, usaha sama dan syarikat bersekutu

Kerugian rosotnilai diiktiraf untuk amaun yang mana nilai bawaan subsidiari, usaha sama atau syarikat bersekutu melebihi amaun yang boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai saksama aset ditolak kos pelupusan dan nilai sedang digunakan yang mana lebih tinggi. Sebarang kenaikan dalam amaun boleh pulih diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(i) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak dalam instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf pada nilai saksama pada peringkat permulaan, bersih, dalam kes liabiliti kewangan selain derivatif, ia diagihkan terus kepada kos urus niaga.

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah biaya efektif kecuali liabiliti LLA dan derivatif dalam kedudukan kerugian yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Bagi liabiliti kewangan selain liabiliti LLA dan derivatif, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti ditarik balik pengiktirafannya dan melalui proses pelunasan.

Keuntungan dan kerugian wujud daripada perubahan nilai saksama liabiliti LLA dan derivatif yang diiktiraf dalam untung atau rugi dalam keuntungan/kerugian lain, bersih. Keuntungan atau kerugian bersih dalam derivatif termasuk perbezaan tukaran mata wang asing.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa kecuali Kumpulan sudah mempunyai hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti berkenaan bagi sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan.

Kos pinjaman dibahagikan secara langsung kepada pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, iaitu aset yang memerlukan tempoh masa yang lama untuk disediakan bagi tujuan penggunaan atau untuk dijual, ditambah ke dalam kos aset tersebut, sehingga sampai masa aset tersebut tersedia untuk digunakan atau untuk dijual.

Perbezaan daripada tukaran wang asing dipermodalkan sehingga ke tahap kos pinjaman yang berkaitan dipermodalkan.

Semua kos pinjaman yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh masa ia ditanggung.

Yuran yang dibayar bagi penubuhan kemudahan pinjaman, diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman, sehingga ke tahap berkemungkinan sebahagian atau semua kemudahan tersebut akan dikeluarkan. Dalam hal ini, yuran ditunda sehingga berlakunya pengeluaran. Sehingga ke tahap tiada bukti bahawa kemungkinan sebahagian atau seluruh kemudahan akan dikeluarkan, yuran tersebut dipermodalkan sebagai prabayaran bagi khidmat kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan tersebut yang mana berkaitan.

Sesebuah liabiliti kewangan ditarik balik pengiktirafannya, apabila kewajipan menurut liabiliti tersebut dihapuskan. Apabila sesebuah liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan oleh liabiliti kewangan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama, berasaskan kepada syarat yang ketara berbeza atau syarat liabiliti yang sedia ada diubahsuai secara ketara, perubahan atau pengubahsuaian sedemikian dianggap sebagai penarikan semula pengiktirafan daripada liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baharu serta perbezaan amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila asas bagi menentukan aliran tunai kontrak hadapan bagi pinjaman diubahsuai sepenuhnya ekoran perubahan Kadar Tawaran Antara Bank ("IBOR"), Kumpulan menggunakan kaedah yang disediakan dalam pindaan Fasa 2 IBOR tanpa mengiktiraf sebarang perubahan keuntungan atau kerugian.

Dalam keadaan di mana sebahagian atau semua perubahan dalam asas menentukan aliran tunai kontrak sesuatu pinjaman tidak memenuhi kriteria pindaan Fasa 2 tersebut, Kumpulan menggunakan kaedah paling praktikal untuk perubahan yang dikehendaki oleh IBOR, termasuk mengemaskini kadar faedah efektif bagi pinjaman tersebut. Sebarang perubahan tambahan diambilkira sebagai modifikasi pinjaman sejajar dengan kehendak MFRS 9 (dinilai untuk modifikasi atau penyahiktirafan, dengan keuntungan atau kerugian modifikasi diiktiraf serta-merta dalam keuntungan atau kerugian di mana pinjaman tersebut tidak dinyahiktiraf).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Hartanah, loji dan peralatan

Pada mulanya, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos. Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Kos sesebuah hartanah, loji dan peralatan pada mulanya diiktiraf termasuk harga belian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset berkenaan ke lokasi dan keadaan yang diperlukan bagi membolehkannya beroperasi mengikut cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos juga termasuk kos pinjaman yang secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran sesebuah aset yang layak. Lihat Nota 3(i) dasar perakaunan penting tentang kos pinjaman. Sehingga ke tahap wujudnya kewajipan perundangan atau konstruktif terhadap pihak ketiga, kos pengambilalihan termasuk kos anggaran membuka atau merobohkan aset dan membaiki pulih tapak.

Kos berikutnya termasuk dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila wujud kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh diukur sewajarnya. Amaun bawaan alat ganti tidak lagi diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan dicaj ke untung atau rugi pada tempoh kewangan di mana ia ditanggung.

Alat ganti, peralatan siap sedia dan peralatan servis utama dikelaskan sebagai hartanah, loji dan peralatan berbanding inventori apabila ia dijangka digunakan lebih daripada satu tempoh.

Tumbuhan penghasil ialah tumbuhan hidup yang digunakan dalam pengeluaran atau penawaran hasil pertanian, yang diharapkan dapat ditanggung menghasilkan lebih daripada satu tempoh dan mempunyai kemungkinan dijual sebagai hasil pertanian, kecuali untuk penjualan skrap sampingan. Tumbuhan penghasil Kumpulan ialah pokok kelapa sawit, pokok getah dan pokok mangga. Tumbuhan penghasil tidak matang diukur pada kos terkumpul menanam tumbuhan penghasil, sama seperti mengakaun untuk item dibina sendiri, bagi hartanah, loji dan peralatan. Tumbuhan penghasil dikelaskan sebagai tidak matang sehingga pokok-pokoknya didapati boleh dituai. Pada ketika itu, tumbuhan penghasil diukur pada kos dilunaskan dan disusut nilai berbanding manfaatnya kehidupan.

Anjing dibiak dan dilatih untuk tujuan keselamatan. Semua kos secara langsung bagi anjing dikumpulkan sehingga ke tahap matang. Selepas itu, kos yang dipermodalkan dilunaskan mengikut asas garis lurus sepanjang jangka hayat hidup produktif. Anggaran tempoh kematangan bagi anjing ialah 2 tahun, lengkap dengan latihan yang diperlukan dan menggunakan 8 tahun sebagai tempoh pelunasan.

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai kerana ia mempunyai jangka hayat tidak terhad. Alat ganti atau peralatan servis diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan akan disusut nilai sepanjang tempoh yang tidak melepasi jangka hayat aset tersebut di mana ia berhubung kait. Semua hartanah, loji dan peralatan akan disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus bagi menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisa masing-masing sepanjang anggaran jangka hayat berguna seperti yang berikut:

<u>Hartanah, loji dan peralatan</u>	<u>Anggaran jangka hayat berguna (tahun)</u>
Bangunan, struktur dan ubah suai	3 hingga 60
Loji dan jentera	3 hingga 30
Kenderaan bermotor	3 hingga 30
Peralatan pejabat, perkakas dan peralatan lain	2 hingga 33
Tumbuhan penghasil	
– Kelapa sawit	22, atau tempoh pajakan jika lebih pendek
– Pokok getah	20, atau tempoh pajakan jika lebih pendek
– Lain-lain	25, atau tempoh pajakan jika lebih pendek
– Ternakan	5 hingga 8

Nilai sisa dan jangka hayat berguna bagi aset tersebut disemak semula, dan dilaraskan jika wajar, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan. Kesan bagi sebarang penyemakan nilai sisa dan hayat berguna dimasukkan dalam untung atau rugi bagi tahun kewangan di mana perubahan berlaku.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan ditamatkan apabila yang lebih mendahului sama ada penyahiktirafan dan pengelasan sebagai dipegang untuk dijual. Susut nilai aset dalam pembinaan bermula apabila aset-aset telah tersedia untuk digunakan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan nilai pemegangan dan dimasukkan ke dalam "pendapatan lain operasi" dalam untung atau rugi.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menaksir sama ada wujud sebarang petunjuk rosotnilai. Jika keadaan tersebut wujud, satu analisis dilakukan bagi menilai sama ada nilai pemegangan aset dapat diperoleh semula sepenuhnya. Nilai pemegangan sesebuah aset diturunkan nilai serta merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula jika nilai pemegangan aset berkenaan lebih besar berbanding dengan anggaran jumlah boleh diperoleh semula. Lihat Nota 3(o) dasar perakaunan penting mengenai rosotnilai aset bukan kewangan.

(k) Hartanah pelaburan

Pelaburan hartanah dipegang untuk pulangan sewaan jangka panjang atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dan tidak digunakan oleh Kumpulan. Pelaburan hartanah pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urus niaga yang berkaitan dan kos pinjaman jika pelaburan hartanah memenuhi pentakrifan aset yang layak.

Selepas pengiktirafan permulaan, pelaburan hartanah dinyatakan pada kos ditolak sebarang susut nilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai kerana ia mempunyai jangka hayat tidak terhad. Semua pelaburan hartanah disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus bagi menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisa masing-masing sepanjang anggaran jangka hayat berguna seperti yang berikut:

<u>Pelaburan hartanah</u>	<u>Anggaran jangka hayat bertahan (tahun)</u>
Tanah pajakan	50 hingga 99
Bangunan	20 hingga 50

Perbelanjaan berikutnya dipermodalkan kepada nilai pemegangan aset apabila wujud kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan perbelanjaannya akan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh diukur dengan sewajarnya. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Apabila bahagian pelaburan hartanah ditukar ganti, nilai pemegangan bagi bahagian yang ditukar ganti tidak lagi diiktiraf.

Pelaburan hartanah tidak diiktiraf sama ada apabila ia dilupuskan atau apabila pelaburan hartanah dikeluarkan secara kekal daripada kegunaan dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada pelupusannya. Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan bersih pelupusan dengan nilai pemegangan dan dimasukkan ke dalam "pendapatan lain operasi" dalam untung atau rugi.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menaksir sama ada wujud sebarang petunjuk rosotnilai. Jika keadaan tersebut wujud, nilai pemegangan sesebuah aset diturunkan nilai serta merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula jika nilai pemegangan aset lebih besar berbanding dengan anggaran jumlah boleh diperoleh semula. Lihat Nota 3(o) berkenaan dasar perakaunan penting mengenai rosotnilai aset bukan kewangan.

(l) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara yang diperoleh secara berasingan diukur pada kos pada permulaan pengiktirafan. Kos aset tidak ketara diperoleh dalam gabungan perniagaan adalah pada nilai saksama ketika tarikh pengambilalihan. Berikutan pengiktirafan peringkat awal, aset tidak ketara dibawa kepada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Hayat berguna bagi aset tidak ketara dinilai sama ada terhad atau tidak terhad. Aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna ekonomi dan ditaksir bagi rosotnilai apabila terdapat petunjuk yang aset tidak ketara tersebut mungkin mengalami rosotnilai. Jika keadaan tersebut wujud, nilai pemegangan sesebuah aset diturunkan nilai serta merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula jika nilai pemegangan aset berkenaan lebih besar berbanding dengan anggaran jumlah boleh diperoleh semula. Lihat Nota 3(o) dasar perakaunan penting mengenai rosotnilai aset bukan kewangan.

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat guna terhad disemak semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Aset tidak ketara (sambungan)

Aset tidak ketara dengan jangka hayat berguna yang tidak terhad dan aset tidak ketara bawah pembangunan tidak dilunaskan tetapi diuji untuk rosotnilai pada setiap tahun atau lebih kerap jika terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai pemegangannya berkemungkinan merosot sama ada secara individu atau pada peringkat unit penjana tunai. Hayat guna aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad juga disemak semula setiap tahun untuk memastikan sama ada taksiran hayat guna boleh dikekalkan.

Aset tidak ketara dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat guna seperti yang berikut:

<u>Aset tidak ketara</u>	<u>Anggaran jangka hayat berguna (tahun)</u>
Jenama	20 hingga 26
Perisian	3 hingga 5
Hak penggunaan tanah	35
Lain-lain	18

Pelunasan pada aset tidak ketara bawah pembangunan bermula apabila aset berkenaan sedia untuk digunakan.

Ciri-ciri aset tidak ketara adalah seperti yang berikut:

- (i) Jenama yang berkaitan dengan jenama gula 'Prai', dan jenama pengguna 'Saji', 'Seri Pelangi', 'SunFlower', 'Sun Bear', dan 'Yangambi' diperoleh sebagai sebahagian daripada pengambilalihan perniagaan yang berkaitan.
- (ii) Perisian berkaitan dengan teknologi maklumat ("IT") yang digunakan dalam Kumpulan.
- (iii) Hak penggunaan tanah bagi ladang kelapa sawit di Indonesia.
- (iv) Aset tidak ketara bawah pembangunan berkaitan dengan sistem IT bawah pembangunan.

(m) Aset biologi

Kelapa Sawit

Kumpulan meletakkan nilai saksama pada buah tandan segar ("BTS") pada setiap penyata kedudukan kewangan seperti yang dikehendaki menurut MFRS 141 "Pertanian". BTS ialah hasil daripada pokok sawit dan dituai secara berterusan sepanjang tahun kewangan untuk digunakan dalam pengeluaran minyak sawit mentah ("MSM"). Setiap BTS mengambil masa kira-kira 22 minggu dari pendebungaan untuk mencapai kandungan minyak maksimum untuk siap menuai. Nilai setiap BTS pada setiap peringkat kitaran pengeluaran BTS akan berubah berdasarkan kandungan minyak kumulatif dalam setiap buah.

Dalam menentukan nilai saksama BTS, pihak pengurusan telah menganggap kandungan minyak semua BTS yang belum matang dari minggu selepas pendebungaan hingga minggu sebelum penuaian. Memandangkan kandungan minyak terakru secara eksponen dalam tempoh 15 hari sebelum penuaian, BTS sebelum 15 hari sebelum penuaian dikecualikan dalam penilaian kerana nilai saksama dianggap boleh abai.

Model penilaian yang diterapkan oleh Kumpulan ialah model aliran tunai terdiskaun yang merangkumi semua aliran tunai, aliran keluar tunai dan caj aset pencarum terkait apabila tiada aliran tunai sebenar yang berkaitan dengan penggunaan aset yang penting untuk aktiviti pertanian diambil kira. Nilai semasa bersih aliran tunai kemudiannya ditentukan dengan merujuk nilai pasaran minyak sawit mentah pada tarikh hasil tuaian, disesuaikan untuk tambang, kadar pengekstrakan, pengeluaran, pengangkutan, caj aset pencarum dan kos lain untuk dijual pada masa menuai.

(n) Inventori

Inventori yang meliputi komoditi berdasarkan produk dan derivatif yang berkaitan dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai bersih boleh direalisasikan. Kos ditentukan menggunakan asas purata berwajaran dan asas masuk-dahulu keluar-dahulu.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(n) Inventori (sambungan)

Kos bahan mentah meliputi kos belian langsung. Kos barangan siap dan kerja dalam proses meliputi kos bahan mentah, buruh langsung, kos langsung lain dan bahagian overhead perkilangan yang sesuai berdasarkan kapasiti operasi biasa. Ia tidak termasuk kos pinjaman.

Nilai bersih boleh direalisasi ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, ditolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.

(o) Rosotnilai aset bukan kewangan

Aset-aset yang mempunyai hayat guna tidak terhad, sebagai contoh muhibah atau aset tidak ketara yang belum sedia digunakan, tidak tertakluk pada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk rosotnilai, atau apabila peristiwa atau keadaan berlaku menunjukkan bahawa rosotnilai mungkin wujud. Hartanah, loji dan peralatan serta aset bukan kewangan bukan semasa, termasuk aset tidak ketara dengan hayat guna terhad, disemak semula untuk rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan nilai pemegangan mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai jumlah di mana nilai pemegangan aset melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula.

Kerugian rosotnilai dicaj kepada untung atau rugi. Jumlah yang boleh diperolehi semula ialah yang lebih tinggi antara nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan. Untuk tujuan penaksiran rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aset tersebut ialah aliran tunai yang berasingan yang boleh dikenal pasti (unit penjanaan tunai). Aset rosotnilai, kecuali muhibah, disemak semula untuk kemungkinan pembalikan rosotnilai pada setiap tarikh laporan.

(p) Zakat

Kumpulan mengiktiraf kewajipan terhadap pembayaran zakat perniagaan. Zakat bagi tempoh semasa diiktiraf sebagai dan apabila Kumpulan mempunyai kewajipan zakat semasa hasil daripada penaksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat harus ditaksirkan apabila syarikat dalam Kumpulan telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, sebagai contoh, tempoh masa yang dikenal pasti sebagai "haul (tempoh layak)".

Perbelanjaan zakat ditentukan berdasarkan keputusan kewangan Kumpulan bagi tahun kewangan. Jumlah bayaran zakat diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun kewangan ia ditanggung.

(q) Cukai pendapatan semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai bagi tahun ini meliputi cukai semasa dan tertunda. Cukai diiktiraf dalam untung atau rugi, kecuali setakat mana ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam hal ini, cukai ini juga diiktiraf masing-masing dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Cukai semasa dan cukai tertunda diukur menggunakan kadar cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh penyata kewangan di negara di mana subsidiari, usaha sama dan syarikat bersekutu Kumpulan beroperasi menjana pendapatan yang boleh dicukai.

Cukai tertunda diperuntukkan sebagai perbezaan sementara yang wujud antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai pemegangan dalam penyata kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana keuntungan boleh cukai masa hadapan mungkin tersedia yang mana perbezaan sementara yang boleh dikurangkan dan kerugian cukai belum digunakan boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diambil kira jika ia muncul daripada pengiktirafan permulaan aset atau liabiliti dalam urus niaga selain gabungan perniagaan yang mana pada masa urus niaga tidak memberi kesan sama ada kepada perakaunan mahupun untung atau rugi boleh cukai.

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan dalam subsidiari, usaha sama dan syarikat bersekutu, kecuali bagi liabiliti cukai pendapatan tertunda di mana faktor masa pembalikan perbezaan sementara dikawal oleh Kumpulan dan berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak boleh dibalikkan pada masa hadapan yang boleh diramalkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Cukai pendapatan semasa dan tertunda (sambungan)

Cukai tertunda dan aset dan liabiliti cukai pendapatan diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai tertunda berkait dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama, sama ada entiti boleh cukai atau entiti boleh cukai yang berbeza di mana terdapat hasrat untuk menjelaskan baki pada asas bersih.

Manfaat cukai timbul daripada elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan diiktiraf apabila kredit cukai digunakan.

(r) Mata wang asing

Fungsi dan pembentangan mata wang

Perkara yang diliputi dalam penyata kewangan bagi setiap entiti kami diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), di mana merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Syarikat dan mata wang pembentangan Kumpulan.

Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga. Untung dan rugi tukaran wang asing terhasil daripada penyelesaian sesuatu urus niaga dan terjemahan daripada aset dan liabiliti monetari didenominasi dalam mata wang asing pada kadar tukaran wang asing akhir tahun amnya diiktiraf dalam untung atau rugi. Terdapat tukaran wang asing tertunda dalam ekuiti jika ia berkaitan kepada lindung nilai aliran tunai berkecualan dan lindung nilai bersih pelaburan berkecualan atau hasil kepada sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing.

Untung dan rugi tukaran asing berkaitan dengan pinjaman dibentangkan dalam penyata untung atau rugi, dalam kos kewangan.

Item bukan monetari yang diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama ditentukan. Perbezaan terjemahan berkaitan aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang dibawa pada nilai saksama dilaporkan sebagai sebahagian keuntungan atau kerugian nilai saksama. Sebagai contoh, perbezaan terjemahan ke atas aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan bukan monetari seperti ekuiti yang dipegang pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai sebahagian keuntungan atau kerugian nilai saksama dan perbezaan terjemahan ke atas aset kewangan bukan monetari, seperti ekuiti-ekuiti dikelaskan sebagai nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Syarikat Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan entiti-entiti Kumpulan (yang mana tiada di antaranya memiliki mata wang ekonomi hiperinflasi) yang mempunyai fungsi mata wang lain yang berbeza daripada pembentangan mata wang ditukarkan kepada pembentangan mata wang seperti di bawah:

- (i) aset-aset dan liabiliti-liabiliti bagi setiap penyata kedudukan kewangan yang dibentangkan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh kedudukan penyata kewangan;
- (ii) pendapatan dan perbelanjaan untuk setiap penyata pendapatan komprehensif ditukarkan pada kadar purata (kecuali jika purata tersebut tidak munasabah bagi kesan terkumpul pada kadar lazim pada tarikh urus niaga, di mana pendapatan dan perbelanjaan ditukarkan pada tarikh-tarikh urus niaga); dan
- (iii) semua perbezaan pertukaran yang terhasil diiktiraf dalam rizab tukaran asing sebagai komponen ekuiti berasingan.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama terhasil daripada pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset-aset dan liabiliti-liabiliti entiti asing dan ditukarkan pada kadar penutup. Perbezaan pertukaran yang terhasil diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Semasa penyatuan, perbezaan pertukaran yang terhasil daripada pertukaran pelaburan bersih dalam entiti-entiti asing dan pendahuluan jangka panjang dibawa ke rizab tukaran asing dalam ekuiti. Apabila operasi asing dijual, perbezaan pertukaran tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai sebahagian keuntungan atau kerugian ke atas pelupusan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(s) Geran-geran kerajaan

Geran-geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksama di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi syarat berkaitan.

Geran-geran kerajaan berkaitan dengan pendapatan diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang tempoh supaya berpadanan dengan kos berkaitan yang mana geran-geran tersebut bertujuan untuk mengimbangi.

Manfaat pinjaman pada faedah bawah kadar pasaran diterima daripada kerajaan, jika ada, dianggap sebagai geran kerajaan, diukur sebagai perbezaan di antara hasil diterima dan nilai saksama pinjaman berdasarkan kadar faedah pasaran semasa.

Geran-geran kerajaan berkaitan dengan belian aset dibentangkan sebagai pengurangan nilai bawaan kepada aset yang berkaitan. Geran kerajaan diiktiraf dalam untung atau rugi bagi tempoh hayat hartanah, loji dan peralatan berkaitan sebagai pengurangan perbelanjaan susut nilai.

(t) Pengiktirafan hasil

(i) Hasil daripada kontrak dengan pelanggan

Hasil Kumpulan yang mewakili pendapatan yang timbul dalam aktiviti biasa Kumpulan dan Syarikat diiktiraf dengan merujuk setiap obligasi pelaksanaan yang dijanjikan dalam kontrak dengan pelanggan apabila atau ketika Kumpulan dan Syarikat memindahkan kawalan barangan dan perkhidmatan yang dijanjikan dalam kontrak dan pelanggan memperoleh kawalan terhadap barangan atau perkhidmatan. Bergantung pada kandungan kontrak masing-masing dengan pelanggan, kawalan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan boleh dipindahkan dari semasa ke semasa atau pada sesuatu masa.

Kontrak dengan pelanggan wujud apabila kontrak itu mempunyai bahan komersil, Kumpulan, Syarikat dan pelanggan mereka telah meluluskan kontrak dan berhasrat untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing, hak Kumpulan, Syarikat dan hak pelanggan berkenaan barangan atau perkhidmatan yang akan dipindahkan dan terma pembayaran boleh dikenal pasti, dan kemungkinan bahawa Kumpulan dan Syarikat akan mengumpulkan pertimbangan yang berhak untuk menukar barangan atau perkhidmatan tersebut.

Hasil daripada kontrak dengan pelanggan diukur pada harga urus niaganya, iaitu jumlah pertimbangan yang dijangkakan oleh Kumpulan berhak sebagai pertukaran untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan, tidak termasuk amaun yang dikutip bagi pihak ketiga seperti cukai jualan dan perkhidmatan atau cukai barangan dan perkhidmatan. Sekiranya amaun pertimbangan berbeza disebabkan oleh diskaun, rebat, penalti atau perkara lain yang serupa, Kumpulan dan Syarikat menganggarkan amaun pertimbangan yang dijangkakan berhak mengikut kaedah nilai yang dijangka atau hasil yang paling mungkin tetapi anggaran dikekang sehingga jumlah yang kemungkinan besar tidak ada pembalikan signifikan pada masa hadapan. Harga urus niaga diperuntukkan kepada setiap obligasi pelaksanaan atas dasar relatif harga jualan tersendiri setiap barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan dalam kontrak.

Pendapatan Kumpulan dikategorikan dalam tiga sektor:

(a) Sektor perladangan merangkumi huluan sawit, hiliran sawit, penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan tani

Dalam operasi huluan sawit, Kumpulan menjual hasil pertanian seperti minyak sawit mentah ("MSM"), buah tandan segar ("BTS"), isirung sawit ("PK") dan keluaran getah. Dalam operasi hiliran sawit, Kumpulan menjual minyak ditapis, diluntur dinyahbau (RBD), produk sawit olein (PO), minyak isirung sawit mentah (CPKO), produk yang dibungkus, asid lemak dan gliserin, biodiesel dan penjanaan biojisim (jualan elektrik). Dalam penyelidikan, pembangunan dan operasi khidmat tani, Kumpulan menjual baja, anak benih, racun tikus, khidmat agronomi dan lain-lain.

Hasil daripada penjualan hasil pertanian dan barangan dari operasi ini diiktiraf selepas diskaun dan cukai pada ketika waktu kawalan barangan telah dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung pada terma kontrak dengan pelanggan, mengawal pemindahan sama ada semasa penghantaran atau penghantaran barang ke lokasi tertentu yang dipersetujui dengan pelanggan, risiko keusangan dan kerugian telah dipindahkan kepada pelanggan, dan sama ada pelanggan telah menerima barang tersebut selaras dengan kontrak jualan, peruntukan penerimaan telah luput, atau Kumpulan mempunyai bukti objektif bahawa semua kriteria untuk penerimaan telah dipenuhi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(t) Pengiktirafan hasil (sambungan)

(i) Hasil daripada kontrak dengan pelanggan (sambungan)

Pendapatan Kumpulan dikategorikan dalam tiga sektor: (sambungan)

(a) Sektor perladangan merangkumi huluan sawit, hiliran sawit, penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan tani (sambungan)

Hasil daripada penyediaan perkhidmatan diiktiraf dalam tempoh perakaunan di mana perkhidmatan diberikan. Bagi kontrak harga tetap, hasil diiktiraf berdasarkan khidmat sebenar yang disediakan pada akhir tempoh pelaporan sebagai sebahagian daripada jumlah khidmat yang akan diberikan kerana pelanggan menerima dan menggunakan faedah secara serentak. Ini ditentukan berdasarkan waktu bekerja sebenar yang dihabiskan berbanding dengan jumlah waktu bekerja yang dijangkakan. Sekiranya kontrak termasuk bayaran setiap jam, hasil diiktiraf dalam jumlah yang Kumpulan mempunyai hak untuk mengeluarkan invoice. Pelanggan pada umumnya telah diberi invoice secara bulanan dan pertimbangan akan dibayar apabila diberi invoice.

Setengah kontrak merangkumi pelbagai atau longgokan pengagihan, seperti penyerahan barangan di kapal atau kapal tangki yang sering digabungkan dengan khidmat pengangkutan. Dalam kebanyakan kes, penyerahan barangan itu adalah mudah, tidak termasuk khidmat bersepadu, boleh dilakukan oleh pihak lain dan pelanggan dapat memperoleh keuntungan dari penjualan barang dan khidmat pengangkutan dengan sendirinya atau dengan penggunaan sumber lain. Oleh itu, ia dikira sebagai obligasi pelaksanaan yang berasingan. Tidak ada unsur pembiayaan yang hadir kerana penjualan dibuat dengan syarat kredit sehingga 90 hari. Harga transaksi akan diperuntukkan kepada setiap obligasi pelaksanaan berdasarkan harga jualan tersendiri. Jika ini tidak dapat dilihat secara langsung, ia dianggarkan berdasarkan kos yang dijangkakan ditambah margin. Sekiranya kontrak termasuk penghantaran barangan, hasil bagi barangan diiktiraf pada sesuatu masa apabila barang dihantar, hak kepunyaan telah dilepaskan dan pelanggan telah menerima barang tersebut.

(b) Sektor Gula

Dalam sektor gula, Kumpulan menjual gula halus dan gula perang.

Hasil daripada jualan barangan dari operasi gula diiktiraf bersih diskaun dan cukai pada sesuatu masa di mana kawalan barangan telah dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung pada syarat kontrak dengan pelanggan, pindahan kawalan sama ada semasa penghantaran atau penghantaran barang ke lokasi tertentu yang dipersetujui dengan pelanggan, risiko keusangan dan kerugian telah dipindahkan kepada pelanggan, dan sama ada pelanggan telah menerima barang tersebut selaras dengan kontrak jualan, peruntukan penerimaan telah luput, atau Kumpulan mempunyai bukti objektif bahawa semua kriteria untuk penerimaan telah dipenuhi.

(c) Sektor Logistik dan Lain-lain

Dalam sektor logistik dan lain-lain, Kumpulan menyediakan pukal, barangan angkut, pengangkutan yang meliputi perkhidmatan Pengendalian Pengangkutan Antarabangsa ("IFF")/pengendali pengangkutan Multi-Modal ("MTO"), penghantaran, kurier dan perkhidmatan operasi jeti, penyimpanan, perjalanan dan pelancongan, perkakasan komputer dan penyelesaian perisian, perundingan pengurusan projek, tol dan perkhidmatan pek tol.

Hasil dari penjualan barangan dari operasi ini diiktiraf selepas diskaun dan cukai pada sesuatu masa di mana kawalan barangan telah dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung pada syarat kontrak dengan pelanggan, kawalan pemindahan sama ada semasa penghantaran atau penghantaran barang ke lokasi tertentu yang dipersetujui dengan pelanggan, risiko keusangan dan kerugian telah dipindahkan kepada pelanggan, dan sama ada pelanggan telah menerima barang tersebut selaras dengan kontrak jualan, peruntukan penerimaan telah luput, atau Kumpulan mempunyai bukti objektif bahawa semua kriteria untuk penerimaan telah dipenuhi.

Hasil daripada penyediaan khidmat diiktiraf dalam tempoh perakaunan di mana perkhidmatan diberikan. Bagi kontrak harga tetap, hasil diiktiraf berdasarkan perkhidmatan sebenar yang disediakan pada akhir tempoh pelaporan sebagai sebahagian daripada jumlah khidmat yang akan diberikan kerana pelanggan menerima dan menggunakan manfaat secara serentak. Ini ditentukan berdasarkan waktu bekerja sebenar yang dihabiskan berbanding dengan jumlah waktu bekerja yang dijangkakan. Sekiranya kontrak itu termasuk bayaran setiap jam, pendapatan diiktiraf dalam jumlah yang Kumpulan mempunyai hak untuk invoice.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(t) Pengiktirafan hasil (sambungan)

(i) Hasil daripada kontrak dengan pelanggan (sambungan)

Pendapatan Kumpulan dikategorikan dalam tiga sektor: (sambungan)

(c) Sektor Logistik dan Lain-lain (sambungan)

Anggaran hasil, kos atau tahap kemajuan ke arah penyelesaian disemak semula sekiranya keadaan berubah. Apa-apa peningkatan atau penurunan hasil atau kos yang dianggarkan, ditunjukkan dalam untung atau rugi dalam tempoh yang mana keadaan yang menimbulkan semakan itu diketahui oleh pihak pengurusan.

Pelanggan pada umumnya diberi invoice secara bulanan dan pertimbangan perlu dibayar apabila diberi invoice.

Setengah kontrak termasuk pelbagai penghantaran, seperti penjualan perkakasan, perisian, penyelenggaraan, pembinaan, latihan dan khidmat pemasangan berkaitan. Jika khidmat ini memerlukan bersepadu yang ketara dan sangat saling berkaitan antara satu sama lain, tidak ada obligasi pelaksanaan berasingan yang berasingan maka tidak ada peruntukan harga transaksi diperlukan. Walau bagaimanapun, jika setiap khidmat ini adalah mudah, tidak termasuk khidmat bersepadu dan boleh dilakukan oleh pihak lain, maka ia kemudiannya dianggap sebagai obligasi pelaksanaan yang berasingan. Di mana kontrak termasuk pelbagai obligasi pelaksanaan, harga transaksi akan diperuntukkan kepada setiap obligasi pelaksanaan berdasarkan harga jualan tersendiri. Jika ini tidak dapat dilihat secara langsung, ia dianggarkan berdasarkan kos yang dijangkakan ditambah margin. Jika kontrak termasuk pemasangan perkakasan atau perisian, hasil perkakasan atau perisian diiktiraf pada sesuatu masa di mana perkakasan atau perisian disampaikan, hak kepunyaan telah dilepaskan dan pelanggan telah menerima perkakasan tersebut.

Jualan dengan hak pulangan

Apabila pelanggan berhak untuk memulangkan barangan dalam tempoh tertentu, Kumpulan bertanggungjawab untuk membayar balik harga belian. Hasil diselaraskan untuk nilai jangkaan pulangan dan kos jualan diselaraskan untuk nilai barang sepadan yang dijangka akan dikembalikan.

Liabiliti bayaran balik untuk bayaran balik yang dijangkakan kepada pelanggan diiktiraf sebagai pelarasan untuk hasil dan sepadan dalam perdagangan dan belum bayar lain-lain. Pada masa yang sama, Kumpulan mempunyai hak untuk mendapatkan semula barangan dari pelanggan sekiranya pelanggan menggunakan haknya untuk kembali dan mengiktiraf aset bayaran balik dan pelarasan yang berkaitan dengan kos jualan. Aset bayaran balik diukur dengan merujuk jumlah bawahan produk sebelumnya.

Pengalaman terkumpul digunakan untuk menganggar pulangan tersebut pada masa jualan di peringkat portfolio menggunakan kaedah nilai dijangka. Kerana bilangan barangan yang dikembalikan telah mantap selama bertahun-tahun, pengurusan menilai bahawa kemungkinan besar pembalikan signifikan dalam hasil kumulatif yang diakui tidak akan berlaku. Kesahihan andaian ini dan anggaran amaun pulangan dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan.

Jumlah rebat/insentif yang dijangkakan

Barangan tertentu boleh dijual dengan jumlah rebat/insentif yang terdiri daripada insentif pengedaran, rebat insurans, rebat pengedaran dan insentif jualan khas. Hasil daripada jualan ini diiktiraf berdasarkan harga yang dinyatakan dalam kontrak, selepas jumlah rebat/insentif yang dianggarkan.

Pengalaman terkumpul digunakan untuk menganggarkan dan menyediakan rebat/insentif, menggunakan kaedah nilai dijangka, dan hasil hanya diiktiraf setakat yang kemungkinan besar pembalikan signifikan tidak akan berlaku. Liabiliti bayaran balik untuk jumlah rebat/insentif yang dijangkakan kepada pelanggan berhubung dengan jualan yang dibuat sehingga akhir tempoh pelaporan diiktiraf sebagai pelarasan kepada hasil dan sepadan dalam dagangan dan belum bayar lain.

Tuntutan kualiti

Kewajipan Kumpulan untuk memberikan tuntutan yang berkualiti terhadap barangan luar spesifikasi menurut terma-terma kontrak piawaian Kumpulan diiktiraf sebagai peruntukan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(t) Pengiktirafan hasil (sambungan)

(i) Hasil daripada kontrak dengan pelanggan (sambungan)

Belum terima, aset kontrak dan liabiliti kontrak

Belum terima diiktiraf apabila barang-barang dihantar atau perkhidmatan diberikan kerana ini adalah titik pada masa bahawa pertimbangan itu tidak bersyarat kerana hanya tempoh masa diperlukan sebelum pembayaran perlu dibayar.

Aset kontrak ialah hak untuk dipertimbang sebagai pertukaran untuk barangan atau perkhidmatan Kumpulan yang dipindahkan kepada pelanggan. Aset kontrak diiktiraf apabila khidmat yang diberikan oleh Kumpulan melebihi amaun yang telah dibilkan.

Liabiliti kontrak ialah kewajiban Kumpulan untuk memindahkan barang atau khidmat kepada pelanggan. Liabiliti kontrak diiktiraf apabila Kumpulan telah menerima pertimbangan jualan terlebih dahulu atau bil atau pembayaran oleh pelanggan melebihi khidmat yang diberikan oleh Kumpulan.

Kos kontrak

Sepanjang tahun ini, Kumpulan telah memilih kaedah praktikal untuk mengenal pasti kos kontrak yang ditanggung berkaitan dengan kontrak dengan tempoh kurang daripada satu tahun sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

(ii) Hasil daripada sumber lain

Kriteria pengiktirafan hasil khusus untuk pendapatan dan hasil lain yang diperolehi oleh Kumpulan dan Syarikat adalah seperti yang berikut:

a) Pendapatan sewaan

Pendapatan sewaan diiktiraf berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

b) Pendapatan kewangan

Pendapatan kewangan diiktiraf dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Pendapatan kewangan dikira dengan menggunakan kadar faedah efektif pada amaun dibawa kasar aset kewangan kecuali aset kewangan yang kemudiannya menjadi rosot kredit. Bagi aset kewangan rosot kredit, kadar faedah efektif digunakan untuk aset kewangan jumlah bawaan bersih (selepas potongan elaun kerugian).

c) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen daripada pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak untuk menerima pembayaran wujud. Ini terpakai walaupun ia dibayar daripada untung pra-pengambilalihan.

Dividen yang jelas mewakili sebahagian daripada kos pemulihan pelaburan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain jika ia berkaitan dengan pelaburan dalam instrumen ekuiti diukur pada FVOCI.

d) Pampasan belum diterima

Pampasan dianggarkan berdasarkan kawasan yang dituntut oleh FELDA, diiktiraf apabila tanah milik kosong diambil alih.

(u) Pengagihan dividen

Dividen-dividen saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila dicadangkan atau diisytiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen yang dicadang atau diisytihar selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenar untuk diterbitkan, tidak diiktiraf sebagai liabiliti dalam tarikh penyata kedudukan kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(v) Deposit, tunai dan baki di bank

Deposit, tunai dan baki di bank termasuk tunai dalam tangan, deposit dipegang dengan bank, kecairan lain dalam pelaburan jangka pendek dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang, dan overdraf bank. Overdraf bank dinyatakan dalam pinjaman dalam liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.

(w) Pajak

Kumpulan sebagai penerima pajak

Pajakan diiktiraf sebagai hak penggunaan aset dalam tempoh pajak (“ROU”) dan liabiliti yang sepadan pada tarikh aset sewaan tersedia untuk digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat.

(a) Aset ROU

Aset ROU diukur pada kos merangkumi yang berikut:

- jumlah pengukuran awal liabiliti pajak,
- sebarang pembayaran pajak yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan tolak insentif pajak yang diterima,
- sebarang kos langsung awal, dan
- kos penutupan atau pemulihan.

Aset ROU disusut nilai sepanjang jangka hayat hak penggunaan aset dalam tempoh pajak yang lebih pendek dan jangka masa sewa secara garis lurus, seperti berikut:

<u>Aset ROU</u>	<u>Jangka hayat berguna (tahun)</u>
Tanah pegangan pajak	50 hingga 933
Bangunan, struktur dan ubahsui	3 hingga 60
Tanaman dan jentera	3 hingga 30
Kenderaan bermotor	3 hingga 30

Aset ROU disesuaikan untuk pengukuran semula liabiliti pajak.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Sekiranya terdapat petunjuk seperti itu, analisis dilakukan untuk menilai sama ada nilai dibawa aset dapat diperoleh semula sepenuhnya. Nilai dibawa aset akan dikurangkan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula jika nilai dibawa aset lebih besar daripada anggaran jumlah yang boleh diperolehi. Lihat Nota 3(o) dasar perakaunan yang penting mengenai penurunan nilai aset bukan kewangan.

(b) Liabiliti pajak

Liabiliti pajak pada mulanya diukur pada nilai semasa pembayaran pajak yang tidak dibayar pada tarikh tersebut. Bayaran pajak merangkumi yang berikut:

- Bayaran tetap (termasuk pembayaran tetap dalam kandungan), ditolak insentif pajak sewa belum terima;
- Pembayaran pajak berubah berdasarkan indeks atau kadar, pada awalnya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan, jika ada;
- Jumlah yang dijangka belum bayar oleh Kumpulan di bawah jaminan nilai baki;
- Harga pelaksanaan opsyen pembelian dan lanjutan sekiranya Kumpulan pasti dapat melaksanakan pilihan, jika ada; dan
- Pembayaran denda untuk menamatkan pajak, jika jangka masa pajak mencerminkan Kumpulan yang melaksanakan pilihan tersebut, jika ada.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(w) Pajakan (sambungan)

Kumpulan sebagai penerima pajak (sambungan)

(b) Liabiliti pajakan (sambungan)

Pembayaran pajakan didiskaun menggunakan kadar faedah yang tersirat dalam pajakan. Sekiranya kadar itu tidak dapat ditentukan dengan mudah, yang biasanya berlaku untuk pajakan dalam Kumpulan, pinjaman tambahan pemajak digunakan. Ini adalah kadar yang perlu dibayar oleh pemajak individu untuk meminjam dana yang diperlukan untuk mendapatkan aset bernilai serupa dengan ROU dalam persekitaran ekonomi yang serupa dengan terma, keselamatan dan syarat yang serupa.

Bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan kos kewangan. Kos kewangan dibebankan kepada untung atau rugi sepanjang tempoh pajakan sehingga menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap pada baki liabiliti untuk setiap tempoh.

Pembayaran pajakan berubah yang bergantung pada penjualan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh keadaan yang mencetuskan pembayaran tersebut berlaku.

Kumpulan menunjukkan liabiliti pajakan sebagai item baris yang berasingan dalam penyata kedudukan kewangan. Perbelanjaan faedah atas liabiliti pajakan dinyatakan dalam kos kewangan dalam penyata untung atau rugi.

(c) Tempoh pajakan

Dalam menentukan tempoh pajakan, Kumpulan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang menimbulkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pilihan lanjutan, atau tidak menggunakan pilihan penamatan. Pilihan lanjutan (atau tempoh setelah pilihan penamatan) hanya disertakan dalam jangka masa pajakan jika sewajarnya pasti dilanjutkan (atau tidak dihentikan).

Kumpulan menilai semula tempoh pajakan apabila berlakunya peristiwa penting atau perubahan keadaan yang berada dalam kawalan Kumpulan dan mempengaruhi sama ada Kumpulan cukup yakin untuk melaksanakan pilihan yang sebelumnya tidak termasuk dalam penentuan jangka masa pajakan, atau tidak melaksanakan pilihan yang sebelumnya termasuk dalam penentuan jangka masa pajakan. Penyemakan dalam jangka masa sewa menghasilkan pengukuran semula liabiliti pajakan (rujuk (d) di bawah).

(d) Penilaian semula liabiliti pajakan

Kumpulan pada mulanya menganggarkan dan mengiktiraf jumlah yang dijangka belum bayar di bawah jaminan nilai baki sebagai sebahagian daripada tanggungjawab liabiliti pajakan. Jumlahnya dikaji, dan diselaraskan jika sesuai, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Perubahan dalam bayaran pajakan (termasuk konsesi sewa, kecuali bagi yang berkaitan dengan COVID-19), selain yang timbul daripada perubahan dalam jumlah yang dijangka akan dibayar di bawah jaminan nilai baki atau di dalam indeks atau kadar yang digunakan bagi menentukan bayaran pajakan, diambilkira sebagai modifikasi pajakan jika ia bukan sebahagian daripada terma dan syarat asal pajakan tersebut. Modifikasi pajakan tersebut diambilkira sebagai pajakan baharu atau ukuran semula bagi liabiliti pajakan sedia ada, bergantung kepada kriteria yang dinyatakan dalam MFRS 16.

(e) Pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Pajakan jangka pendek adalah pajakan dengan jangka masa pajakan 12 bulan atau kurang. Aset bernilai rendah merangkumi peralatan IT, perabot pejabat dan dispenser air, yang masing-masing berharga kurang daripada RM20,000 jika dibeli baharu. Pembayaran yang berkaitan dengan pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah diiktiraf berdasarkan garis lurus sebagai perbelanjaan untung atau rugi (Nota 21).

Kumpulan dan Syarikat tidak memisahkan komponen bukan sewa dari komponen pajakan, dan sebaliknya mengambil kira setiap komponen pajakan dan komponen bukan pajakan yang berkaitan sebagai komponen pajakan tunggal.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(w) Pajak (sambungan)

Kumpulan sebagai pemajak

Sebagai pemajak, Kumpulan menentukan semasa permulaan pajak sama ada setiap pajak adalah pajak kewangan atau pajak operasi. Untuk mengklasifikasikan setiap pajak, Kumpulan membuat penilaian keseluruhan mengenai apakah pajak tersebut memindahkan semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset pendasar kepada pemajak. Sebagai sebahagian daripada penilaian ini, Kumpulan mempertimbangkan petunjuk tertentu sama ada pajak adalah untuk sebahagian besar hayat ekonomi aset.

(a) Pajak kewangan

Kumpulan mengklasifikasikan pajak sebagai pajak kewangan jika pajak memindahkan semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset pendasar kepada pemajak.

Kumpulan tidak mengiktiraf aset pendasar dan mengiktiraf belum terima pada jumlah yang sama dengan pelaburan bersih dalam pajak kewangan. Pelaburan bersih dalam pajak kewangan diukur pada jumlah yang sama dengan jumlah nilai semasa pembayaran pajak daripada pemajak dan nilai baki aset pendasar yang tidak dijamin. Kos langsung awal juga termasuk dalam pengukuran awal pelaburan bersih. Pelaburan bersih dikenakan rosotnilai MFRS 9 (rujuk Nota 8 mengenai rosotnilai aset kewangan). Di samping itu, Kumpulan mengkaji secara tetap anggaran nilai baki yang tidak dijamin.

Pendapatan pajak diiktiraf sepanjang tempoh pajak menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menggambarkan kadar pulangan berkala yang tetap. Kumpulan menyemak semula peruntukan pendapatan pajak sekiranya terdapat pengurangan nilai baki yang tidak dijamin.

(b) Pajak operasi

Kumpulan mengklasifikasikan pajak sebagai pajak operasi sekiranya pajak tidak memindahkan semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset pendasar kepada pemajak.

Kumpulan mengiktiraf pembayaran pajak yang diterima di bawah pajak operasi sebagai pendapatan pajak secara garis lurus sepanjang tempoh pajak.

(c) Pengelasan sub-pajak

Apabila Kumpulan adalah pemberi pajak pertengahan, ia menilai klasifikasi pajak bagi subpajak dengan merujuk kepada aset ROU yang timbul daripada pajak utama, bukan dengan merujuk kepada aset pendasar. Sekiranya pajak utama adalah pajak jangka pendek yang mana Kumpulan menggunakan pengecualian yang dinyatakan di atas, maka sub-pajak dikelaskan sebagai pajak operasi.

(d) Pemisahan pajak dan komponen bukan pajak

Sekiranya perjanjian mengandungi komponen pajak dan bukan pajak, Kumpulan memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada komponen pajak dan bukan pajak berdasarkan harga jualan tersendiri selaras dengan prinsip dalam MFRS 15.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(x) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat diberi oleh kakitangan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila khidmat telah diberikan oleh kakitangan yang melayakkan mereka mendapat pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman ditentukan

Pelan caruman ditentukan ialah pelan manfaat pasca-pekerjaan yang mana kami membayar caruman tetap kepada entiti atau tabung yang berasingan dan tidak mempunyai kewajipan perundangan atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana tabung tidak mempunyai aset-aset mencukupi untuk membayar semua manfaat petugas yang berkaitan dengan khidmat petugas pada tahun semasa dan sebelumnya. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi setelah ia berlaku.

(iii) Pelan manfaat ditentukan

Pelan manfaat ditentukan ialah pelan persaraan yang menentukan suatu jumlah manfaat persaraan perlu dibayar, lazimnya sebagai fungsi bagi satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

Beberapa syarikat dalam Kumpulan mengendalikan pelan manfaat persaraan yang bukan dibiayai. Menurut pelan tersebut, manfaat persaraan ditentukan dengan merujuk pendapatan petugas, jawatan dan tempoh perkhidmatan dan dibayar apabila mencapai umur lazim persaraan.

Liabiliti-liabiliti berhubung dengan pelan manfaat ditentukan ialah nilai semasa kewajipan manfaat ditentukan pada tarikh penyata kedudukan kewangan ditolak pelarasan bagi keuntungan/kerugian aktuari dan kos perkhidmatan lampau tidak diiktiraf. Kumpulan menetapkan nilai semasa kewajipan manfaat ditentukan dengan kekerapan yang mencukupi supaya jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan tidak jauh beza daripada jumlah yang ditentukan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Kewajipan manfaat ditentukan, dikira menggunakan unjuran kaedah kredit unit, yang ditentukan oleh aktuari bebas, mengambil kira anggaran aliran tunai keluar masa hadapan menggunakan hasil pasaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan bagi sekuriti kerajaan dalam denominasi mata wang di mana manfaat akan dibayar dan mempunyai tempoh kematangan hampir sama dengan tempoh yang berkaitan dengan kewajipan pensen.

Keuntungan dan kerugian aktuari terhasil daripada pelarasan pengalaman dan perubahan andaian aktuari dicaj atau dikreditkan kepada ekuiti dalam pendapatan komprehensif lain pada tempoh di mana ia berlaku.

Kos khidmat semasa, kos khidmat lampau dan kos kewangan diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi.

(iv) Manfaat penamatan

Kumpulan membayar manfaat penamatan dalam hal penamatan pekerjaan termasuk dalam rangka kerja penyusunan semula. Manfaat penamatan diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila Kumpulan mempunyai pelan rasmi yang terperinci bagi penamatan tersebut dan tidak mempunyai kemungkinan realistik untuk penarikan balik.

(v) Pampasan berasaskan saham

Syarikat mengendalikan pelan pampasan berasaskan saham diselesaikan secara ekuiti untuk petugas-petugas kami. Petugas yang menerima geran sebagai pertukaran dengan saham Syarikat diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi sepanjang tempoh letak hak geran, dengan peningkatan yang sama dalam ekuiti.

Keseluruhan jumlah yang akan dibelanjakan sepanjang tempoh letak hak ditentukan dengan merujuk nilai saksama saham yang diberikan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(x) Manfaat kakitangan (sambungan)

(v) Pampasan berasaskan saham (sambungan)

Syarat letak hak bukan pasaran dimasukkan dalam andaian bagi mencapai bilangan saham yang dijangka diberi hak. Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan dan Syarikat menyemak semula anggaran bilangan saham yang dijangka untuk diberi hak. Kesan semakan anggaran asal, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi, dengan pelarasan yang sepadan kepada ekuiti.

Nilai saksama saham yang diberi kepada petugas subsidiari dicaj semula oleh Syarikat kepada subsidiari.

(y) Liabiliti luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka ialah kewajipan berkemungkinan terhasil daripada peristiwa lampau yang mana kewujudan peristiwa akan disahkan berlaku atau tidak berlaku sekali atau lebih ketidakpastian kejadian masa hadapan yang di luar kawalan Kumpulan atau kewajipan semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak berkemungkinan aliran keluar sumber diperlukan bagi menjelaskan kewajipan tersebut. Liabiliti luar jangka juga terhasil dalam keadaan yang jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak meliputi kontrak jaminan kewangan.

(z) Instrumen ekuiti

Saham biasa dan saham istimewa dikelaskan sebagai ekuiti. Saham-saham lain dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut intipati ekonomi bagi instrumen tertentu.

Kos urus niaga bagi urus niaga ekuiti diambil kira sebagai pengurangan daripada ekuiti, cukai bersih. Kos urus niaga ekuiti terdiri daripada kenaikan kos luaran tambahan yang berkaitan secara langsung dengan urus niaga ekuiti yang sebaliknya mungkin boleh dielakkan.

Apabila modal saham diiktiraf sebagai ekuiti dibeli semula, amaun pertimbangan yang dibayar, termasuk kos berkaitan secara langsung, kesan sebarang cukai bersih, diiktiraf sebagai potongan ekuiti. Saham yang dibeli semula yang tidak dibatalkan kemudiannya dikelaskan sebagai saham perbendaharaan dalam penyata perubahan ekuiti.

Apabila saham perbendaharaan dijual atau diterbitkan semula kemudiannya, perbezaan antara jualan pertimbangan bersih kos berkaitan secara langsung dan nilai bawaan saham perbendaharaan diiktiraf dalam ekuiti.

Apabila saham perbendaharaan diletak hak kepada pekerja atau pekerja subsidiari sebagai sebahagian daripada pelan pampasan berasaskan saham diselesaikan secara ekuiti, penyahiktirafan saham perbendaharaan diselaraskan terhadap rizab berkenaan dengan pelan dalam ekuiti.

(aa) Pelaporan segmen

Maklumat segmen dibentangkan dalam bentuk yang konsisten dengan laporan dalaman yang disediakan kepada ketua pembuat keputusan operasi. Ketua pembuat keputusan operasi ialah orang bertanggungjawab memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi, telah dikenal pasti sebagai Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Eksekutif).

(ab) Instrumen kewangan derivatif dan aktiviti lindung nilai

Derivatif pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimasuk dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama.

Kaedah pengiktirafan keuntungan atau kerugian yang terhasil bergantung pada sama ada derivatif ditandakan sebagai instrumen lindung nilai, dan jenis item yang dilindungi nilai. Kami menamakan derivatif tertentu sebagai lindung nilai risiko tertentu yang berkaitan dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf atau transaksi ramalan berkebarangkalian tinggi (aliran tunai lindung nilai).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(ab) Instrumen kewangan derivatif dan aktiviti lindung nilai (sambungan)

Kumpulan mendokumentasikan permulaan transaksi hubungan antara instrumen lindung nilai dan item dilindung nilai, serta objektif dan strategi pengurusan risiko untuk menjalankan pelbagai transaksi lindung nilai. Keberkesanan lindung nilai ditentukan pada permulaan hubungan lindung nilai, dan melalui penilaian keberkesanan prospektif berkala bagi memastikan hubungan ekonomi wujud antara item dilindung nilai dan instrumen lindung nilai.

Nilai saksama pelbagai instrumen derivatif yang digunakan untuk tujuan lindung nilai dinyatakan dalam Nota 30 dalam penyata kewangan. Kesemua nilai saksama bagi derivatif lindung nilai dikelaskan sebagai aset atau liabiliti bukan semasa apabila baki item lindung nilai melebihi daripada 12 bulan, dan sebagai aset atau liabiliti semasa apabila baki matang item dilindung nilai itu kurang dari 12 bulan.

Lindung nilai aliran tunai

Bahagian perubahan berkesan dalam nilai saksama derivatif bertempoh dan layak sebagai lindung nilai aliran tunai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Keuntungan atau kerugian berkaitan dengan bahagian yang tidak berkesan diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi dalam 'pendapatan/(kos) kewangan' dan 'kerugian tukaran wang asing'.

Jumlah yang terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh apabila item yang dilindung nilai memberi kesan kepada untung atau rugi (contohnya, apabila jualan ramalan yang dilindungi nilai berlaku). Keuntungan atau kerugian berkaitan dengan bahagian yang berkesan bagi bertukar kadar faedah lindung nilai kadar berubah pembiayaan diiktiraf dalam untung atau rugi dan dibentangkan secara berasingan selepas keuntungan bersih operasi.

Apabila instrumen lindung nilai luput atau dijual, atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai, sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul sedia ada dalam ekuiti pada masa itu kekal dalam ekuiti dan diiktiraf apabila transaksi ramalan pada akhirnya diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila transaksi ramalan tidak lagi dijangka berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul yang dilaporkan dalam ekuiti dipindahkan ke untung atau rugi serta merta dalam 'pendapatan/(kos) kewangan' dan 'kerugian pertukaran mata wang asing'.

Kumpulan menggunakan kelonggaran Fasa 1 berikut yang terkandung dalam Pindaan MFRS 9 dan MFRS 7 'Perubahan Tanda Aras Kadar Faedah' sehingga ketidaktentuan yang timbul daripada perubahan IBOR tidak lagi wujud:

- Apabila mengambilkira kehendak 'sangat berkemungkinan', Kumpulan menganggap bahawa kadar faedah IBOR yang menjadi asas kepada pinjaman lindung nilai Kumpulan tidak berubah ekoran perubahan dalam IBOR.
- Dalam menilai samada lindung nilai tersebut dijangka sangat efektif atas dasar ke hadapan, Kumpulan menganggap bahawa kadar faedah IBOR yang menjadi asas kepada aliran tunai pinjaman terlindung nilai dan tukaran kadar faedah yang melindungi nilainya tidak diubah oleh perubahan IBOR tersebut.
- Kumpulan tidak mengitar semula rizab lindung nilai aliran tunai untuk lindung nilai ditetapkan yang tertakluk kepada perubahan IBOR.

Kumpulan telah menggunakan kelonggaran berikut yang terkandung dalam Pindaan MFRS 9 dan MFRS 7 'Perubahan Tanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2':

- Penetapan lindung nilai: Apabila pindaan Fasa 1 tamat, Kumpulan akan meminda penetapan lindung nilainya bagi mencerminkan perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh perubahan IBOR, tetapi hanya untuk membuat perubahan-perubahan berikut:
 - a) menetapkan kadar tanda aras alternatif (kontrak atau bukan kontrak) sebagai risiko dilindung nilai;
 - b) meminda penerangan mengenai perkara lindung nilai tersebut, termasuk penerangan mengenai penetapan bahagian aliran tunai atau nilai saksama yang dilindungi nilai; atau
 - c) meminda penerangan mengenai instrumen lindung nilai tersebut.

Kumpulan meminda dokumentasi lindung nilainya bagi mencerminkan perubahan ini menjelang akhir tempoh pelaporan di mana perubahan-perubahan tersebut dibuat. Pindaan ke atas dokumentasi lindung nilai ini tidak memerlukan Kumpulan untuk menamatkan hubungan-hubungan lindung nilainya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(ab) Instrumen kewangan derivatif dan aktiviti lindung nilai (sambungan)

Lindung nilai aliran tunai (sambungan)

Kumpulan telah menggunakan kelonggaran berikut yang terkandung dalam Pindaan MFRS 9 dan MFRS 7 'Perubahan Tanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2': (sambungan)

- Jumlah terkumpul dalam rizab lindung nilai aliran tunai: Apabila Kumpulan meminda penetapan lindung nilainya seperti yang dinyatakan di atas, jumlah baki terkumpul di dalam rizab lindung nilai aliran tunai adalah dianggap sebagai berdasarkan kadar tanda aras alternatif. Untuk hubungan lindung nilai yang telah ditamatkan, apabila tanda aras kadar faedah yang menjadi asas kepada aliran tunai lindung nilai hadapan seperti yang dikehendaki oleh perubahan IBOR, jumlah terkumpul di dalam rizab lindung nilai aliran tunai juga dianggap sebagai berasaskan kadar tanda aras alternatif untuk tujuan menilai samada aliran tunai lindung nilai masa hadapan itu masih dijangka akan berlaku.

(ac) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila:

- Kumpulan mempunyai kewajipan perundangan atau kewajipan konstruktif semasa hasil daripada peristiwa lampau;
- terdapat kemungkinan aliran keluar sumber yang diperlukan untuk menjelaskan kewajipan tersebut; dan
- satu anggaran yang pasti berhubung dengan jumlahnya boleh dibuat.

Apabila ada kemungkinan kos-kos tersebut akan melebihi jumlah perolehan kontrak, peruntukan bagi kontrak yang membebaskan akan diiktiraf.

Apabila Kumpulan menjangkakan peruntukan akan dibayar semula (sebagai contoh, menurut kontrak insurans), pembayaran balik diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut dapat dipastikan. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian operasi masa hadapan.

Apabila terdapat beberapa tanggungan yang serupa, kemungkinan aliran keluar akan diperlukan untuk penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan kelas kewajipan tersebut secara keseluruhannya. Satu peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berhubung dengan salah satu daripada perkara yang dimasukkan dalam kelas kewajipan yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menjelaskan kewajipan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko khusus berkaitan kewajipan tersebut. Peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

(ad) Aset bukan semasa dan Kumpulan pelupusan yang dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa dan Kumpulan pelupusan (sekumpulan aset yang akan dilupuskan dalam satu urusan niaga dan liabiliti yang berkaitan secara langsung dengan aset tersebut) dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan jika nilai bawaan akan diperoleh semula melalui urusan niaga jualan dan bukannya melalui penggunaan berterusan. Keadaan ini dianggap dipenuhi hanya apabila jualan tersebut berkebarangkalian tinggi dan aset (atau kumpulan pelupusan) tersedia untuk jualan dalam keadaannya pada masa itu. Pihak pengurusan perlu komited terhadap jualan, yang dijangka dalam tempoh setahun dari tarikh pengelasan sebagai dipegang untuk jualan.

Sebaik sahaja sebelum dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, aset tersebut (atau komponen kumpulan pelupusan) diukur semula menurut dasar-dasar perakaunan kami. Kemudian, aset tersebut (atau kumpulan pelupusan) diiktiraf pada nilai bawaan yang lebih rendah dan nilai saksama tolak kos untuk dijual. Aset yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, atau termasuk dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, tidak disusut nilai. Kerugian rosotnilai ke atas penjelasan pada peringkat permulaan sebagai dipegang untuk jualan dan keuntungan atau kerugian berikutnya ke atas pengukuran semula dimasukkan ke dalam untung atau rugi. Keuntungan tidak diiktiraf melebihi sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(ad) Aset bukan semasa dan Kumpulan pelupusan yang dipegang untuk jualan (sambungan)

Penamatan operasi ialah komponen perniagaan Kumpulan yang mewakili jenis perniagaan utama atau kawasan operasi geografi yang berasingan atau sebuah subsidiari yang diambil alih dengan hasrat untuk penjualan semula. Pengklasifikasian sebagai penamatan operasi dibuat apabila berlaku pelupusan atau apabila operasi memenuhi kriteria untuk dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, sekiranya lebih awal. Kumpulan pelupusan yang akan ditinggalkan juga mungkin layak.

Keputusan daripada operasi yang layak sebagai penamatan operasi dibentangkan secara berasingan sebagai jumlah tunggal dalam untung atau rugi. Keputusan daripada operasi yang layak sebagai penamatan operasi pada tarikh kunci kira-kira bagi tempoh terkini yang dibentangkan, yang telah dibentangkan sebelumnya sebagai keputusan daripada operasi berterusan, dibentangkan semula sebagai keputusan daripada penamatan operasi bagi semua tempoh yang dibentangkan.

Dalam keadaan kes, bagi pengklasifikasian aset bukan semasa dan kumpulan pelupusan sebagai dipegang untuk jualan tidak lagi dipenuhi, pengklasifikasian sebagai dipegang untuk jualan tamat. Sehubungan itu, keputusan operasi, yang sebelumnya dibentangkan dalam penamatan operasi, dikelaskan semula dan dimasukkan dalam keputusan operasi berterusan bagi semua tempoh yang dibentangkan. Aset bukan semasa yang tidak lagi dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan diukur semula pada nilai bawaan yang lebih rendah sebelum dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, dilaraskan bagi sebarang susut nilai, Pelunasan atau penilaian semula yang mungkin diiktiraf jika aset atau kumpulan pelupusan tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, dan jumlah boleh diperolehi semula pada tarikh selepas keputusan untuk dijual dibuat.

(ae) Kontrak pembinaan

Kumpulan menyediakan pelbagai khidmat kontrak pembinaan, termasuk pembinaan teknologi maklumat dan peralatan rangkaian dan khidmat hartanah dan kejuruteraan.

Hasil daripada kontrak pembinaan diiktiraf apabila kawalan ke atas sesuatu aset dipindahkan kepada pelanggan dan kebarangkalian Kumpulan akan memungut ganjaran yang mana ia berhak sebagai pertukaran aset yang akan dipindahkan kepada pelanggan. Kawalan ke atas sesuatu aset dipindahkan dari masa ke masa sebagai pelaksanaan Kumpulan mewujudkan atau meningkatkan aset yang dikawal oleh pelanggan sebagai aset dicipta atau dipertingkatkan. Hasil diiktiraf sepanjang tempoh kontrak dengan merujuk kemajuan terhadap kepuasan lengkap obligasi pelaksanaan khidmat tersebut. Kumpulan mengiktiraf hasil dari masa ke masa dengan menggunakan kaedah input, yang mana berdasarkan peringkat perkadaran kos pembinaan yang ditanggung sehingga kini dengan anggaran jumlah kos untuk kontrak pembinaan. Kos yang ditanggung pada tahun berkaitan dengan aktiviti pada masa hadapan sesuatu kontrak dikecualikan daripada kos kontrak dalam menentukan peringkat penyediaan. Kos yang ditanggung dibentangkan sebagai boleh pulih, prabayaran atau aset-aset lain, bergantung pada ciri-cirinya.

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak hanya diiktiraf pada tahap kos kontrak yang ditanggung yang mungkin boleh diperolehi semula.

Tanpa mengira sama ada keputusan kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti apabila kebarangkalian jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Kontrak pembinaan dengan pelanggan mungkin termasuk pelbagai janji kepada pelanggan dan oleh itu diambil kira sebagai obligasi pelaksanaan yang berasingan. Dalam kes ini, harga urus masa akan diperuntukkan kepada setiap obligasi pelaksanaan berdasarkan harga jualan tersendiri. Apabila ini tidak dapat dilihat secara langsung, ia dianggarkan berdasarkan kos yang dijangkakan ditambah margin.

Hasil dari kontrak pembinaan diukur pada harga urus niaga tetap yang dipersetujui bersih daripada bayaran denda dan ganti rugi jumlah tertentu (LAD), berdasarkan kaedah nilai dijangka.

Khidmat pengurusan projek

Hasil daripada yuran pengurusan projek diiktiraf apabila khidmat dilaksanakan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(af) Pengukuran nilai saksama

Pengukuran nilai saksama menentukan nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, kecuali bagi pembayaran berasaskan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang mungkin diterima untuk penjualan aset atau bayaran pindahan liabiliti dalam urus niaga terurus di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggarkan bahawa urus niaga untuk penjualan aset atau pindahan liabiliti mengambil tempat sama ada di pasaran utama atau dalam ketidakhadiran pasaran utama, dalam pasaran yang paling memberikan kelebihan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama diambil kira kemampuan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaik atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang mungkin akan menggunakan aset tersebut untuk kegunaannya yang tertinggi dan terbaik.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Dasar pengurusan risiko kewangan

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran (termasuk risiko mata wang asing, risiko harga ekuiti, risiko harga komoditi dan risiko kadar biaya), risiko kredit dan risiko kecairan yang timbul daripada aktiviti perniagaan. Secara keseluruhannya, strategi pengurusan risiko kewangan Kumpulan bermatlamat untuk mengurangkan kesan buruk terhadap prestasi kewangan Kumpulan daripada ketidakpastian pasaran kewangan. Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif yang tertentu untuk melindungi risiko pendedahan komersil yang sedemikian. Instrumen kewangan derivatif berkenaan pada amnya tidak diniagakan untuk tujuan perdagangan atau tujuan spekulatif.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya dalam penyeliaan pengurusan risiko kewangan termasuk mengenal pasti risiko, operasi atau strategi, dan pelan tindakan selanjutnya untuk menguruskan risiko-risiko tersebut. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk mengenal pasti, memantau dan menguruskan pendedahan risiko Kumpulan.

Risiko pasaran

(i) Risiko mata wang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing yang timbul daripada pelbagai pendedahan mata wang, terutamanya Dolar Amerika Syarikat ("ASD") untuk Kumpulan dan Dolar Kanada ("CAD") untuk Syarikat. Risiko pertukaran mata wang asing timbul daripada urus niaga komersial masa hadapan, aset dan liabiliti diiktiraf dan pelaburan bersih dalam operasi asing tetapi tidak termasuk kepentingan dalam usaha sama dan syarikat bersekutu asing. Secara amnya, Kumpulan menguruskan pendedahan mata wang melalui kontrak hadapan mata wang asing.

Syarikat tidak terdedah secara ketara kepada risiko tukaran asing kerana sebahagian besar bakinya adalah dalam Ringgit Malaysia.

Kumpulan

Pengukuhan/kelemahan ASD sebanyak 10% berbanding dengan Ringgit Malaysia ("RM") pada tarikh penyata kedudukan kewangan akan memberi kesan yang lebih rendah/tinggi kepada keuntungan selepas cukai Kumpulan lebih kurang RM5,128,000 (2020: RM11,331,000).

Sebahagian besar daripada pendedahan di atas terhasil daripada keuntungan/kerugian pertukaran mata wang asing didenominasi deposit, tunai dan baki bank, perdagangan belum terima dan belum bayar dan kerugian/keuntungan pertukaran wang asing bagi pinjaman didenominasi mata wang asing. Analisis ini menganggarkan bahawa semua pemboleh ubah lain kekal tidak berubah.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko pasaran (sambungan)

(ii) Risiko harga

Risiko harga ialah risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Kumpulan yang akan mengalami turun naik akibat daripada perubahan pada harga pasaran (selain kadar biaya atau tukaran mata wang asing).

Risiko harga ekuiti

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang terhasil daripada pelaburannya dalam instrumen ekuiti sebut harga dan tidak sebut harga. Pelaburan ekuiti sebut harga disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham asing serta dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain atau aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian berasaskan kepada tujuan pelaburan ekuiti sebut harga tersebut diambil alih. Pelaburan tidak sebut harga pula dinilai menggunakan kaedah perbandingan Pendapatan Harga ("PE") / Harga berbanding Buku ("PB") dan dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif. Analisis sensitiviti berkaitan risiko harga ekuiti adalah seperti yang berikut:

Kumpulan

Aset kewangan	Faktor sensitiviti	2021		2020	
		Kesan kepada keuntungan selepas cukai RM'000	Kesan kepada ekuiti RM'000	Kesan kepada keuntungan selepas cukai RM'000	Kesan kepada ekuiti RM'000
Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:					
– tidak sebut harga	Perbezaan berbilang PE dan berbilang PB yang setanding sebanyak 5%	–	9,930	–	7,034
– sebut harga	Perbezaan harga saham sebanyak 5%	–	148	–	178
Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian					
– sebut harga	Perbezaan harga saham sebanyak 5%	3,007	–	2,592	–
Kesan keseluruhan		3,007	10,078	2,592	7,212

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko pasaran (sambungan)

(ii) Risiko harga (sambungan)

Risiko harga komoditi

Kumpulan terdedah kepada risiko harga komoditi kerana harga minyak sawit mentah ("MSM") dan derivatif masing-masing tertakluk pada turun naik akibat pelbagai faktor yang tidak boleh diramalkan seperti cuaca, perubahan permintaan dan pengeluaran global, harga minyak mentah dan pengeluaran global bagi tanaman seumpamanya dan persaingannya.

Oleh itu, perolehan Kumpulan tertakluk pada turun naik harga di pasaran komoditi. Kumpulan menggunakan kontrak derivatif bagi mengawal sebahagian daripada risiko berkenaan.

Pada 31 Disember 2021, analisis sensitiviti telah dijalankan berasaskan kepada pendedahan Kumpulan terhadap harga komoditi pada tarikh penyelesaian bagi liabiliti LLA dan portfolio derivatif komoditi Kumpulan.

Pertambahan sebanyak 10% indeks harga komoditi tertentu atau pertambahan sebanyak RM200 dalam harga MSM diandaikan untuk mengira liabiliti LLA, dengan semua pemboleh ubah lain kekal tidak berubah, akan meningkatkan atau mengurangkan keuntungan selepas cukai Kumpulan, mengikut jenis komoditi penting dan liabiliti kewangan, sebanyak kira-kira:

	2021 RM'000	2020 RM'000
– Minyak sawit	1,009	23,276
– Liabiliti LLA	(204,540)	(242,978)
Pengurangan bersih	(203,531)	(219,702)

Pengurangan sebanyak 10% indeks harga komoditi tertentu atau pengurangan sebanyak RM200 dalam harga MSM diandaikan untuk mengira liabiliti LLA, dengan semua pemboleh ubah lain kekal tidak berubah, akan meningkatkan atau mengurangkan keuntungan selepas cukai Kumpulan, mengikut jenis komoditi penting dan liabiliti kewangan, sebanyak kira-kira:

	2021 RM'000	2020 RM'000
– Minyak sawit	(1,009)	(23,276)
– Liabiliti LLA	217,259	262,404
Pengurangan bersih	216,250	239,128

(iii) Risiko kadar biaya

Risiko kadar biaya kami sebahagian besarnya terhasil daripada liabiliti LLA dan pinjaman yang diterbitkan pada kadar boleh ubah, langsung mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar biaya aliran tunai.

Kumpulan sentiasa berhubung dengan pemberi pinjaman bagi menguruskan risiko kadar kewangannya dan telah dinasihati bahawa KLIBOR semasa masih digunakan sebagai rujukan untuk pinjamannya. Kumpulan juga dimaklumkan bahawa pada masa ini, pemberi pinjaman akan dipandu oleh pengumuman lanjut Bank Negara Malaysia ("BNM") mengenai garis masa untuk migrasi kepada kadar rujukan alternatif ("ARR") sebaik penamatan kadar KLIBOR terkini. Sebaik garis panduan itu dikeluarkan, pemberi pinjaman akan memaklumkan Kumpulan mengenai pelan peralihan berkenaan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko pasaran (sambungan)

(iii) Risiko kadar biaya (sambungan)

Profil kadar biaya aset kewangan Kumpulan dan Syarikat yang mempunyai aset kewangan, berasaskan kepada nilai dibawa pada akhir tempoh laporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Aset kewangan</u>				
<u>Pada kadar tetap</u>				
Deposit tetap	1,606,219	1,165,187	327,178	10,767
<u>Pada kadar apungan (terdedah kepada risiko kadar kewangan aliran tunai)</u>				
Pinjaman belum terima daripada subsidiari	–	–	216,830	368,886

Profil kadar kewangan melalui kewangan Kumpulan dan Syarikat yang menanggung liabiliti kewangan, berdasarkan nilai dibawa pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Liabiliti kewangan</u>				
<u>Pada kadar tetap</u>				
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	634,665	886,188	634,665	886,188
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	–	–	806,789	1,283,922
Sukuk	496,451	–	496,451	–
Pembiayaan dagangan jangka pendek Islamik	1,946,431	2,275,107	–	75,080
Pembiayaan dagangan jangka pendek	241,173	258,162	–	–
Pinjaman bertempoh Islamik	12,732	–	–	–
	3,331,452	3,419,457	1,937,905	2,245,190
<u>Pada kadar apungan (terdedah kepada risiko aliran tunai kadar biaya)</u>				
Liabiliti LLA	3,804,790	4,213,824	–	–
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	–	–	–	121,537
Pinjaman bertempoh Islamik	666,710	873,495	–	–
	4,471,500	5,087,319	–	121,537
	7,802,952	8,506,776	1,937,905	2,366,727

Jika kadar diskaun liabiliti LLA bertambah/berkurang sebanyak 50 mata asas dan kadar kewangan ke atas pinjaman bertambah/berkurang sebanyak 100 mata asas dengan semua pemboleh ubah lain kekal tidak berubah, keuntungan selepas cukai Kumpulan akan meningkat masing-masing sebanyak RM188,579,000 (2020: RM183,915,000) dan menurun sebanyak RM110,421,000 (2020: RM116,712,000).

Aset kewangan dan liabiliti kewangan yang lain tidak dikenakan biaya, dan dengan demikian tidak terjejas akibat perubahan kadar biaya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (a) Dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko kredit

Risiko kredit merujuk risiko pihak berurusan akan ingkar dalam kewajipan kontraknya dan menyebabkan kerugian kewangan kepada Kumpulan. Risiko kredit timbul daripada tunai dan kesetaraan tunai, pelaburan hutang aliran tunai berkontrak dibawa pada kos dilunaskan dan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (FVOCI) instrumen kewangan derivatif yang positif dan deposit dengan bank dan institusi kewangan, serta pendedahan kredit dari belum terima.

Kumpulan menerapkan dasar berurusan dengan pelanggan melalui sejarah kredit yang bersesuaian, dan mendapatkan jaminan secukupnya apabila diperlukan, termasuk bayaran pendahuluan, cagaran dalam bentuk jaminan, surat ikatan aku janji atau surat kredit yang boleh dipanggil jika pihak berniaga ingkar menurut syarat perjanjian tersebut.

Pendedahan belum terima dan jumlah belum terima antara syarikat dipantau secara rapi dan disusuli secara berterusan.

Sebahagian besar deposit, baki tunai dan bank Kumpulan disimpan dengan beberapa institusi-institusi kewangan utama di Malaysia. Pengarah berpendapat bahawa kemungkinan institusi-institusi kewangan ini mengalami kegagalan, termasuk institusi kewangan tanpa penarafan adalah tipis berdasarkan kekuatan kewangan mereka.

- (i) Rosotnilai aset kewangan

Aset kewangan Kumpulan yang tertakluk pada model kerugian kredit yang dijangka (ECL) termasuk belum terima dagangan, aset kontrak, belum terima lain, jumlah terhutang daripada antara syarikat, pelaburan hutang yang dibawa pada kos dilunaskan dan FVOCI. Walaupun tunai dan kesetaraan tunai juga tertakluk pada keperluan rosotnilai MFRS 9, kerugian rosotnilai dijangka tidak ketara.

- a) Perdagangan belum terima, jumlah dagangan belum terima antara syarikat dan aset kontrak menggunakan pendekatan yang mudah

Kumpulan menerapkan pendekatan MFRS 9 yang mudah untuk mengukur kerugian kredit dijangka yang menggunakan elauan kerugian dijangka sepanjang hayat bagi semua perdagangan belum terima, jumlah dagangan belum terima daripada antara syarikat dan aset kontrak.

Untuk mengukur kerugian kredit dijangka, perdagangan belum terima dan aset kontrak dikumpulkan berdasarkan ciri risiko kredit yang dikongsi dan hari lampau tempoh. Aset kontrak berkaitan dengan jumlah yang terhutang dari pelanggan ke atas kontrak dan kerja dalam proses yang belum dibil dan mempunyai sebahagian besarnya ciri risiko yang sama dengan perdagangan belum terima untuk jenis kontrak yang sama. Oleh itu, Kumpulan telah membuat kesimpulan bahawa kadar kerugian dijangka bagi perdagangan belum terima ialah anggaran yang munasabah bagi kadar kerugian aset kontrak.

Kadar kerugian dijangka dibuat berdasarkan profil bayaran jualan dalam tempoh 24 bulan sebelum tarikh pelaporan dan kerugian kredit bersejarah yang dialami dalam tempoh ini. Kadar kerugian sejarah diselaraskan untuk mencerminkan maklumat terkini dan berpandangan ke hadapan mengenai faktor makroekonomi yang mempengaruhi keupayaan pelanggan untuk menyelesaikan belum terima tersebut.

Dalam tempoh tahun kewangan semasa, akibat daripada pandemik COVID-19 dan keadaan ekonomi semasa, Kumpulan dan Syarikat telah mempertimbangkan faktor yang relevan dalam menilai jangkaan kerugian kredit.

Jumlah dagangan yang terhutang daripada antara syarikat dan perdagangan belum terima yang mengalami kredit terjejas dinilai untuk ECL secara individu.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (a) Dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko kredit (sambungan)

- (i) Rosotnilai aset kewangan (sambungan)

- a) Perdagangan belum terima, jumlah dagangan belum terima antara syarikat dan aset kontrak menggunakan pendekatan yang mudah (sambungan)

Jumlah dagangan yang terhutang daripada antara syarikat dan belum terima dagangan dikategorikan kepada kategori berikut untuk tujuan ECL:

<u>Kategori</u>	<u>Definisi kategori oleh Kumpulan</u>
Kredit terjejas	Jumlah ingkar yang memenuhi ketidakmungkinan untuk membayar kriteria (Nota 3(h)(iii))
Tanpa kredit terjejas	Jumlah yang bukan kredit terjejas, termasuk jumlah yang dinilai berdasarkan penilaian kolektif.

- b) Belum terima lain, pinjaman belum terima daripada antara syarikat dan jumlah bukan dagangan yang belum terima daripada antara syarikat menggunakan pendekatan umum 3 tahap

Kumpulan menggunakan tiga kategori untuk belum terima lain yang mencerminkan risiko kredit mereka dan bagaimana elau kerugian ditentukan bagi setiap kategori tersebut (pendekatan 3 tahap). Aset kewangan ini dihapus kira apabila tiada jangkaan pemulihan yang munasabah. Petunjuk bahawa tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah termasuk, antara lain, kegagalan penghutang untuk guna khidmat pelan pembayaran balik dengan Kumpulan, dan kegagalan membuat pembayaran berkontrak lewat tempoh untuk jangka waktu melebihi 365 hari.

Ringkasan andaian yang menyokong model ECL kami adalah seperti yang berikut:

<u>Kategori</u>	<u>Definisi kategori oleh Kumpulan</u>	<u>Asas untuk mengenali ECL</u>
Berbayar	Penghutang mempunyai risiko ingkar yang rendah dan mempunyai keupayaan yang kuat untuk memenuhi aliran tunai kontraktual	12 bulan ECL
Berprestasi rendah	Penghutang yang terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan atau kenaikan risiko kredit yang signifikan dianggap jika pembayaran faedah dan/atau pembayaran pokok adalah lewat tempoh 30 hari	ECL kekal
Tidak membayar	Pembayaran balik faedah dan/atau pokok sekiranya terdapat bukti menunjukkan aset tersebut terjejas akibat kredit	ECL kekal (kredit terjejas)
Dihapus kira	Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah berdasarkan ketiadaan sumber pendapatan atau aset oleh penghutang untuk menghasilkan aliran tunai masa hadapan yang mencukupi untuk membayar balik	Aset dihapus kira

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko kredit (sambungan)

(i) Rosotnilai aset kewangan (sambungan)

b) Belum terima lain, pinjaman belum terima daripada antara syarikat dan jumlah bukan dagangan yang belum terima daripada antara syarikat menggunakan pendekatan umum 3 tahap (sambungan)

Berdasarkan perkara di atas, elaun kerugian diukur sama ada dalam ECL 12 bulan atau ECL kekal yang menggabungkan metodologi di bawah:

- PD ('kebarangkalian ingkar') - kebarangkalian bahawa penghutang tidak akan dapat membayar balik dalam tempoh kontrak;
- LGD ('kerugian yang diberikan ingkar') - peratusan aliran tunai kontraktual yang tidak akan dikutip jika berlaku kegagalan; dan
- EAD ('pendedahan pada ingkar') - jumlah tertunggak yang terdedah kepada risiko ingkar.

Elaun kerugian diukur pada jumlah terwajar kebarangkalian yang mencerminkan kemungkinan kerugian kredit dan kemungkinan tiada kerugian kredit. Tiada perubahan ketara terhadap teknik anggaran atau anggapan yang dibuat semasa tempoh pelaporan.

Kerugian-kerugian nilai terhadap aset kewangan dibentangkan sebagai kerugian rosotnilai bersih dalam keuntungan operasi. Pemulihan selanjutnya jumlah yang sebelum ini dihapus kira dari aset kewangan dikreditkan ke atas item barisan yang sama.

(ii) Pendedahan risiko kredit

Pendedahan risiko kredit maksimum untuk aset kewangan bersamaan dengan nilai bawaan masing-masing selepas ECL. Perincian kesan ECL terhadap aset kewangan dinyatakan dalam nota aset kewangan masing-masing yang berkenaan.

Risiko kecairan

Risiko kecairan ialah risiko yang mana Kumpulan akan menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipannya disebabkan kekurangan dana. Kumpulan mengekalkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja kami dengan memantau aliran tunai secara teliti. Disebabkan jenis perniagaan yang dijalankan, Kumpulan menerapkan pengurusan risiko kecairan yang berhemat bagi mengekalkan dan mendapatkan kemudahan-kemudahan kredit yang mencukupi daripada institusi-institusi kewangan.

Ramalan aliran tunai dilakukan dalam entiti-entiti operasi Kumpulan dan disatukan oleh pengurusan. Pihak pengurusan memantau ramalan keperluan kecairan Kumpulan bagi memastikan ia mempunyai tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan operasi di samping mengekalkan ruang yang mencukupi untuk kemudahan pinjaman yang belum digunakan pada setiap masa supaya Kumpulan tidak melebihi had pinjaman atau perjanjian (jika berkenaan) daripada sebarang kemudahan pinjamannya. Ramalan sedemikian mengambilkira pelan pembiayaan hutang Kumpulan, pematuhan perjanjian, pematuhan kepada penyata dalaman mengenai sasaran nisbah kedudukan kewangan dan, jika berkenaan, keperluan peraturan atau undang-undang luar – contohnya sekatan mata wang. Pada 31 Disember 2021, Kumpulan mempunyai kemudahan komitmen pinjaman yang belum diambil berjumlah RM1,026 juta (2020: RM911 juta).

Lebih tunai dilaburkan dalam akaun semasa, deposit masa, deposit pasaran wang dan sekuriti yang boleh dipasarkan berasaskan keuntungan, memilih instrumen dengan tempoh matang yang sesuai atau kecairan yang mencukupi untuk menyediakan ruang yang mencukupi seperti yang ditentukan oleh ramalan yang disebutkan di atas.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko kecairan (sambungan)

Jadual di bawah menganalisis liabiliti kewangan bukan derivatif Kumpulan dan liabiliti kewangan derivatif yang diselesai bersih ke dalam kumpulan matang yang relevan berdasarkan baki tempoh matang pada tarikh pelaporan hingga tarikh matang kontrak. Liabiliti kewangan derivatif dimasukkan dalam analisis sekiranya tempoh matang kontrak mereka penting untuk memahami masa aliran tunai. Jadual di bawah merangkumi profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat berdasarkan baki tempoh matang pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Jumlah yang dinyatakan dalam jadual di bawah adalah berdasarkan aliran tunai berkontrak tidak didiskaun:

Kumpulan

	Kurang dari 1 tahun	Antara 1 hingga 2 tahun	Antara 2 hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<u>Pada 31 Disember 2021</u>					
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	31,227	662,218	–	–	693,445
Liabiliti LLA	511,618	333,247	906,610	33,357,278	35,108,753
Jumlah belum bayar kepada syarikat induk utama	276,082	–	–	–	276,082
Jumlah belum bayar kepada syarikat bersekutu	351	–	–	–	351
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	15,970	–	–	–	15,970
Pinjaman	2,894,354	275,789	676,676	302,304	4,149,123
Liabiliti pajakan	80,297	30,548	34,700	198,289	343,834
Belum bayar	1,414,444	10,189	–	–	1,424,633
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	5,224,343	1,311,991	1,617,986	33,857,871	42,012,191

	Kurang dari 1 tahun	Antara 1 hingga 2 tahun	Antara 2 hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000

Pada 31 Disember 2020

Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	42,646	42,646	924,311	–	1,009,603
Liabiliti LLA	321,173	302,779	922,704	42,872,198	44,418,854
Jumlah belum bayar kepada syarikat induk utama	265,984	–	–	–	265,984
Jumlah belum bayar kepada syarikat bersekutu	494	–	–	–	494
Jumlah belum bayar kepada usaha sama	1,374	–	–	–	1,374
Pinjaman	2,897,976	70,346	253,014	278,014	3,499,350
Liabiliti pajakan	76,395	43,330	77,937	251,200	448,862
Belum bayar	1,049,465	–	15,196	–	1,064,661
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	4,655,507	459,101	2,193,162	43,401,412	50,709,182

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko kecairan (sambungan)**Syarikat**

	Kurang dari 1 tahun	Antara 1 hingga 2 tahun	Antara 2 hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 31 Disember 2021					
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	31,227	662,218	–	–	693,445
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	42,051	115,810	325,092	632,245	1,115,198
Jumlah belum bayar kepada subsidiari	15,848	–	–	–	15,848
Jumlah belum bayar kepada syarikat induk utama	1,179	–	–	–	1,179
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	85	–	–	–	85
Pinjaman	24,806	124,842	231,773	250,013	631,434
Liabiliti pajakan	5,527	5,527	17,918	3,548	32,520
Belum bayar	63,950	–	–	–	63,950
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	184,673	908,397	574,783	885,806	2,553,659

	Kurang dari 1 tahun	Antara 1 hingga 2 tahun	Antara 2 hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000

Pada 31 Disember 2020

Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	42,646	42,646	924,311	–	1,009,603
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	190,036	68,499	512,432	1,218,242	1,989,209
Jumlah belum bayar kepada subsidiari	14,289	–	–	–	14,289
Jumlah belum bayar kepada syarikat induk utama	1,179	–	–	–	1,179
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	69	–	–	–	69
Liabiliti pajakan	5,234	5,527	17,365	9,627	37,753
Belum bayar	50,976	–	–	–	50,976
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	304,429	116,672	1,454,108	1,227,869	3,103,078

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Dasar pengurusan risiko modal

Objektif utama Kumpulan terhadap dasar pengurusan modal adalah untuk melindungi kebolehan Kumpulan mempertahankan nisbah modal yang sihat secara berterusan agar dapat memberi pulangan kepada pemegang saham dan faedah untuk pihak berkepentingan serta mempertahankan struktur modal yang optimal bagi mengurangkan kos modal.

Kumpulan menguruskan struktur modal dan membuat penyesuaian yang patut, berdasarkan pertukaran keadaan ekonomi. Untuk mempertahankan dan menyalurkan struktur modal, Kumpulan boleh menyalurkan bayaran dividen kepada pemegang saham, memulangkan modal kepada pemegang saham atau menerbitkan saham baru. Tiada pertukaran telah dibuat pada objektif, dasar atau proses semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2020.

Kumpulan menganggap hutang dan jumlah ekuitinya sebagai modal dan memantau modal dengan menggunakan nisbah penggearing, iaitu jumlah hutang dibahagi dengan jumlah ekuiti. Kumpulan memasukkan peminjaman, pinjaman belum bayar kepada pemegang saham utama dan liabiliti LLA ke dalam jumlah hutang sementara pinjaman belum bayar kepada subsidiari ditambah masuk ke dalam jumlah hutang Syarikat. Jumlah ekuiti termasuk modal saham, saham perbendaharaan, rizab, perolehan terkumpul dan kepentingan tidak mengawal.

Analisis nisbah penggearing untuk Kumpulan dan Syarikat dinyatakan seperti di bawah:

Kumpulan

Dengan liabiliti LLA

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pinjaman	3,363,497	3,406,764
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	634,665	886,188
Liabiliti LLA	3,804,790	4,213,824
Jumlah hutang	7,802,952	8,506,776
Jumlah ekuiti	7,186,518	6,100,207
Jumlah modal dengan liabiliti LLA	14,989,470	14,606,983
Nisbah penggearing	109%	139%

Tanpa liabiliti LLA

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pinjaman	3,363,497	3,406,764
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	634,665	886,188
Jumlah hutang	3,998,162	4,292,952
Jumlah ekuiti	7,186,518	6,100,207
Jumlah modal tanpa liabiliti LLA	11,184,680	10,393,159
Nisbah penggearing	56%	70%

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Dasar pengurusan risiko modal (sambungan)

Kumpulan dikehendaki mematuhi perjanjian kewangan tertentu untuk kemudahan kebanyakan hutangnya, termasuk:

- (i) kedudukan ketara bersih yang disatukan;
- (ii) hutang bersih dan pembiayaan yang disatukan kepada nisbah ekuiti;
- (iii) hutang bersih dan pembiayaan yang disatukan kepada nisbah pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan ("EBITDA");
- (iv) nisbah perlindungan pembayaran kewangan yang disatukan.

Pada 31 Disember 2021, Kumpulan telah mematuhi semua perjanjian kewangan luar. Kumpulan akan terus memantau dan menilai pematuhan terhadap perjanjian kewangan untuk semua pinjaman secara berkala.

Syarikat

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	634,665	886,188
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	806,789	1,405,459
Pinjaman	496,451	75,080
Jumlah hutang	1,937,905	2,366,727
Jumlah ekuiti	7,429,561	7,268,826
Jumlah modal	9,367,466	9,635,553
Nisbah penggearingan	26%	33%

Tiada perjanjian kewangan dikenakan kepada Syarikat.

(c) Anggaran nilai saksama

Amaun yang diukur di dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dinyatakan menurut hierarki pengukuran nilai saksama:

- harga sebutan (tak terlaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang serupa (Tahap 1).
- input selain daripada harga sebutan termasuk di dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu, sebagai harga) atau secara tidak langsung (iaitu, diperolehi daripada harga) (Tahap 2).
- Input untuk aset atau liabiliti yang tidak berasaskan data pasaran yang dapat dilihat (iaitu, input tidak boleh diperhatikan) (Tahap 3).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Anggaran nilai saksama (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan aset dan liabiliti kewangan Kumpulan yang diukur pada nilai saksama pada 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2020.

Kumpulan

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
2021				
<u>Aset</u>				
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:				
(i) Derivatif				
– Kontrak hadapan mata wang asing	–	1,978	–	1,978
– Kontrak hadapan komoditi	1,561	–	–	1,561
(ii) Sekuriti dagangan	79,136	–	–	79,136
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	2,975	–	198,594	201,569
Jumlah aset	83,672	1,978	198,594	284,244
<u>Liabiliti</u>				
Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:				
(i) Liabiliti LLA	–	–	3,804,790	3,804,790
(ii) Derivatif				
– Kontrak hadapan mata wang asing	–	653	–	653
– Pertukaran kadar keuntungan Islam	–	3,571	–	3,571
– Kontrak hadapan komoditi	3,096	–	–	3,096
Jumlah liabiliti	3,096	4,224	3,804,790	3,812,110
2020				
<u>Aset</u>				
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:				
(i) Derivatif				
– Kontrak hadapan mata wang asing	–	9,561	–	9,561
– Kontrak hadapan komoditi	4,500	–	–	4,500
(ii) Sekuriti dagangan	68,201	–	–	68,201
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	3,566	–	140,685	144,251
Jumlah aset	76,267	9,561	140,685	226,513
<u>Liabiliti</u>				
Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:				
(i) Liabiliti LLA	–	–	4,213,824	4,213,824
(ii) Derivatif				
– Kontrak hadapan mata wang asing	–	929	–	929
– Pertukaran kadar keuntungan Islam	–	10,163	–	10,163
Jumlah liabiliti	–	11,092	4,213,824	4,224,916

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Anggaran nilai saksama (sambungan)

Syarikat tidak mempunyai aset dan liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama pada 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2020.

Tiada pindahan antara Tahap 1 dan 2 sepanjang tahun kewangan.

(i) Instrumen kewangan Tahap 1

Nilai saksama instrumen kewangan yang diniagakan di pasaran aktif berasaskan kepada sebut harga pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Sebut harga pasaran yang digunakan bagi aset-aset kewangan yang dipegang oleh Kumpulan adalah pada harga tawaran semasa. Instrumen ini termasuk dalam Tahap 1. Instrumen Tahap 1 sebahagian besarnya meliputi pelaburan ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia Sekuriti Berhad atau bursa saham asing, dikelaskan sebagai sekuriti dagangan atau aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif dan derivatif komoditi yang disebut harga di Malaysia Derivatives Exchange ("MDEX") bagi minyak sawit, kontrak hadapan komoditi gula, kontrak opsyen minyak mentah brent dan komoditi tukaran asing yang lain.

(ii) Instrumen kewangan Tahap 2

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak diniagakan di pasaran aktif ditentukan dengan menggunakan teknik-teknik penilaian. Teknik-teknik penilaian ini memaksimumkan penggunaan data pasaran yang boleh diperhatikan di mana ia tersedia dan bergantung sekecil yang mungkin kepada anggaran spesifik entiti. Jika kesemua input penting diperlukan kepada nilai saksama sesuatu instrumen yang boleh diperhatikan, instrumen tersebut termasuk di dalam Tahap 2. Instrumen termasuk dalam Tahap 2 terdiri daripada kontrak hadapan mata wang asing dan pertukaran kadar keuntungan Islam.

Jika satu atau lebih input penting tidak berasaskan data pasaran yang boleh diperhatikan, instrumen tersebut termasuk dalam Tahap 3.

(iii) Instrumen kewangan Tahap 3

Jadual berikut menunjukkan pertukaran instrumen kewangan Tahap 3 yang berulang sepanjang tahun kewangan:

	Kumpulan	
	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Liabiliti LLA</u>		
Pada 1 Januari	4,213,824	4,316,146
Pertukaran nilai saksama dikenakan kepada untung atau rugi	3,984	158,490
Pembayaran balik sepanjang tahun kewangan	(413,018)	(260,812)
Pada 31 Disember	3,804,790	4,213,824
<u>Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain</u>		
Pada 1 Januari	140,685	103,686
Penambahan	3,541	3,521
Pelupusan	-	(14,007)
Pertukaran nilai saksama	54,499	47,588
Perbezaan pertukaran mata wang	(131)	(103)
Pada 31 Disember	198,594	140,685

(d) Pengimbangan aset kewangan dan liabiliti kewangan

Tiada pengimbangan aset kewangan dan liabiliti kewangan untuk Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh Pengarah dan pihak pengurusan dan dibuat berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada nilai bawaan aset dan liabiliti pada tahun kewangan yang akan datang dibincangkan di bawah:

(i) Liabiliti LLA

Nilai saksama liabiliti LLA diukur menggunakan pengiraan aliran tunai terdiskaun dengan menggunakan unjuran aliran tunai berdasarkan belanjawan kewangan yang diluluskan oleh Pengarah yang meliputi tempoh 90 tahun. Hasil daripada penilaian nilai saksama, Kumpulan telah mengiktiraf liabiliti LLA sebanyak RM3,804,790,000 (2020: RM4,213,824,000). Perubahan nilai saksama bagi liabiliti LLA diukur berdasarkan andaian yang dibuat ke atas kadar diskaun, harga minyak sawit mentah, harga tandan buah segar, harga isirung sawit, purata hasil tandan buah segar, kadar inflasi, jumlah purata tanaman kelapa sawit dan getah, kos tetap penanaman semula ladang, dan perbelanjaan modal. Pada 31 Disember 2021, Kumpulan telah menggunakan anggaran perubahan terkini bagi mengira nilai saksama. Andaian-andaian utama merangkumi perkembangan terkini dari segi hasil dan kos ekoran isu kekurangan tenaga buruh dan risiko-risiko berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG") serta parameter lain seperti harga komoditi. Andaian-andaian utama ini dan analisis sensitiviti dinyatakan dalam Nota 47 kepada penyata kewangan.

(ii) Muhibah berkaitan kepada perniagaan gula dan operasi huluan sawit di Malaysia

Kumpulan menentukan sama ada muhibah dirosotnilai sekurang-kurangnya setahun sekali. Cara ini memerlukan anggaran amaun yang boleh diperoleh semula daripada unit penjanaan tunai ("CGU") di mana muhibah diperuntukkan. Penganggaran amaun yang boleh diperoleh semula memerlukan pihak pengurusan membuat anggaran jangkaan aliran tunai masa hadapan daripada CGU dan juga memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai semasa aliran tunai tersebut. Amaun yang boleh diperoleh semula bagi CGU ditentukan berdasarkan pengiraan yang tertinggi antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual atau nilai sedang digunakan ("VIU"). Nilai saksama ditolak kos untuk dijual atau VIU ialah nilai semasa bersih bagi unjuran aliran tunai masa hadapan yang terhasil daripada CGU didiskaun pada kadar diskaun yang sesuai. Unjuran aliran tunai ialah anggaran dibuat berdasarkan arah aliran sejarah dan industri, pasaran umum dan keadaan ekonomi dan maklumat lain yang ada.

Hasil daripada penilaian rosotnilai, Kumpulan tidak mengiktiraf sebarang kerugian rosotnilai (2020: Tiada) untuk muhibah yang berkaitan kepada perniagaan gula dan operasi huluan sawit di Malaysia semasa tahun kewangan. Andaian utama dan analisis sensitiviti dinyatakan dalam Nota 23(a) kepada penyata kewangan.

(iii) Rosotnilai aset bukan kewangan

Kumpulan menguji aset bukan kewangan untuk rosotnilai jika ada bukti objektif penurunan nilai. Pengurusan telah menilai bahawa aset bukan kewangan tertentu mungkin berpotensi untuk rosotnilai atau rosotnilai yang sedia ada mungkin diterbalikkan. Amaun boleh pulih aset-aset ini ditentukan berdasarkan pengiraan yang tertinggi antara nilai saksama tolak kos untuk dijual atau VIU. Nilai saksama ditolak kos untuk dijual atau VIU ialah nilai semasa bersih bagi unjuran aliran tunai masa hadapan yang terhasil daripada CGU didiskaun pada kadar diskaun yang sesuai. Unjuran aliran tunai ialah anggaran dibuat berdasarkan arah aliran sejarah dan industri, pasaran umum dan keadaan ekonomi dan maklumat lain yang ada.

Hasil daripada penilaian, Kumpulan telah mengiktiraf rosotnilai bersih sebanyak RM59,595,000 (2020: RM242,074,000) terhadap hartanah, loji dan peralatan dan hak penggunaan aset. Andaian utama dan analisis sensitiviti dinyatakan dalam Nota 20 kepada penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

6 HASIL

Kumpulan dan Syarikat memperoleh jenis hasil berikut:

Kumpulan

	2021 RM'000	2020 RM'000
Hasil daripada kontrak dengan pelanggan	19,341,185	13,998,928
Hasil daripada sumber lain	224,706	76,784
	19,565,891	14,075,712

(a) Pengasingan hasil daripada kontrak dengan pelanggan:

	Perladangan RM'000	Gula RM'000	Logistik dan lain-lain RM'000	Ibu pejabat korporat dan lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
2021					
Barangan dan khidmat utama:					
Jualan minyak sawit mentah ("MSM")	7,726,030	-	-	-	7,726,030
Jualan minyak sawit yang diproses ("PPO")	2,300,810	-	-	-	2,300,810
Jualan gula halus dan gula perang	-	2,253,538	-	-	2,253,538
Jualan isirung sawit ("PK")	606,221	-	-	-	606,221
Jualan baja, produk dibungkus dan lain-lain	2,259,473	-	-	-	2,259,473
Jualan asid lemak	1,159,050	-	-	-	1,159,050
Jualan produk getah	811,742	-	-	-	811,742
Jualan minyak isirung sawit mentah ("CPKO")	1,378,362	-	-	-	1,378,362
Jualan produk biodiesel	327,350	-	-	-	327,350
Perkhidmatan diberikan	37,487	6,067	334,417	-	377,971
Jualan Buah Tandan Segar ("BTS")	53,801	-	-	-	53,801
Pendapatan tambang pengangkutan	31,929	-	-	-	31,929
Lain-lain	24,868	-	9,663	20,377	54,908
	16,717,123	2,259,605	344,080	20,377	19,341,185
Masa pengiktirafan hasil					
– tepat pada masanya	16,647,655	2,253,538	282,301	20,377	19,203,871
– lebih masa	69,468	6,067	61,779	-	137,314
	16,717,123	2,259,605	344,080	20,337	19,341,185

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

6 HASIL (SAMBUNGAN)**Kumpulan (sambungan)**

(a) Pengasingan hasil daripada kontrak dengan pelanggan: (sambungan)

	Perladangan RM'000	Gula RM'000	Logistik dan lain-lain RM'000	Ibu pejabat korporat dan lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
2020					
<u>Barangan dan khidmat utama:</u>					
Jualan MSM	5,476,835	–	–	–	5,476,835
Jualan PPO	1,922,484	–	–	–	1,922,484
Jualan gula halus dan gula perang	–	2,185,235	–	–	2,185,235
Jualan PK	313,565	–	–	–	313,565
Jualan baja, produk dibungkus dan lain-lain	1,463,546	–	–	–	1,463,546
Jualan asid lelemak	861,156	–	–	–	861,156
Jualan produk getah	756,013	–	–	–	756,013
Jualan CPKO	341,988	–	–	–	341,988
Jualan produk biodiesel	213,562	–	–	–	213,562
Perkhidmatan diberikan	33,181	–	269,957	–	303,138
Jualan BTS	55,119	–	–	–	55,119
Pendapatan tambang pengangkutan	40,784	–	–	–	40,784
Keuntungan dari aktiviti perdagangan komoditi	32,333	–	–	–	32,333
Lain-lain	10,961	–	11,330	10,879	33,170
	11,521,527	2,185,235	281,287	10,879	13,998,928
Masa pengiktirafan hasil					
– tepat pada masanya	11,470,916	2,185,235	231,521	10,879	13,898,551
– lebih masa	50,611	–	49,766	–	100,377
	11,521,527	2,185,235	281,287	10,879	13,998,928

(b) Hasil daripada sumber lain

	2021 RM'000	2020 RM'000
Subsidi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan daripada jualan produk dibungkus	202,519	51,778
Pendapatan sewa	19,615	21,781
Pendapatan kewangan	2,572	3,225
	224,706	76,784

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

6 HASIL (SAMBUNGAN)**Syarikat**

	2021 RM'000	2020 RM'000
Hasil daripada kontrak dengan pelanggan	116,241	114,180
Hasil daripada sumber lain	383,046	244,524
	499,287	358,704
<u>Hasil daripada kontrak dengan pelanggan</u>		
Yuran pengurusan	116,241	114,180
Masa pengiktirafan pendapatan – lebih masa	116,241	114,180
<u>Hasil daripada sumber lain</u>		
Dividen daripada subsidiari: – tidak sebut harga	374,547	239,899
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	806,789	1,405,459	809,782	1,406,461

Nilai saksama pinjaman belum bayar kepada subsidiari dikira berdasarkan aliran tunai terdiskaun dan berdasarkan kadar pinjaman sebanyak 5.42% (2020: 5.40%). Nilai saksama pinjaman belum bayar kepada subsidiari ialah pengiraan Tahap 2.

Perubahan aliran tunai dan bukan tunai yang timbul daripada kegiatan pembiayaan pinjaman belum bayar kepada subsidiari dinyatakan dalam penyata aliran tunai.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

47 LIABILITI PERJANJIAN PAJAKAN TANAH (“LLA”)

Liabiliti perjanjian pajakan tanah dikira berasaskan kepada terma yang dinyatakan dalam pelbagai perjanjian seperti yang berikut:

(i) Perjanjian Pajakan Tanah (“LLA”)

Syarikat telah memeterai perjanjian dengan FELDA pada 1 November 2011 untuk memajak selama tempoh 99 tahun; (i) tanah dengan hak milik tanah individu yang dikeluarkan kepada FELDA sebagai pemilik berdaftar; (ii) tanah sedia ada yang diberi kepada FELDA untuk pembangunan tetapi di mana hak milik tanah belum dikeluarkan kepada FELDA; dan (iii) tanah lain yang akan diberi milik atau akan diambil alih oleh FELDA pada masa hadapan.

FELDA boleh menamatkan pajakan bagi tanah tertentu seperti berikut:

- (a) Tanah dengan mineral, kerana hak mineral tidak termasuk dalam pajakan;
- (b) Pengambilalihan atau hasrat pengambilalihan menurut Akta Pengambilalihan Tanah, 1960 (“LAA”), notis tuntutan semula oleh pihak berkuasa yang berkaitan atau notis seumpama yang dikeluarkan menurut mana-mana perundangan Malaysia.

Sekiranya berlaku penamatan, FELDA akan menyediakan tempoh notis dari 10 hari – 18 bulan, bergantung pada saiz tanah dan keadaan tuntutan semula tersebut.

Selepas dituntut semula, Kumpulan akan menerima pampasan daripada FELDA untuk kerugian jangkaan keuntungan masa hadapan daripada tanah tersebut, yang dikira berdasarkan keuntungan purata setiap hektar dan profail usia aset biologi terlibat yang diserahkan.

Bagi tanah dituntut semula oleh FELDA bagi pihak ketiga menurut Perjanjian Sewaan bertarikh 21 Januari 2012, tiada pampasan akan diterima oleh Syarikat.

Semasa tahun kewangan, Kumpulan telah menerima pampasan sebanyak RM15,343,000 daripada FELDA untuk pelupusan beberapa bidang tanah di bawah pemerolehan wajib dan untuk tujuan aktiviti-aktiviti perlombongan dan pembalakan.

(ii) LLA Tambahan

Pada 2 Januari 2012, Syarikat telah memeterai perjanjian tambahan kepada LLA (“LLA Tambahan”) untuk mengambil alih aset dan liabiliti tertentu selain aset biologi estet perladangan yang dimiliki oleh FELDA dengan pertimbangan belian bersamaan dengan nilai bawaan aset dan liabiliti yang diambil alih pada 31 Disember 2011 berjumlah RM54,690,000, menyingkirkan keperluan untuk mendapatkan persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri sebelum bermulanya LLA dan pindaan definisi kategori aset yang perlu dikekalkan oleh Syarikat. Hasilnya, LLA bermula pada 1 Januari 2012.

(iii) Perjanjian Novasi

FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd (“FGVPM”), sebuah subsidiari Syarikat, telah memeterai perjanjian novasi di mana semua manfaat, hak, hak milik, kepentingan, tanggungjawab, aku janji, perjanjian dan liabiliti Syarikat menurut LLA dan LLA Tambahan akan dipindahkan oleh Syarikat kepada FGVPM bermula 1 Januari 2012 dan FELDA telah bersetuju untuk memindahkan semua manfaat, hak, hak milik, kepentingan, tanggungjawab, aku janji, perjanjian dan liabiliti kepada FGVPM tertakluk pada terma dan syarat perjanjian novasi tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

47 LIABILITI PERJANJIAN PAJAKAN TANAH (“LLA”) (SAMBUNGAN)

Liabiliti perjanjian pajakan tanah dikira berasaskan kepada terma yang dinyatakan dalam pelbagai perjanjian seperti yang berikut: (sambungan)

(iv) Perjanjian Sewaan

Pada 6 Januari 2012, FELDA dan FGVPM telah memeterai perjanjian sewaan berhubung dengan LLA yang mana sewaan ini adalah untuk tempoh permulaan selama tiga tahun dan selepas tamat tempoh tiga tahun tersebut, FGVPM mempunyai pilihan untuk memperbaharui sewaan bagi tempoh setiap tiga tahun sehingga 99 tahun melainkan ditamatkan menurut peruntukan LLA. Pilihan untuk memperbaharui ini boleh dilaksanakan melalui notis bertulis, atau melalui tatacara pihak-pihak yang membenarkan lanjutan hak milik Tanah oleh FGVPM menurut perjanjian tersebut. Jika Kelulusan bagi mana-mana bahagian Tanah diperoleh dari semasa ke semasa atau hak milik tanah individu dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri untuk mana-mana bahagian Tanah Tambahan Sedia Ada dan Kelulusan diperoleh, pihak-pihak ini akan mendaftar pajakan selaras dengan LLA, dan selepas itu Tanah Yang Diluluskan akan dikecualikan daripada perjanjian ini dan hal sewaan tersebut akan termasuk menurut pajakan dalam LLA.

Pada 21 Januari 2012, FELDA dan FGVPM telah memeterai perjanjian sewaan berhubung tanah ladang tertentu yang terletak dalam hak FELDA. Sewaan bermula pada 1 Januari 2012 dan berkuatkuasa untuk tempoh permulaan selama tiga tahun. Apabila tamat tempoh tiga tahun perjanjian sewaan awal ini, FGVPM mempunyai pilihan untuk memperbaharui sewaan bagi tempoh tiga tahun lagi setiap kali sehingga mencapai tempoh 99 tahun melainkan ditamatkan menurut peruntukan dalam LLA dan pada pertimbangan yang dipersetujui yang menggambarkan Pertimbangan Pajakan menurut LLA tersebut. Jika FELDA kehilangan hak kepada tanah-tanah ini, tiada pampasan akan dibayar kepada FGVPM.

(v) Perjanjian Pengurusan

Pada 21 Mei 2012, Perjanjian Sewaan bertarikh 6 Januari 2012 telah ditambah oleh satu perjanjian tambahan, di mana kedua-dua FELDA dan FGVPM memperakui bahawa pada 1 Januari 2012, FGVPM masih belum dianggap atau diiktiraf sebagai tanah pribumi di Sarawak mengikut Kanun Tanah Sarawak. Kedua-dua FELDA dan FGVPM bersetuju untuk mengecualikan semua Tanah Sarawak daripada Perjanjian Sewaan dan LLA. Kedua-dua FELDA dan FGVPM bersetuju bahawa tiada pertimbangan pajakan yang dianggap perlu dibayar berhubung dengan sewaan tanah-tanah Sarawak bagi tempoh bermula dari 1 Januari 2012 sehingga FGVPM memperoleh status pribumi, semua Kelulusan telah diperoleh dan apabila pajakan telah didaftar menurut Kanun Tanah Sarawak. Apabila syarat yang dinyatakan dipenuhi, Tanah-tanah Sarawak akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada Baki Tanah Sedia Ada dan terma Perjanjian Pajakan Tanah akan diterapkan dan amalan perakaunan akan kekal sama seperti LLA.

Jika tanah atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa terjejas disebabkan oleh sebarang notis melalui pengambilalihan di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960, pemajak tidak akan dibayar pampasan bagi kos penamatan.

(vi) Surat Penjelasan

Pada 17 Julai 2015, FELDA dan FGVPM bersetuju selepas penjelasan beberapa terma dalam LLA dan perjanjian sampingannya, seperti yang berikut:

- Kos penyelenggaraan utiliti di atas tanah yang diuruskan oleh FELDA di Sahabat akan dicaj kepada FGVPM;
- Pembayaran balik deposit jaminan yang dibayar oleh syarikat berhubung dengan LLA (Nota 27) akan dilakukan melalui pengurangan sebarang bayaran jumlah pajakan sebelum tamat tempoh atau penentuan lebih awal LLA; dan
- Formula yang dipersetujui untuk mengira Perolehan Tersirat berhubung dengan pengiraan purata harga buah tandan segar (“BTS”) yang digunakan oleh FGVPM dalam penyediaan penyata keuntungan operasi perladangan kini dijelaskan melalui formula terperinci dan andaian yang disertakan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

47 LIABILITI PERJANJIAN PAJAKAN TANAH ("LLA") (SAMBUNGAN)

Tanah pajakan meliputi kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit dan getah. Berasaskan kepada kawasan pajakan yang dipersetujui, jumlah pajakan tetap tahunan yang perlu dibayar dianggarkan berjumlah RM243,552,000 (2020: RM243,673,000) setahun berserta 15% (2020: 15%) daripada keuntungan operasi perladangan daripada tanah tersebut setiap tahun.

	Kumpulan	
	2021 RM'000	2020 RM'000
Bukan semasa	3,314,874	3,881,584
Semasa	489,916	332,240
	3,804,790	4,213,824

Pergerakan dalam liabiliti LLA adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada 1 Januari	4,213,824	4,316,146
Perubahan nilai saksama dicaj kepada untung atau rugi (Nota 11)	3,984	158,490
Pembayaran balik dalam tahun kewangan	(413,018)	(260,812)
Pada 31 Disember	3,804,790	4,213,824

Nilai saksama liabiliti LLA diukur mengikut pengiraan aliran tunai terdiskaun menggunakan unjuran aliran tunai berdasarkan belanjawan kewangan yang diluluskan Pengarah meliputi 90 tahun.

Andaian utama yang digunakan untuk mengira nilai saksama liabiliti LLA adalah seperti berikut:

- (i) Kadar diskaun 9.47% (2020: 9.47%) berdasarkan kadar diskaun yang diterapkan oleh syarikat yang boleh dibandingkan
- (ii) Harga MSM RM2,450/MT hingga RM4,200/MT (2020: RM2,450/MT hingga RM2,809/MT)
- (iii) Harga PK RM1,500/MT hingga RM2,645/MT (2020: RM1,500/MT hingga RM1,800/MT)
- (iv) Hasil purata BTS 16.9 MT/ha hingga 21.8 MT/ha (2020: 16.3 MT/ha hingga 26.6 MT/ha)
- (v) Kos ladang matang RM3,304 sehektar hingga RM4,365 sehektar (2020: RM2,761 sehektar hingga RM3,566 sehektar)
- (vi) Kos ladang tidak matang RM4,575 sehektar hingga RM5,402 sehektar (2020: RM4,499 sehektar hingga RM4,949 sehektar)
- (vii) Tempoh pajakan tanah Lanjutan tempoh pajakan kepada 99 tahun (2020: 99 tahun) akan diperolehi bagi semua tanah estet perladangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

47 LIABILITI PERJANJIAN PAJAKAN TANAH ("LLA") (SAMBUNGAN)

Sensitiviti liabiliti LLA kepada perubahan andaian utama adalah seperti berikut:

<u>Andaian utama</u>	<u>Perubahan andaian</u>	<u>Kesan ke atas liabiliti LLA</u>
(i) Kadar diskaun	Bertambah 0.5%	Berkurang RM184.5 juta
	Berkurang 0.5%	Bertambah RM114.5 juta
(ii) Harga MSM	Bertambah RM200 setiap MT	Bertambah RM269.1 juta
	Berkurang RM200 setiap MT	Berkurang RM285.9 juta
(iii) Harga PK	Bertambah/berkurang RM100 setiap tan metrik	Bertambah/berkurang RM34.6 juta
(iv) Pertambahan/pengurangan hasil BTS	Bertambah/berkurang 1%	Bertambah/berkurang RM40.6 juta
(v) Kos ladang matang	Bertambah/berkurang 5%	Berkurang/bertambah RM110.2 juta
(vi) Kos ladang tidak matang	Bertambah/berkurang 5%	Berkurang/bertambah RM23.8 juta

48 PERUNTUKAN ASET PERSARAAN

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada 1 Januari	33,001	32,779
Peruntukan untuk tahun kewangan	8,245	–
Diskaun yang dilepaskan	447	437
Bayaran dibuat pada tahun kewangan semasa	(10)	(52)
Perbezaan tukaran mata wang	332	(163)
Pada 31 Disember	42,015	33,001

Peruntukan untuk aset persaraan berkait dengan kemudahan pembuatan asid lemak Kumpulan di Amerika Syarikat dan kilang-kilang di Malaysia. Kewajipan aset persaraan dikira berasaskan anggaran terperinci, dilaraskan bagi mengambil kira inflasi, diperingkatkan hingga ke tarikh perbelanjaan dianggarkan dan kemudian didiskaun menggunakan kadar faedah purata tanpa risiko kredit dilaraskan, yang menggambarkan anggaran liabiliti terbaik oleh pengurusan. Kos sebenar yang akan ditanggung pada tempoh akan datang mungkin berbeza daripada anggaran, memandangkan wujud ketidakpastian dalam penilaian pendedahan tertentu yang tertakluk pada ketidaktepatan untuk menganggarkan kewajipan aset persaraan tersebut.

	2021 RM'000	2020 RM'000
Dianalisis sebagai:		
Bukan semasa	41,349	32,358
Semasa	666	643
	42,015	33,001

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

49 PERUNTUKAN PELAN MANFAAT DITENTUKAN

Kumpulan mengendalikan pelbagai pelan manfaat persaraan di Malaysia, Thailand dan Indonesia untuk semua pekerja yang layak. Semua pelan itu ialah bayaran sekaligus bergantung pada tempoh perkhidmatan dan gaji mereka pada tahun-tahun terakhir sebelum bersara. Oleh kerana pelan manfaat persaraan tidak mempunyai dana, Kumpulan memenuhi kewajipan bayaran manfaat ditakrif apabila tiba masanya.

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Bukan semasa				
– Skim manfaat persaraan	28,513	37,652	535	782
– Skim bantuan perumahan	18,567	25,597	–	–
– Anugerah khidmat setia	4,056	4,243	97	95
	51,136	67,492	632	877

Skim manfaat persaraan ialah pelan manfaat tetap gaji akhir dengan jaminan pembayaran sekali gus semasa bersara, yang mana masih terbuka kepada peserta baharu. Skim bantuan perumahan ialah pelan manfaat tetap gaji akhir dengan pembayaran sekaligus semasa bersara atau pada masa keluar lebih awal melalui persaraan atas sebab kesihatan atau meninggal dunia semasa masih berkhidmat di Malaysia, yang mana masih terbuka kepada peserta baharu. Anugerah Khidmat Setia ialah untuk pekerja yang layak yang telah berkhidmat untuk Kumpulan selepas mencapai 15, 25 dan 35 tahun perkhidmatan di Malaysia (2020: 15, 25 dan 35 tahun perkhidmatan).

Semasa tahun kewangan, kaedah kos aktuari bagi skim manfaat persaraan disemak semula bagi merangkumkan manfaat sepanjang tempoh pekerjaan hingga usia persaraan (berbanding tempoh kelayakan seperti sebelum ini). Perubahan kaedah ini membawa kepada pengurangan dalam obligasi manfaat tertakrif pada 31 Disember 2021 yang diiktiraf sepenuhnya dalam pendapatan komprehensif lain sebagai sebahagian daripada pengukuran semula kerana impak perubahan tersebut ke atas penyata kewangan yang lampau dianggap tidak penting.

Manfaat Kumpulan untuk skim persaraan hendaklah dibayar kepada pekerja yang mencapai umur persaraan wajib dan telah berkhidmat dengan Kumpulan selama sekurang-kurangnya dua puluh (20) tahun perkhidmatan di Malaysia (2020: Kumpulan menerapkan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 Malaysia pada usia 60 tahun). Bagaimanapun, umur persaraan biasa untuk skim bantuan perumahan dikekalkan pada umur 56 tahun yang mana pembayaran dibuat bila mencapai usia 56 tahun, tanpa mengira petugas masih berkhidmat sehingga umur persaraan minimum 60 tahun. Tidak ada manfaat berbayar bagi khidmat yang diberi dari umur 55 hingga 60 tahun.

Pelan manfaat ditentukan untuk subsidiari di Indonesia dilaksanakan mengikut Undang-undang Buruh Indonesia No 13/2003 manakala untuk subsidiari di Thailand adalah berdasarkan Undang-undang Pelan Pemberhentian di mana Syarikat dikehendaki membayar bayaran pemberhentian mengikut undang-undang kepada pekerja yang meninggalkan pekerjaan pada umur persaraan atau diberhentikan tanpa sebab oleh Syarikat.

Pergerakan jumlah diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Nilai semasa kewajipan tidak berdana:				
Pada 1 Januari	67,492	87,801	877	1,706
Dicaj/(dikredit) kepada untung atau rugi	7,345	(22,189)	83	(864)
Bayaran manfaat	(4,089)	(2,363)	(66)	(12)
Pengukuran semula	(19,517)	4,333	(262)	47
Perbezaan tukaran mata wang	(95)	(90)	–	–
Pada 31 Disember	51,136	67,492	632	877

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

49 PERUNTUKAN PELAN MANFAAT DITENTUKAN (SAMBUNGAN)

Jumlah pengukuran semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain ditentukan seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Pengukuran semula:				
– Perubahan andaian kewangan	(4,718)	2,294	(66)	13
– Pelarasan pengalaman	(14,799)	2,039	(196)	34
	(19,517)	4,333	(262)	47

Jumlah yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Kos khidmat semasa	4,908	2,944	49	44
Kos kewangan	2,487	2,564	34	33
Pelarasan kos perkhidmatan yang terdahulu	–	(27,856)	–	(941)
Pengukuran semula	(50)	159	–	–
Caj/(kredit) diiktiraf dalam untung atau rugi	7,345	(22,189)	83	(864)

Kewajipan manfaat ditentukan untuk Kumpulan mengikut negara adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Nilai kewajipan semasa:				
– Malaysia	47,692	62,725	632	877
– Indonesia	2,408	3,631	–	–
– Thailand	1,036	1,136	–	–
	51,136	67,492	632	877

Andaian aktuari utama yang digunakan bagi manfaat persaraan ditentukan tanpa dana untuk Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 %	2020 %	2021 %	2020 %
Kadar diskaun	4.70	4.00	4.70	4.00
Jangkaan kadar kenaikan gaji	5.00	5.00	5.00	5.00

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

49 PERUNTUKAN PELAN MANFAAT DITENTUKAN (SAMBUNGAN)

Sensitiviti kewajipan manfaat ditentukan Kumpulan terhadap perubahan andaian utama berwajaran adalah seperti berikut:

	<u>Perubahan andaian</u>	<u>Kesan pada kewajipan manfaat ditentukan</u> RM'000
(i) Kadar diskaun	Meningkat 1% Berkurangan 1%	Berkurangan RM2,025 Meningkat RM2,368
(ii) Kadar kenaikan gaji	Meningkat 1% Berkurangan 1%	Meningkat RM953 Berkurangan RM1,223

Analisis sensitiviti di atas adalah berdasarkan perubahan pada satu andaian sementara semua andaian lain, kekal tidak berubah. Pada praktiknya, perkara ini tidak mungkin berlaku dan perubahan sesetengah andaian mungkin berhubung kait. Apabila mengira sensitiviti kewajipan ditentukan terhadap andaian aktuari penting, kaedah yang sama (nilai semasa kewajipan manfaat ditentukan dikira dengan kaedah unjuran kredit unit pada akhir tempoh laporan) diterapkan apabila mengira liabiliti manfaat yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Kaedah dan jenis andaian yang digunakan dalam penyediaan analisis sensitiviti ini tidak berubah berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya.

Tempoh purata berwajaran kewajipan manfaat ditentukan ialah 2 hingga 13 hingga 24 (2020: 2 hingga 28) tahun.

Analisis jangkaan kematangan kewajipan manfaat ditentukan tidak terdiskaun:

	Kurang dari setahun RM'000	Antara 1 – 2 tahun RM'000	Antara 2 – 5 tahun RM'000	Lebih 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Peruntukan bagi pelan manfaat ditentukan					
Pada 31 Disember 2021	2,133	2,531	8,971	88,218	101,853
Pada 31 Disember 2020	1,533	2,068	9,498	119,686	132,785

50 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi, apabila wujud hak yang boleh dilaksanakan untuk menolak selesai aset cukai semasa, dengan liabiliti cukai semasa dan apabila cukai-cukai tertunda itu berkait dengan pihak berkuasa cukai yang sama. Jumlah berikut, ditentukan selepas melalui imbalan sewajarnya, ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Kewajipan nilai semasa:				
Tertakluk pada cukai pendapatan				
– Aset cukai tertunda	295,131	526,672	6,527	–
– Liabiliti cukai tertunda	(575,740)	(635,501)	–	–

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

50 CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada 1 Januari	(108,829)	(20,653)	–	–
Pengambilalihan subsidiari (Nota 24 (c)(i))	–	563	–	–
(Caj)/kredit pada untung atau rugi (Nota 16):				
– aset tidak ketara	(282)	(918)	–	–
– hartanah, loji dan peralatan	(49,643)	(31,117)	(966)	–
– liabiliti pajakan	2,604	(1,092)	865	–
– aset biologi	(13,630)	(2,359)	–	–
– inventori	13,107	6,309	–	–
– belum terima	15,257	(158)	–	–
– belum bayar	(4,493)	21,917	5,471	–
– kerugian cukai tidak digunakan	(35,275)	(42,151)	–	–
– liabiliti LLA	(98,168)	(24,557)	–	–
– lain-lain	(1,370)	(14,790)	1,157	–
	(171,893)	(88,916)	6,527	–
Perbezaan tukaran mata wang	113	177	–	–
Pada 31 Disember	(280,609)	(108,829)	6,527	–
Aset cukai tertunda				
– belum terima	18,470	3,213	–	–
– hartanah, loji dan peralatan	3,350	3,971	–	–
– liabiliti pajakan	7,291	4,687	865	–
– aset tidak ketara	809	2,043	–	–
– pelaburan hartanah	8,699	8,699	–	–
– inventori	25,554	12,447	–	–
– liabiliti LLA	913,150	1,011,318	–	–
– belum bayar	101,706	106,199	5,471	–
– kerugian cukai tidak digunakan	90,366	125,641	–	–
– lain-lain	3,448	3,064	1,157	–
Jumlah sebelum pengimbangan	1,172,843	1,281,282	7,493	–
Pengimbangan	(877,712)	(754,610)	(966)	–
	295,131	526,672	6,527	–
Liabiliti cukai tertunda				
– aset tidak ketara	(13,027)	(13,979)	–	–
– hartanah, loji dan peralatan	(1,398,554)	(1,349,532)	(966)	–
– aset biologi	(27,310)	(13,680)	–	–
– inventori	(3,666)	(3,666)	–	–
– lain-lain	(10,895)	(9,254)	–	–
Jumlah sebelum pengimbangan	(1,453,452)	(1,390,111)	(966)	–
Pengimbangan	877,712	754,610	966	–
	(575,740)	(635,501)	–	–

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

50 CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Di bawah Akta Kewangan Malaysia 2018 yang diwartakan pada 27 Disember 2018, kerugian cukai tidak digunakan akan dikenakan dengan had penggunaan selama 7 tahun berturut-turut. Dalam Belanjawan 2022, had masa sedia ada untuk membawa ke hadapan kerugian perniagaan tidak digunakan dilanjutkan kepada 10 tahun berturut-turut. Peruntukan peralihan sedia ada untuk kerugian perniagaan tidak digunakan sejak YA 2018 dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk 10 tahun berturut-turut sehingga YA 2028.

Kerugian cukai tidak digunakan bagi Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021 di mana tiada aset cukai tertunda diiktiraf berdasarkan tempoh luput tahun penilaian ("YA") bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Luput pada YA 2025	–	831,731	–	–
Luput pada YA 2026	–	367,329	–	–
Luput pada YA 2027	–	162,571	–	–
Luput pada YA 2028	831,731	–	–	–
Luput pada YA 2029	367,329	–	–	–
Luput pada YA 2030	162,571	–	–	–
Luput pada YA 2031	13,443	–	–	–
	1,375,074	1,361,631	–	–

Jumlah kerugian cukai tidak digunakan di mana tidak ada aset cukai tertunda diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan subsidiari tertentu Kumpulan dan Syarikat kerana Pengarah berpendapat bahawa tiada kemungkinan ada keuntungan boleh cukai yang mencukupi bagi membolehkan aset cukai tertunda digunakan menjelang tahun penilaian 2025 adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Kerugian cukai tidak digunakan	1,375,074	1,361,631	–	–
Perbezaan sementara boleh ditolak	130,932	–	–	–
	1,506,006	1,361,631	–	–

Syarikat telah diberi pengecualian sebagai Syarikat Pegangan Pelaburan menurut Seksyen 60F dan Seksyen 50FA Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tempoh YA2010 hingga YA2020. Tempoh pengecualian telah tamat bagi tahun kewangan semasa, menyebabkan kerugian cukai belum guna Syarikat diabaikan dan tidak dapat dibawa ke tahun seterusnya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

51 BELUM BAYAR

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Liabiliti bukan semasa</u>				
Dagangan belum bayar	10,189	15,196	–	–
<u>Liabiliti semasa</u>				
Dagangan belum bayar	323,623	218,269	–	–
Belum bayar lain dan akruan	1,071,019	811,394	63,950	50,976
Peruntukan bagi kerugian litigasi	19,802	19,802	–	–
	1,414,444	1,049,465	63,950	50,976
	1,424,633	1,064,661	63,950	50,976

Termasuk dalam dagangan belum bayar di bawah liabiliti bukan semasa ialah nilai semasa bersih yang tertunggak daripada bayaran pajakan minimum yang dibuat di bawah pajakan kewangan belum bayar.

Belum bayar didenominasi seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
– Ringgit Malaysia	1,345,509	988,180	58,230	50,976
– Dolar Amerika Syarikat	53,689	55,341	5,525	–
– Rupiah Indonesia	13,202	11,748	–	–
– Rupee Pakistan	11,035	6,981	–	–
– Baht Thailand	948	2,095	–	–
– Euro Eropah	–	316	–	–
– Dolar Singapura	55	–	–	–
– Pound Great Britain	120	–	120	–
– Yuan China	75	–	75	–
	1,424,633	1,064,661	63,950	50,976

Tempoh kredit untuk dagangan belum bayar sehingga 90 hari (2020: sehingga 90 hari).

Nilai saksama untuk belum bayar hampir sama dengan nilai bawaan masing-masing kerana kesan diskaun adalah tidak ketara.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

52 LIABILITI KONTRAK

	Kumpulan	
	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Liabiliti kontrak</u>		
Pada 1 Januari	104,168	77,623
Hasil diiktiraf yang termasuk dalam baki liabiliti kontrak pada awal tempoh kewangan	(97,554)	(63,222)
Tunai diterima/amaun dibil bagi obligasi tidak dipenuhi	125,726	89,767
Pada 31 Disember	132,340	104,168

Hasil diiktiraf berhubung liabiliti kontrak:

Jadual berikut menunjukkan berapa banyak hasil diiktiraf dalam tempoh pelaporan semasa berhubung liabiliti kontrak dibawa ke hadapan.

	Kumpulan	
	2021 RM'000	2020 RM'000
Hasil diiktiraf yang dimasukkan dalam baki liabiliti kontrak pada permulaan tempoh		
– Jualan produk sawit	54,299	41,651
– Jualan komoditi lain dan produk sampingan	16,770	15,036
– Peruntukan perkhidmatan	20,777	2,335
– Kontrak pembinaan	–	664
– Lain-lain	5,708	3,536
	97,554	63,222

Jumlah agregat harga urus niaga yang diperuntukkan kepada obligasi pelaksanaan yang tidak dipenuhi (atau sebahagiannya tidak dipenuhi) pada akhir tarikh pelaporan, yang dijangka diiktiraf oleh Kumpulan dalam 12 bulan akan datang adalah RM132,340,000 (2020: RM104,168,000).

Semua kontrak lain adalah untuk tempoh satu tahun atau kurang atau dibilkan berdasarkan masa yang ditanggung. Seperti yang dibenarkan menurut MFRS 15, Kumpulan menggunakan cara praktikal yang memudahkan dalam MFRS 15 dan tidak mendedahkan maklumat berkenaan obligasi pelaksanaan diiktiraf yang mempunyai tempoh jangka asal satu tahun atau kurang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

53 INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan mengikut kategori

	Kumpulan 31 Disember 2021			
	Kos terlunas RM'000	Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain RM'000	Jumlah RM'000
<u>Aset seperti dalam penyata kedudukan kewangan</u>				
Belum terima (tidak termasuk prabayaran dan GST belum terima)	1,303,258	-	-	1,303,258
Jumlah belum terima daripada syarikat induk utama	51,202	-	-	51,202
Jumlah belum terima daripada usaha sama	205,274	-	-	205,274
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	75,908	-	-	75,908
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	-	201,569	201,569
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	79,136	-	79,136
Aset kewangan derivatif	-	3,539	-	3,539
Deposit, baki tunai dan di bank	2,031,666	-	-	2,031,666
Jumlah	3,667,308	82,675	201,569	3,951,552
		Liabiliti pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Liabiliti kewangan lain pada kos terlunas RM'000	Jumlah RM'000
<u>Liabiliti seperti dalam penyata kedudukan kewangan</u>				
Jumlah belum bayar kepada syarikat induk utama		-	276,082	276,082
Jumlah belum bayar kepada syarikat bersekutu		-	351	351
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain		-	15,970	15,970
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama		-	634,665	634,665
Pinjaman		-	3,363,497	3,363,497
Liabiliti pajakan		-	322,099	322,099
Liabiliti LLA		3,804,790	-	3,804,790
Liabiliti kewangan derivatif		7,320	-	7,320
Belum bayar		-	1,414,444	1,414,444
Jumlah		3,812,110	6,027,108	9,839,218

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

53 INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Instrumen kewangan mengikut kategori (sambungan)

	Kumpulan 31 Disember 2020			
	Kos terlunas RM'000	Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain RM'000	Jumlah RM'000
<u>Aset seperti dalam penyata kedudukan kewangan</u>				
Belum terima (tidak termasuk prabayaran dan GST belum terima)	1,366,839	–	–	1,366,839
Jumlah belum terima daripada syarikat induk utama	74,895	–	–	74,895
Jumlah belum terima daripada usaha sama	26,908	–	–	26,908
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	63,660	–	–	63,660
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	–	–	144,251	144,251
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	–	68,201	–	68,201
Aset kewangan derivatif	–	14,061	–	14,061
Deposit, baki tunai dan di bank	1,729,194	–	–	1,729,194
Jumlah	3,261,496	82,262	144,251	3,488,009
		Liabiliti pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM'000	Liabiliti kewangan lain pada kos terlunas RM'000	Jumlah RM'000
<u>Liabiliti seperti dalam penyata kedudukan kewangan</u>				
Jumlah belum bayar kepada syarikat induk utama	–	–	265,984	265,984
Jumlah belum bayar kepada syarikat bersekutu	–	–	494	494
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	–	–	1,374	1,374
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	–	–	886,188	886,188
Pinjaman	–	–	3,406,764	3,406,764
Liabiliti pajakan	–	–	385,826	385,826
Liabiliti LLA	–	4,213,824	–	4,213,824
Liabiliti kewangan derivatif	–	11,092	–	11,092
Belum bayar	–	–	1,049,465	1,049,465
Jumlah	–	4,224,916	5,996,095	10,221,011

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

53 INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Instrumen kewangan mengikut kategori (sambungan)

	Syarikat Kos terlunas	
	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Aset seperti dalam penyata kedudukan kewangan</u>		
Belum terima (tidak termasuk prabayaran)	13,950	10,042
Jumlah belum terima daripada syarikat induk utama	20	20
Jumlah belum terima daripada subsidiari	344,352	775,893
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan	797	711
Pinjaman belum terima daripada subsidiari	216,830	368,886
Deposit, baki tunai dan di bank	338,675	20,073
Jumlah	914,624	1,175,625

	Syarikat Liabiliti kewangan lain pada kos terlunas	
	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Liabiliti seperti dalam penyata kedudukan kewangan</u>		
Belum bayar	63,950	50,976
Jumlah belum bayar kepada syarikat induk utama	1,179	1,179
Jumlah belum bayar kepada subsidiari	15,848	14,289
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	85	69
Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama	634,665	886,188
Pinjaman belum bayar kepada subsidiari	806,789	1,405,459
Pinjaman	496,451	75,080
Liabiliti pajakan	28,318	32,065
Jumlah	2,047,285	2,465,305

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

54 URUSNIAGA PENTING PIHAK BERKAITAN

Di samping pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan dalam bahagian lain penyata kewangan ini, berikut diterangkan urus niaga dan baki pihak berkaitan penting yang lain.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("FELDA"), syarikat induk utama bagi Kumpulan dan Syarikat efektif dari 24 Disember 2020, ialah badan korporat berkanun yang ditubuhkan menurut Akta Kemajuan Tanah 1956 dan dikawal oleh Kerajaan Malaysia. Kumpulan menganggap, bagi tujuan MFRS 124 – "Pendedahan Pihak Berkaitan", FELDA dan Kerajaan Malaysia boleh mempunyai pengaruh penting ke atasnya. Hasilnya, Kerajaan Malaysia dan badan-badan dikawal Kerajaan Malaysia (secara kolektif dirujuk sebagai "entiti-entiti berkaitan kerajaan") ialah pihak berkaitan bagi Kumpulan dan Syarikat.

Selain urus niaga penting berasingan seperti dinyatakan dalam Nota 29, 45, 46, 47, 54(a), 54(b), 54(c) and 54(e) pada penyata kewangan, Kumpulan dan Syarikat secara kolektif, bukan secara individu, mempunyai urus niaga penting dengan entiti-entiti berkaitan kerajaan yang lain, meliputi, tetapi tidak terhad kepada berikut:

- (i) Pembelian barangan dan khidmat, termasuk penggunaan utiliti dan kemudahan awam
- (ii) Penempatan deposit bank dengan institusi-institusi kewangan berkaitan kerajaan

Urusniaga ini dilaksanakan dalam perjalanan lazim perniagaan Kumpulan berasaskan syarat yang diterapkan secara konsisten menurut dasar dan proses dalaman Kumpulan. Terma ini tidak bergantung pada sama ada pihak berurusan itu adalah entiti berkaitan kerajaan atau tidak.

Pihak berkaitan penting dan hubungannya diringkaskan seperti berikut:

- (i) Subsidiari
 - FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd ("FGVPM")
 - FGV Agri Services Sdn Bhd ("FASSB")
 - FGV Kernel Products Sdn Bhd ("FKPSB")
 - FGV Palm Industries Sdn Bhd ("FPISB")
 - FGV Prodata Systems Sdn Bhd ("Prodata")
 - FGV Rubber Industries Sdn Bhd ("FRISB")
 - FGV Security Sdn Bhd ("FSSSB")
 - FGV Fertiliser Sdn Bhd ("FGVF")
 - Felda Travel Sdn Bhd ("Felda Travel")
 - FGV Bulkiers Sdn Bhd ("FBSB")
 - FGV Capital Sdn Bhd ("FGVC")
 - FGV Trading Sdn Bhd ("FGV Trading")
- (ii) Usaha sama
 - FPG Oleochemicals Sdn Bhd ("FPG")
 - FGV Iffco Sdn Bhd Group ("FISB Group")
 - MAPAK Edible Oil Pvt Ltd ("MAPAK")
- (iii) Syarikat bersekutu
 - F.K.W Global Commodities (Private) Limited ("FKW")
- (iv) Syarikat berkaitan lain
 - Yayasan FELDA (Entiti dikawal oleh FELDA)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

54 URUSNIAGA PENTING PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
(a) Penjualan barangan, khidmat dan pelaburan				
(i) <u>Urusniaga dengan subsidiari</u>				
Dividen diterima/belum terima daripada subsidiari	–	–	374,547	239,899
Yuran pengurusan dicaj kepada subsidiari	–	–	116,241	114,180
(ii) <u>Urusniaga dengan usaha sama</u>				
Penjualan MSM oleh FGV Trading dan FPISB kepada Kumpulan FISB	587,372	698,385	–	–
Penjualan CPKO, RBDPKO dan PFAD oleh FKPSB kepada Kumpulan FISB dan FPG	264,737	723,625	–	–
Penjualan MSM oleh FGV Trading dan FPISB kepada MAPAK	215,617	266,384	–	–
Peruntukan stor simpanan minyak sayuran oleh FBSB kepada Kumpulan FISB dan FPG	21,135	18,051	–	–
(iii) <u>Urusniaga dengan syarikat bersekutu</u>				
Penjualan minyak sawit diproses ("PPO") oleh FGV Trading dan FPISB kepada FKW	29,597	29,070	–	–
(iv) <u>Urusniaga dengan FELDA dan subsidiari bukan FGV</u>				
Penjualan baja oleh FGVC	233,409	160,135	–	–
Khidmat IT oleh Prodata	37,253	23,295	–	–
Khidmat keselamatan oleh FSSSB	21,705	18,981	–	–
Penjualan anak benih dan bahan tanaman oleh FASSB	13,033	10,547	–	–
Khidmat penginapan dan pelancongan oleh Felda Travel	263	539	–	–
Sumbangan kepada Yayasan FELDA	5,000	5,000	–	–
(b) Pembelian barangan dan khidmat				
(i) <u>Urusniaga dengan subsidiari</u>				
Kos kewangan dicaj oleh FGVC	–	–	34,524	12,460
Pembelian khidmat IT daripada Prodata	–	–	2,003	4,953
Pembelian khidmat keselamatan daripada FSSSB	–	–	146	146
Pembelian khidmat pelancongan daripada Felda Travel	–	–	232	232

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

54 URUSNIAGA PENTING PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
(b) Pembelian barangan dan khidmat (sambungan)				
(ii) <u>Urusniaga dengan FELDA dan subsidiari bukan FGV</u>				
Bayaran balik pinjaman	250,000	310	250,000	310
Caj pembelanjaan kewangan	40,759	42,335	40,759	42,335
Caj sewaan bangunan	2,281	2,226	52	52
Liabiliti LLA dibayar oleh FGVPM	413,018	260,812	–	–
Pembelian lateks oleh FRISB	148,117	136,033	–	–
Pembelian BTS oleh FPISB dan FGVPM	5,333,216	3,000,019	–	–
Bayaran Jawatankuasa Perundingan Bersama oleh FPISB dan FGVPM kepada FELDA	16,953	12,400	–	–

(c) Urusniaga dengan entiti berkaitan Kerajaan

Urusniaga antara subsidiari dan agensi kerajaan lain

Subsidi minyak masak diterima daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB") dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Subsidi minyak masak diterima daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB") dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	202,519	51,778	–	–
Bayaran Cess kepada MPOB	42,240	38,771	–	–

(d) Pampasan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama terdiri daripada Pengarah dan pengurusan kanan dengan jawatan Naib Presiden dan ke atas, mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal kegiatan Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Jumlah agregat emolumen yang diterima/belum terima oleh kakitangan pengurusan utama Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Yuran	1,659	1,752	1,630	1,621
Gaji dan bonus	20,856	20,415	20,856	20,415
Pelan manfaat dan caruman wajib	3,713	3,630	3,713	3,630
Lain-lain manfaat pekerja jangka pendek	4,329	4,446	3,545	3,877
	30,557	30,243	29,744	29,543

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

54 URUSNIAGA PENTING PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

- (e) Pinjaman belum terima daripada subsidiari

Terma dan syarat pinjaman diterangkan dalam Nota 34 pada penyata kewangan.

	Syarikat	
	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada 1 Januari	368,886	62,600
Tambahan	446,539	434,437
Pembayaran balik	(598,595)	(128,151)
Pada 31 Disember	216,830	368,886

55 KOMITMEN MODAL

	Kumpulan	
	2021 RM'000	2020 RM'000
Perbelanjaan modal dilulus dan diikat kontrak untuk:		
– Hartanah, loji dan peralatan	124,368	201,853
	124,368	201,853

56 LIABILITI LUAR JANGKA

Selain daripada yang dibentangkan pada Nota 57, tiada sebarang liabiliti luar jangka pada akhir tahun kewangan.

57 LITIGASI PENTING

- (i) Pada 18 Mei 2021, FGV Prodata System Sdn Bhd (“Prodata” atau “Defendan Pertama”) sebuah subsidiari tidak langsung Syarikat, telah menerima Writ Saman yang dimeterai bertarikh 12 Mei 2021 (“Writ”) oleh VDSL Technology Sdn Bhd (“VDSL” atau “Plaintif”).

Plaintif menuntut pampasan kerosakan berjumlah RM170,707,600 berikutan dakwaan pelanggaran pelbagai perjanjian oleh Defendan Pertama dan FELDA (“Defendan Kedua”) yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak terlibat berhubung Projek Inisiatif Jalur Lebar Felda.

Pada 1 November 2021, VDSL telah memfailkan pernyataan tuntutan yang dipinda dan pengurusan kes telah diadakan pada hari yang sama untuk tuntutan utama, iaitu permohonan Prodata untuk kos sekuriti dan permohonan VDSL untuk perintah perlindungan. Menurut perbicaraan pada 19 Januari 2022, Hakim telah mengarahkan untuk kes ini menjalani mediasi agar pihak-pihak terlibat boleh berbincang dan mencapai penyelesaian secara damai; sementara itu, prosiding mahkamah akan diteruskan.

Mahkamah telah menetapkan mediasi pada 11 Mac 2022. Bagaimanapun, atas permohonan VDSL untuk menangguhkan mediasi tersebut, Mahkamah telah menetapkan tarikh baharu pada 11 Mei 2022. Mahkamah telah menetapkan 2 Jun 2022 untuk perbicaraan semua permohonan interlokutori.

Berdasarkan pendapat perundangan, Prodata berkemungkinan besar akan berjaya menolak tuntutan VDSL.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

57 LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

- (ii) Pada 12 Februari 2019, kesemua Defendan kepada tuntutan yang difailkan oleh Syarikat pada 23 November 2018 terhadap mantan ahli-ahli Lembaga Pengarah dan kakitangannya berhubung pengambilalihan APL ("tuntutan Syarikat") telah memfailkan Pertahanan masing-masing kecuali satu, yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi untuk memfailkan Pertahanannya pada atau sebelum 4 Mac 2019.

Pada 11 Februari 2019, beberapa Defendan kepada tuntutan Syarikat telah memfailkan tuntutan balas ("Tuntutan Balas") terhadap Syarikat dan mantan ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat ("Defendan Tuntutan Balas").

Tuntutan Balas tersebut merangkumi pelepasan, secara bersama dan berasingan, terhadap Syarikat dan Defendan Tuntutan Balas untuk perisytiharan bahawa Syarikat dan Defendan Tuntutan Balas bertanggungjawab ke atas kerugian sebanyak RM514 juta (dalam tuntutan Syarikat) dan untuk sebarang kerosakan, kerosakan am dan faedah pada 5% setahun yang akan ditanggung oleh Syarikat dan Defendan Tuntutan Balas.

Pada 8 November 2019, Defendan Tuntutan Balas telah memfailkan permohonan untuk membatalkan Tuntutan Balas tersebut. Mahkamah Tinggi selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, telah membatalkan Tuntutan Balas tersebut dan menolak tuntutan Defendan ke-10 hingga ke-14 berserta kos. Mahkamah Tinggi juga mengarahkan Defendan untuk memfailkan dan menyerahkan Pembelaan yang Dipinda dan menetapkan tindakan pengurusan kes Syarikat pada 13 Januari 2020. Pada 13 Januari 2020, Peguam Cara bagi Defendan ke-8 memaklumkan Mahkamah bahawa mereka telah memfailkan permohonan untuk meminda Pembelaan mereka.

Pada 6 September 2021, Mahkamah Rayuan telah mendengar dan membenarkan Defendan ke-10 hingga ke-14 untuk merayu penarikan balik keputusan Mahkamah Tinggi.

Syarikat memfailkan permohonan cuti untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan ("Permohonan Cuti"). Permohonan Cuti tersebut telah ditetapkan pada 23 Mac 2022, tetapi telah ditukar kepada pengurusan kes. Pada 23 Mac 2022, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan tarikh baharu perbicaraan pada 27 Jun 2022 dan pengurusan kes pada 13 Jun 2022.

Pada 24 Mac 2022, pengurusan kes di Mahkamah Tinggi telah dikosongkan dan Mahkamah telah menetapkan tarikh baharu pada 5 April 2022.

Tuntutan selebihnya tidak penting untuk didedahkan di dalam penyata kewangan dan dianggap tidak berkaitan oleh para Pengarah.

58 PERISTIWA PENTING BAGI TAHUN KEWANGAN

- (i) Pada 19 Mac 2021, sebaran pegangan saham Syarikat adalah pada 13.99%. Kekurangan pada sebaran pegangan saham awam Syarikat timbul secara langsung daripada tawaran pengambilalihan mandatori tanpa syarat oleh FELDA yang telah ditutup pada 15 Mac 2021.

Pada 24 Mac 2021, Lembaga Pengarah Syarikat mengumumkan bahawa Bursa Securities, menerusi surat bertarikh 23 Mac 2021, telah memberikan Syarikat lanjutan masa selama enam bulan bermula 3 Ogos 2021 untuk mematuhi Kehendak Sebaran Awam.

Pada 5 Ogos 2021, Lembaga Pengarah mengumumkan bahawa Bursa Securities, menerusi surat bertarikh 4 Ogos 2021, telah memberikan satu lagi lanjutan masa selama enam bulan sehingga 3 Februari 2022, untuk Syarikat mematuhi Kehendak Sebaran Awam.

Pada 31 Januari 2022, Lembaga Pengarah mengumumkan bahawa Bursa Securities, menerusi surat bertarikh 28 Januari 2022, telah memberikan satu lagi lanjutan masa selama enam bulan sehingga 3 Ogos 2022, untuk Syarikat mematuhi Kehendak Sebaran Awam.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

58 PERISTIWA PENTING BAGI TAHUN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (ii) Pada 30 April 2021, FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (“FGVIF”) memeterai lembaran penggal yang mengikat bersama MSM Malaysia Holdings Berhad (“MSM”) untuk cadangan pemerolehan 37,354,500 saham biasa merangkumi 100% modal saham berbayar dan diterbitkan dalam MSM Perlis Sdn Bhd (“MSM Perlis”) dan semua saham biasa yang akan diterbitkan dan diagihkan kepada MSM sebelum pemeteraian Perjanjian Jualan Saham (“SSA”) untuk pertimbangan tunai sebanyak RM175.0 juta, tertakluk kepada pelarasan hutang bersih dan modal kerja bersih apabila Cadangan Pemerolehan tersebut selesai.

Pada 29 September 2021, cadangan pemerolehan tersebut selesai sejajar dengan terma-terma SSA tersebut. Pada 1 November 2021, Lembaga Pengarah mengumumkan bahawa pertimbangan pemerolehan akhir bagi pemerolehan tersebut telah ditetapkan mengikut terma-terma SSA tersebut dan dipersetujui oleh FGVIF and MSM, pada RM181,106,117.

- (iii) Pada 22 Disember 2021, Lembaga Pengarah Syarikat mengumumkan bahawa Syarikat telah pada 20 Disember 2021 telah mengajukan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) cadangan Program Sukuk Murabahah di bawah Garis Panduan SC berhubung Produk-produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai di bawah Rangka Kerja “Lodge and Launch”.

Program Sukuk Murabahah akan bertempoh lapan (8) tahun bermula tarikh terbitan pertama Sukuk Murabahah di bawah Program Sukuk Murabahah, yang akan dibuat dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja bermula dari tarikh ajuan kepada SC (atau tempoh lanjutan lain yang diluluskan oleh SC). Tempoh bagi setiap Sukuk Murabahah yang diterbitkan di bawah Program Sukuk Murabahah haruslah di antara satu (1) tahun hingga lapan (8) tahun, dengan syarat tiada Sukuk Murabahah mencapai tempoh matang selepas tarikh luput Program Sukuk Murabahah tersebut. Sukuk Murabahah yang diterbitkan di bawah Program Sukuk Murabahah adalah tidak dinilai.

Hasil daripada Program Sukuk Murabahah akan digunakan oleh Syarikat untuk membiayai semula pembiayaan atau pinjamannya yang sedia ada. Bagi mengelak sebarang keraguan, penggunaan hasil daripada Program Sukuk Murabahah akan turut disalurkan untuk tujuan pematuhan Syariah.

Pada 31 Disember 2021, Syarikat telah menerbitkan Sukuk Murabahah pertama berjumlah RM500 juta dalam nilai nominal sejajar dengan Program Sukuk Murabahah. Terbitan Sukuk Murabahah berjumlah RM500 juta itu tidak akan mempunyai kesan ke atas modal saham berbayar dan diterbitkan FGV dan/atau pegangan saham utama di FGV.

Sukuk yang diterbitkan oleh Syarikat dinyatakan sebagai pinjaman tidak bercagar pada 31 Disember 2021 sementara menanti syarat-syarat tertentu dipenuhi. Sebaik syarat-syarat tersebut dipenuhi, Sukuk tersebut akan dinyatakan sebagai pinjaman Bercagar.

59 KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 4 April 2022.

www.fgvholdings.com

FGV HOLDINGS BERHAD

No. Pendaftaran 200701042133 (800165-P)

Aras 21, Wisma FGV, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia

t +603 2789 0000 f +603 2789 0001